

# KEPASARAN SISWAZAH: KAJIAN TERHADAP LULUSAN PENGAJIAN MEDIA

MOHD YAHYA MOHAMED ARIFFIN

## ABSTRACT

This research examines the employment status of fresh graduates from the Department of Media Studies, UM. It identifies their marketability and qualities in terms of their attitude, knowledge and skills. The survey findings show that the rate of employment is high among the graduates and there is no significant difference between races and between genders. However, there are differences in other areas.

**Keywords:** graduates, employment status, language skills, computer skills, employers' perspective, source of information

## PENGENALAN

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, penyertaan banyak pihak swasta dalam sektor pendidikan negara serta penubuhan lebih banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) oleh kerajaan menyebabkan pembangunan sektor ini telah mengalami perubahan besar di negara ini. Perkembangan ini telah menambahkan penawaran tenaga kerja di pasaran pekerjaan sedangkan permintaannya tidak tumbuh secara selari. Sektor perkhidmatan awam tidak lagi merupakan pasaran utama tenaga kerja. Ini menunjukkan bahawa tenaga kerja berijazah sarjana muda terpaksa mengarah kepada peluang-peluang pekerjaan yang disediakan oleh sektor swasta yang dikaitkan dengan persaingan yang tinggi. Persaingan ini memerlukan kualiti tertentu para lulusan dari IPT awam dan swasta yang akan dinilai mengikut keupayaan graduannya memasarkan dan menyesuaikan kecekapan serta kemahiran yang telah dipelajari ke dalam dunia kerjaya.

## OBJEKTIF

Kajian ini dijalankan untuk melihat perbezaan jantina dan bangsa siswazah Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS), Universiti Malaya (UM) dengan status pekerjaan dan kerjaya mereka sekarang selepas menamatkan pengajian. Kajian ini juga turut melihat kualiti dan ciri-ciri yang ada pada mereka, di samping cuba melihat status siswazah yang masih belum bekerja selepas enam bulan menamatkan pengajian masing-masing.

## METODOLOGI

Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam siasatan untuk mendapatkan maklumat utama untuk kajian ini. Ia diedarkan kepada responden yang merupakan sampel siswazah dari Jabatan Pengajian

Media, FSSS yang belajar pada sesi 1998 sehingga 2002 dan sebanyak 147 soal selidik diterima daripada responden. Kajian ini memberi fokus kepada status pekerjaan para lulusan selepas enam bulan menamatkan pengajian sebagai petunjuk utama kepasaran mereka dan juga tiga perkara asas yang merujuk kepada kualiti iaitu sikap, ilmu pengetahuan, dan kemahiran siswazah tersebut.

Jabatan Pengajian Media merupakan salah satu jabatan yang terdapat di dalam FSSS, UM. Jabatan ini ditubuhkan pada tahun 1993 dan sebelum ini ia dikenali sebagai Jabatan Penulisan. Selaras dengan perkembangan semasa, Jabatan Pengajian Media memberi tumpuan kepada pengajian komunikasi dan media. Terdapat empat program yang ditawarkan pada peringkat ijazah sarjana muda iaitu Program Komunikasi dan Kewartawanan, Program Penerbitan dan Multimedia, Program Penulisan Kreatif dan Profesional, dan Program Penyiaran dan Filem.

## **KAJIAN LEPAS**

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam kajiannya mendapati 4,000 graduan gagal mendapatkan pekerjaan untuk tempoh suku pertama tahun 2002. Ia juga menunjukkan sebanyak 94 peratus daripada 24,728 siswazah lepasan IPT di negara ini yang telah mendaftar untuk mengikuti Skim Siswazah Menganggur (SSM) merupakan golongan Bumiputera sementara 3.7 peratus adalah kaum Cina dan 1.6 peratus kaum India. Daripada jumlah ini, siswazah jurusan sastera adalah tertinggi iaitu 31.1 peratus, diikuti siswazah ekonomi (11.3 peratus), perakaunan (9.2 peratus), pentadbiran perniagaan (8.8 peratus), dan pendidikan Islam (8.6 peratus). Kajian ini juga menunjukkan punca utama ramai siswazah Bumiputera menganggur adalah disebabkan mereka memilih jurusan sastera ataupun kursus yang tidak diperlukan oleh pasaran kerja. Selain itu, kegagalan untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan oleh keputusan peperiksaan yang kurang cemerlang dan tahap penguasaan bahasa Inggeris yang rendah.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 (RRJP3) yang dikeluarkan oleh kerajaan menunjukkan tenaga buruh yang mendapat pendidikan di peringkat tinggi meningkat daripada 8.8 peratus pada tahun 1990 kepada 14 peratus pada tahun 2000 dan dijangka meningkat kepada 35 peratus pada tahun 2010. Dari segi jantina, kadar penglibatan tenaga buruh lelaki lebih tinggi berbanding wanita. Pada tahun 1990, tenaga buruh lelaki adalah sebanyak 85.6 peratus berbanding wanita iaitu 44.1 peratus. Pada tahun 2000, tenaga buruh lelaki sebanyak 85.4 peratus sementara tenaga buruh wanita sebanyak 44.5 peratus. Pada tahun 2010, tenaga buruh lelaki dijangka mencecah jumlah 86.4 peratus dan tenaga buruh wanita mencapai 49.0 peratus (Mohd Yahya & Roseliza Murni 2002).

Laporan RRJP3 yang dikeluarkan pada tahun 2001 menunjukkan kadar pengangguran pada tahun 2010 dijangka pada paras yang rendah iaitu 2.5 peratus. Kadar ini menunjukkan yang paling rendah berbanding sebelumnya. Sumber Jabatan Statistik menunjukkan sehingga Mac 2004, terdapat 66,300 siswazah yang menganggur iaitu 41,600 pemegang diploma dan 24,800 lulusan ijazah sarjana muda. Daripada jumlah itu, 48,100 adalah Bumiputera, 10,700 Cina, 7,300 India dan 300 kaum lain.

Satu kajian yang dilakukan oleh Rohana Jani (2001) untuk siswazah dari kesemua fakulti di UM, mendapati FSSS dikaitkan dengan kadar pengangguran yang agak tinggi iaitu 30 peratus berbanding fakulti lain yang berteraskan sains dan teknologi. Sebanyak 49 peratus siswazah Sarjana Muda Sastera telah bekerja. Kajian ini mendapati 38 peratus bekerja di sektor swasta, 26.3 peratus bekerja tetap manakala 14 peratus bekerja sementara. Kajian juga menunjukkan siswazah Jabatan Pengajian Media yang belum bekerja adalah 19.6 peratus, Geografi (15.1 peratus), dan Antropologi dan Sosiologi (11.0 peratus).

Dalam satu kajian lain oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 2000 menunjukkan 89.4 peratus di kalangan majikan menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan kemahiran dan prestasi para graduan diploma universiti itu. Kajian ini mendapati 81 peratus daripada majikan menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan graduan UiTM yang lulus di peringkat sarjana muda

manakala 73.4 peratus mempunyai pandangan yang sama bagi lulusan di peringkat diploma. Kajian yang melibatkan graduan yang tamat pengajian di sepanjang tempoh 1990 hingga 1999 bertujuan untuk mengetahui kepuasan majikan serta mendapatkan maklum balas mereka mengenai mutu kerja graduan UiTM berbanding graduan IPT lain.

Kajian Norhaslina Hassan, Mohd Yahya dan Mardiana (2005) menunjukkan 78.6 peratus siswazah FSSS, UM telah mendapat pekerjaan selepas satu setengah tahun menamatkan pengajian masing-masing. Daripada jumlah itu, mereka yang bekerja tetap berjumlah 51 peratus, kontrak (9 peratus), sementara (14 peratus), sandaran (15 peratus), sangkutan (6 peratus) dan sambilan (5 peratus). Dari segi pengangguran, siswazah yang masih belum bekerja majoriti adalah Melayu iaitu 60.1 peratus, manakala Cina hanya berjumlah 24.2 peratus, diikuti India (13.1 peratus) dan lain-lain (2.6 peratus).

Maklumat Kementerian Sumber Manusia (2002) menunjukkan sebahagian besar daripada 14,284 orang iaitu kira-kira 8,000 siswazah menganggur dan lebih 6,000 pekerja yang diberhentikan kerja berikutan kegawatan ekonomi telah ditawarkan pekerjaan sebelum tamat menjalani program latihan semula yang dianjurkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Kesemua mereka telah menjalani latihan di PSMB mulai November 2001 dan latihan itu memberi penekanan terhadap teknologi maklumat dan komunikasi serta bertujuan melahirkan pekerja yang berkemahiran tinggi, terlatih, dan berpengalaman. Dari bulan November 2001 hingga Jun 2002, sebanyak RM106 juta diluluskan oleh pihak Kementerian untuk membiayai latihan pelatih-pelatih tersebut ([www.mohr.gov.my](http://www.mohr.gov.my)).

Tony Kryger (1999) yang melakukan kajian di Australia bertajuk "The Risk of Unemployment" mendapati adalah menjadi kebiasaan bahawa remaja yang kurang berpendidikan, yang tinggal di pedalaman, kemahiran bahasa Inggeris yang terhad serta yang lahir di negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris dengan meluas secara relatifnya mempunyai kadar pengangguran yang tinggi. Mereka yang berasal dari Australia dan dari negara berbahasa Inggeris mempunyai kadar pengangguran yang lebih rendah iaitu 7.9 peratus dan 7.4 peratus berbanding mereka yang berasal dari negara yang bukan menggunakan bahasa Inggeris ([www.aph.gov.au/library/pubs/rn/1998-99/99rn16.htm](http://www.aph.gov.au/library/pubs/rn/1998-99/99rn16.htm)).

Dalam satu kajian oleh Institute of Employment Research, University of Warwick (1999) mendapati bahawa selepas tiga setengah tahun memperoleh ijazah, hanya 2 peratus siswazah yang menganggur manakala 10 peratus memperoleh pekerjaan yang tidak memerlukan ijazah. Kajian ini melibatkan 11,000 siswazah daripada 33 buah institusi pengajian tinggi United Kingdom, iaitu tiga setengah tahun selepas menamatkan pengajian mereka pada tahun 1995. Kajian ini menunjukkan bagaimana transisi daripada pendidikan tinggi kepada pasaran pekerjaan berbeza-beza mengikut subjek, gender, umur, latar belakang, dan pencapaian ijazah masing-masing.

Kajian ini juga mendapati mereka yang menganggur selepas enam bulan memperoleh ijazah akan menghadapi kesukaran pada masa hadapan. Dalam tempoh tiga setengah tahun mereka akan menganggur lebih daripada satu tahun dan memperoleh pendapatan yang rendah pada masa hadapan. Kajian juga menunjukkan selepas tiga setengah tahun mendapat ijazah, 90 peratus daripada mereka mendapat pekerjaan mengikut kelayakan mereka ([www.warwich.ac.uk/news/pr/education/169](http://www.warwich.ac.uk/news/pr/education/169)).

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian dibahagikan kepada beberapa perkara iaitu profil siswazah, status siswazah yang telah bekerja, dan status siswazah yang belum bekerja.

### **Profil Siswazah**

Kajian menunjukkan responden terdiri daripada 117 orang siswazah (80.7%) perempuan dan 28 orang (19.3%) lelaki. Daripada segi bangsa, 66 orang siswazah (45.5%) adalah Melayu, 66 orang siswazah Cina (45.5%), diikuti 13 orang siswazah India (9.0%). Seramai 137 orang siswazah (94.5%)

berusia dalam lingkungan 22-25 tahun, sementara 8 (5.5%) orang siswazah dalam usia antara 26 hingga 30 tahun. Kajian ini mendapati majoriti siswazah Jabatan Pengajian Media menamatkan pengajian dalam tempoh lapan hingga sembilan semester. Seramai 54 orang siswazah (37.2%) menamatkan pengajian mereka dalam tempoh lapan semester, diikuti sembilan semester iaitu seramai 53 orang siswazah (36.6%), 10 semester seramai 32 orang siswazah (22.1%), dan 11 semester iaitu seramai 6 orang siswazah (4.1%). Dari segi pencapaian akademik, kajian mendapati 142 orang siswazah memperoleh keputusan lulus dengan kepujian iaitu yang mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) antara 3.0-3.49. Manakala hanya tiga orang siswazah (2.1%) yang berjaya lulus dengan cemerlang iaitu yang mencapai PNGK melebihi 3.5.

Terdapat ramai siswazah Jabatan Pengajian Media terlibat sama ada dalam bidang sukan atau persatuan semasa mereka belajar di UM. Dalam bidang sukan, kajian menunjukkan 6 orang siswazah (4.1%) pernah mewakili peringkat universiti, diikuti 36 orang siswazah (26.9%) mewakili kolej, dan 20 orang (13.8%) di peringkat persatuan sahaja. Walau bagaimanapun, kajian mendapati 78 (53.8%) tidak melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Hasil kajian menunjukkan 14 orang siswazah (9.7%) pernah menyandang jawatan sebagai pengerusi persatuan yang diceburi semasa di universiti. Seramai 23 orang siswazah (15.9%) Jabatan Pengajian Media pernah menyandang jawatan setiausaha persatuan, diikuti bendahari iaitu 5 orang (3.4%), ahli jawatankuasa 41 orang (28.3%), manakala 47 orang siswazah (32.4%) cuma sebagai ahli biasa.

Dilihat dari segi penguasaan bahasa di kalangan siswazah yang dikaji menunjukkan 144 orang siswazah (99.3%) Jabatan Pengajian Media mahir dalam bahasa Melayu lisan dan penulisan. Hanya seorang (0.7%) siswazah yang kurang mahir dalam kedua-dua aspek ini. Terdapat peratusan yang berbeza dalam bahasa Inggeris lisan dan penulisan di kalangan siswazah yang dikaji. Kajian menunjukkan 59 orang siswazah (40.7%) mahir berbahasa Inggeris secara lisan, 81 orang siswazah (55.9%) kurang mahir, sementara 5 orang (3.4%) siswazah didapati tidak mahir. Seramai 55 orang siswazah (37.9%) mahir dalam penulisan bahasa Inggeris. Bagaimanapun, jumlah yang kurang mahir lebih tinggi iaitu 85 orang siswazah (58.6%) manakala 5 orang siswazah (3.4%) tidak mahir dalam aspek penulisan bahasa ini.

Salah satu faktor yang menjadi perhatian pihak majikan serta boleh membantu siswazah mendapatkan pekerjaan adalah kemahiran menggunakan komputer. Kajian menunjukkan 38 orang siswazah (26.2%) mahir dalam penyelenggaraan komputer, sementara 88 orang siswazah (60.7%) kurang mahir, dan 19 orang (13.1%) tidak mahir menyelenggara komputer. Hasil kajian mendapati hanya 50 orang siswazah (34.5%) yang mahir dalam 'MS Word', sedangkan yang kurang mahir adalah 48 orang (33.1%), dan tidak mahir berjumlah 47 orang siswazah (32.4%). Walau bagaimanapun, ramai siswazah mahir dalam 'SPSS V11.0'. Kajian menunjukkan 79 orang siswazah (54.5%) mahir menggunakannya berbanding 55 orang (37.9%) yang kurang mahir, manakala 11 orang siswazah (7.6%) tidak mahir menggunakannya. Bagi 'MS Excel', didapati 66 orang siswazah (45.5%) Jabatan Pengajian Media mahir menggunakannya. Jumlah siswazah yang kurang mahir adalah 40 orang (27.6%) dan tidak mahir seramai 39 orang (26.9%). Kajian juga mendapati majoriti siswazah ini kurang mahir menggunakan 'Powerpoint'. Seramai 119 orang siswazah (82.1%) kurang mahir menggunakannya dan hanya 26 orang siswazah (17.9%) yang mahir menggunakan 'Powerpoint'.

### **Status Siswazah yang telah Bekerja**

Hasil kajian menunjukkan selepas enam bulan menamatkan pengajian di UM, seramai 88 orang siswazah (60.7%) Jabatan Pengajian Media telah bekerja manakala 57 orang siswazah (39.3%) masih belum mendapat pekerjaan. Dari segi bangsa, kajian menunjukkan, 63.6% orang siswazah Melayu telah bekerja, manakala siswazah Cina yang telah mendapat pekerjaan berjumlah 65.2% dan India 23.1%. Kajian mendapati peratusan siswazah perempuan yang mendapat pekerjaan lebih tinggi berbanding lelaki. Seramai 61.5% siswazah perempuan telah bekerja manakala lelaki 57.1%.

Terdapat di kalangan mereka yang sering bertukar-tukar kerja. Kajian mendapati 54 orang siswazah (37.2%) pernah bertukar-tukar kerja sebanyak sekali, 14 orang siswazah (9.7%) bertukar kerja sebanyak dua kali, sementara 6 orang (4.1%) lebih daripada tiga kali. Dari segi status pekerjaan, kajian mendapati 45 orang siswazah (31.0%) telah bekerja secara tetap. Ini diikuti berstatus kontrak iaitu seramai 16 orang (11.0%), berstatus sementara 9 orang (6.2%), sambilan 4 orang (2.8%), sangkut 6 orang (4.1%), dan sandaran 8 orang siswazah (5.5%).

Kajian menunjukkan para siswazah ini mendapat pekerjaan melalui beberapa cara. Seramai 56 orang siswazah (38.6%) berjaya melalui permohonan mereka. Terdapat siswazah yang memperoleh pekerjaan melalui tawaran oleh saudara-mara atau kawan-kawan iaitu seramai 21 orang (14.5%), sementara 2 orang siswazah (1.4%) mewarisi pekerjaan daripada keluarga.

Dari segi pendapatan, kajian mendapati 32 orang siswazah (37.2%) berpendapatan antara RM1001 hingga RM1500. Seramai 26 orang siswazah (30.2%) dibayar antara RM501 hingga RM1000 manakala 17 orang (19.8%) berpendapatan antara RM1501 hingga RM2000 sebulan. Kajian juga menunjukkan terdapat 3 orang siswazah (3.5%) berpendapatan melebihi RM2001 sebulan. Walau bagaimanapun, seramai 8 orang siswazah (9.3%) berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan.

Hasil kajian yang mengaitkan antara bangsa dengan bidang pekerjaan menunjukkan bahawa siswazah Melayu tertumpu kepada bidang perkhidmatan iaitu 40.5%, diikuti pendidikan 21.4%, pengurusan (14.3%), perniagaan (7.1%), dan pembinaan (4.8%). Bagi siswazah berbangsa Cina, ramai yang memilih bidang perkhidmatan sebagai pekerjaan iaitu 27.9%, diikuti pengurusan seramai 20.9%, perniagaan (14.0%), pendidikan (11.6%), dan pembinaan (7.0%). Manakala siswazah India lebih tertumpu kepada bidang perkhidmatan, pengurusan, dan pendidikan iaitu masing-masing 33.3%.

Melihat kepada status pekerjaan, didapati siswazah Melayu dan Cina mempunyai peratus yang agak tinggi sebagai pekerja tetap. Siswazah Melayu dalam kategori ini berjumlah 28.6% manakala Cina 76.7%, iaitu peratusan yang tinggi. Bagi kategori kontrak, siswazah Melayu berjumlah 26.2%, Cina (9.3%), dan India (33.3%). Siswazah Melayu yang berstatus sementara berjumlah 11.9%, Cina (7.0%), dan India (33.3%). Ramai juga siswazah Melayu yang masih berstatus sebagai pekerja sambilan iaitu 9.5%, sangkut (14.3%), dan sandaran (9.5%).

**Jadual 1: Melihat Perbezaan Kumpulan Kaum yang telah Bekerja**

Kaum (I)	Kaum (J)	Perbezaan Min (I-J)	Signifikan
Melayu	Cina	0.02	0.982
Melayu	India	-0.41	0.016*
Cina	India	-0.42	0.012*

\*P < 0.05

Jadual 1 menunjukkan hasil ujian Pos Hoc antara kumpulan kaum yang telah bekerja. Daripada paparan hasil tersebut kelihatan terdapat perbezaan min yang ketara apabila melihat perbezaan kumpulan yang bekerja antara siswazah Melayu dengan India serta perbezaan antara siswazah Cina dengan India. Ini menunjukkan perbezaan antara siswazah Melayu dengan India sangat signifikan iaitu nilai min = -0.41, p<0.05. Ujian ini juga menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan antara siswazah Cina dengan India yang telah bekerja, dengan nilai min = -0.42, p<0.012. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang ketara antara siswazah Melayu dengan Cina yang telah bekerja, iaitu nilai min = 0.02, p<0.05.

**Jadual 2: Perkaitan antara Jantina dengan Bidang Pekerjaan Siswazah Jabatan Pengajian Media**

Bidang pekerjaan	Lelaki		Perempuan	
	f	%	f	%
Perkhidmatan	5	31.2	25	34.7
Pengurusan	5	31.2	11	15.3
Pendidikan	2	12.5	13	18.0
Perniagaan	2	12.5	7	9.7
Pembinaan	1	6.3	4	5.6
Lain-lain	1	6.3	12	16.7
<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	<b>100.0</b>	<b>72</b>	<b>100.0</b>

Dari segi perkaitan antara jantina dengan bidang pekerjaan, dapatan kajian seperti di dalam Jadual 2 menunjukkan lelaki lebih tertumpu kepada bidang perkhidmatan dan pengurusan iaitu masing-masing 31.2%, pendidikan dan perniagaan (12.5%), sementara pembinaan hanya 6.3% dan lain-lain bidang juga 6.3%. Bagi siswazah perempuan, 34.7% memilih bidang perkhidmatan, diikuti pendidikan seramai 18.0%, pengurusan (15.3%), perniagaan (9.7%), pembinaan (5.6%), dan lain-lain bidang (16.7%).

Jadual 3 menunjukkan status pekerjaan antara siswazah lelaki dan perempuan Jabatan Pengajian Media, UM. Kajian mendapati kedua-dua jantina telah mendapat pekerjaan berstatus tetap yang tinggi berbanding lain iaitu lelaki (56.3%) dan perempuan 50.0%). Siswazah lelaki yang bekerja secara kontrak berjumlah 12.5%, bekerja sementara (12.5%), berstatus sangkut juga berjumlah 12.5%. Bagi siswazah perempuan yang telah bekerja, selain berstatus tetap, kajian mendapati 19.4% berstatus kontrak, sandaran (11.1%), sementara (9.7%), sangkut (5.6%) dan sambilan (4.2%).

**Jadual 3: Perkaitan antara Jantina dengan Status Pekerjaan Siswazah Jabatan Pengajian Media**

Status pekerjaan	Lelaki		Perempuan	
	f	%	f	%
Tetap	9	56.3	36	50.0
Kontrak	2	12.5	14	19.4
Sementara	2	12.5	7	9.7
Sambilan	1	6.2	3	4.2
Sangkut	2	12.5	4	5.6
Sandaran	0	0	8	11.1
<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	<b>100.0</b>	<b>72</b>	<b>100.0</b>

**Jadual 4: Ujian Anova bagi Melihat Perbezaan Jantina Siswazah yang telah Bekerja**

	Jumlah kuasadua	dk	Min kuasadua	Nilai F
Antara kumpulan	0.044	1	0.044	0.181
Dalam kumpulan	34.549	143	0.242	
Jumlah	34.593	144		

P < 0.05

Jadual di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina bagi siswazah yang telah bekerja. Ujian Anova menunjukkan nilai  $F = 0.181$ , dimana nilai  $P < 0.05$ .

Dari segi kemahiran berbahasa, kajian mendapati 100% siswazah yang telah bekerja mahir dalam aspek lisan dan penulisan bahasa Melayu. Bagi bahasa Inggeris lisan, daripada 88 siswazah yang telah bekerja, seramai 48 (54.5%) mahir dalam aspek ini, manakala 37 orang siswazah (42.1%) kurang mahir dan 3 orang (3.4%) tidak mahir. Kajian mendapati 50.0% orang siswazah yang telah bekerja mahir dalam bahasa Inggeris penulisan, 46.6% orang kurang mahir dan hanya 3.4% orang siswazah tidak mahir (Lihat Jadual 5).

**Jadual 5: Tahap Kemahiran Bahasa Inggeris di kalangan Siswazah yang telah Bekerja**

Bahasa Inggeris	Mahir		Kurang mahir		Tidak Mahir		Jumlah	
	f	%	f	%	f	%	f	%
Lisan	48	54.5	37	42.1	3	3.4	88	100
Penulisan	44	50.0	41	46.6	3	3.4	88	100

Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara siswazah yang berkerja dengan kemahiran berbahasa Inggeris lisan dan tulisan. Bagi bahasa Inggeris lisan nilai  $r = 0.314$  dimana  $p < 0.01$ . Ini bermakna kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai korelasi secara sederhana tetapi signifikan. Ujian ini juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara siswazah yang berkerja dengan kemahiran berbahasa Inggeris tulisan. Didapati nilai  $r = 0.277$  di mana  $p < 0.01$ . Ini bermakna pemboleh ubah siswazah yang bekerja dan kemahiran bahasa Inggeris tulisan berkorelasi secara sederhana tetapi signifikan. Keadaan ini berbeza antara siswazah yang bekerja dengan kemahiran berbahasa Melayu sama ada lisan atau tulisan di mana hubungannya adalah tidak signifikan. Ujian Korelasi menunjukkan nilai  $r = 0.104$  dengan  $p > 0.05$  bagi hubungan antara siswazah bekerja dengan kemahiran berbahasa Melayu lisan. Ini menunjukkan hubungan kedua-duanya adalah tidak signifikan. Hubungan antara siswazah bekerja dengan kemahiran bahasa Melayu tulisan juga menunjukkan keputusan yang sama iaitu tidak signifikan, di mana nilai  $r = 0.104$  dan  $p > 0.05$ .

**Jadual 6: Korelasi antara Siswazah yang Bekerja dengan Kemahiran Bahasa Melayu dan Inggeris**

Pemboleh Ubah	Siswazah bekerja
Bahasa Melayu lisan	$r = 0.104$ ( $p = 0.215$ )
Bahasa Melayu tulisan	$r = 0.104$ ( $p = 0.215$ )
Bahasa Inggeris lisan	$r = 0.314^{**}$ ( $p = 0.000$ )
Bahasa Inggeris tulisan	$r = 0.277^{**}$ ( $p = 0.001$ )

$^{**}p < 0.01$

Dari segi kemahiran komputer seperti di dalam Jadual 7, kajian menunjukkan siswazah yang telah bekerja mempunyai kemahiran menggunakan komputer seperti “Ms Word”, “Ms Excel” dan “SPSS

V11.0". Seramai 40.9% orang siswazah yang telah bekerja mahir dengan “Ms Word”, manakala 34.1% orang kurang mahir dan 25.0% orang siswazah tidak mahir menggunakannya. Bagi “Ms Excel”, kajian menunjukkan 50.0% orang siswazah yang telah bekerja mahir menggunakannya. Sementara 27.3% orang kurang mahir dan 22.7% orang tidak mahir. Mereka yang bekerja juga mahir menggunakan perisian SPSS iaitu seramai 55.7% orang siswazah, diikuti kurang mahir (34.1%) dan tidak mahir (10.2%).

**Jadual 7: Tahap Kemahiran Komputer di kalangan Siswazah yang telah Bekerja**

Kemahiran komputer	Mahir		Kurang mahir		Tidak Mahir		Jumlah	
	f	%	f	%	f	%	f	%
Ms Word	36	40.9	30	34.1	22	25.0	88	100.0
Ms Excel	44	50.0	24	27.3	20	22.7	88	100.0
SPSS V11.0	49	55.7	30	34.1	9	10.2	88	100.0

**Jadual 8: Korelasi antara Siswazah yang Bekerja dengan Kemahiran Komputer**

Pemboleh ubah	Ssiwazah bekerja
Kemahiran MS Word	$r = 0.210^*$ ( $p = 0.011$ )
Kemahiran MS Excel	$r = 0.129$ ( $p = 0.121$ )
Kemahiran SPSS V11.0	$r = -0.028$ ( $p = 0.735$ )

\* $p < 0.05$

Jadual 8 menunjukkan hasil ujian Korelasi antara siswazah bekerja dengan kemahiran komputer. Dari paparan hasil tersebut kelihatan pekali kolerasi bagi pasangan pemboleh ubah siswazah bekerja dan kemahiran “MS Word” adalah sederhana iaitu  $r = 0.210$ ,  $p < 0.05$ . Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan secara sederhana tetapi signifikan. Bagi pasangan pemboleh ubah siswazah bekerja dan kemahiran “MS Excel”, nilai  $r = 0.129$  dan  $p > 0.05$ . Ini menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah tidak signifikan. Situasi ini juga sama dengan pemboleh ubah siswazah bekerja dan kemahiran “SPSS V11.0” dan hubungannya adalah tidak signifikan. Ini kerana nilai  $r = -0.028$  dan  $p > 0.05$ .


### Status siswazah yang Belum Bekerja

Dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian, kajian ini mendapati 32 orang siswazah (57.1%) masih tidak mendapat pekerjaan, seramai 18 orang (32.1%) sedang menunggu tawaran, manakala selebihnya masih sebagai penganggur sementara. Kajian mendapati 53 orang siswazah (94.5%) masih berusaha mencari pekerjaan manakala yang selebihnya tidak berbuat demikian. Ini kerana mereka memberi alasan akan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dari segi tempoh mencari kerja, kajian mendapati 31 (57.4%) orang siswazah berusaha mencari kerja melebihi enam bulan. Seramai 14 (25.9%) antara tiga hingga enam bulan, 6 (11.1%) antara satu hingga tiga bulan, manakala 3 (2.1%) kurang dari sebulan.

Siswazah yang belum mendapat pekerjaan menggunakan pelbagai saluran media sebagai sumber maklumat untuk mencari dan mendapat pekerjaan. Kajian mendapati 24 (44.4%) orang siswazah menggunakan surat khabar/majalah untuk mencari pekerjaan. Seramai 9 (16.7%) orang siswazah menggunakan Internet, seorang menggunakan televisyen, sementara 19 siswazah (35.2%) menggunakan semua ketiga-tiga media di atas (Rajah 1).

**Rajah 1: Sumber Maklumat untuk Mendapatkan Pekerjaan bagi Siswazah Jabatan Pengajian Media yang Belum Bekerja**




Rajah 2 menunjukkan langkah-langkah yang telah diambil untuk mendapatkan pekerjaan bagi mereka yang belum bekerja. Kajian mendapati 15 orang siswazah (27.8%) memohon melalui iklan 'online', 11 orang siswazah (20.4%) menghantar surat permohonan, 3 orang siswazah (5.6%) mendaftar di Jabatan Tenaga Rakyat atau agensi pekerjaan swasta, manakala 20 orang (37.0%) melakukan semua cara di atas dalam usaha mencari pekerjaan.

Dari segi jumlah permohonan kerja, 27 orang siswazah (50.0%) telah melakukannya lebih daripada 10 kali, 24 orang siswazah (44.4%) berusaha antara satu hingga 5 kali, sementara 3 orang siswazah (5.6%) memohon kerja antara 6 hingga 10 kali. Siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan ini pernah dipanggil untuk menghadiri temuduga. Hasil kajian menunjukkan 8 orang siswazah (14.8%) menghadiri lebih daripada enam kali ke tempat temuduga tetapi tidak berjaya. Terdapat 11 orang siswazah (20.4%) menghadiri temuduga antara 4 hingga 6 kali, 27 orang siswazah (50.0%) dipanggil ke temuduga antara satu hingga tiga kali. Walau bagaimanapun, terdapat 8 orang siswazah (14.8%) tidak pernah dipanggil untuk menghadiri temuduga.


Kajian mendapati 36 orang siswazah (66.7%) yang belum bekerja memohon pekerjaan mengikut bidang yang dipelajari semasa menuntut di universiti. Sementara 18 (33.3%) siswazah memohon pekerjaan yang tidak dipelajari di universiti. Dari segi keutamaan sektor pekerjaan yang dipohon, 38 orang siswazah (70.4%) bertindak untuk tidak memilih sektor sama ada kerajaan atau swasta. Walau bagaimanapun, 8 orang siswazah (14.8%) memilih sektor kerajaan dan 8 orang siswazah (14.8%) lain memilih sektor swasta untuk memohon pekerjaan.

**Rajah 2: Langkah-langkah yang diambil untuk Mendapatkan Pekerjaan oleh Siswazah Jabatan Pengajian Media yang belum Bekerja**



Kajian ini menunjukkan terdapat pelbagai alasan yang diberikan oleh majikan kepada siswazah yang gagal untuk ditawarkan pekerjaan seperti di dalam Rajah 3. Seramai 17 orang siswazah (31.5%) mengatakan bahawa alasan yang diberikan oleh majikan adalah bidang kelayakan mereka tidak bersesuaian dengan jawatan yang dipohon. Seramai 14 orang siswazah (25.9%) yang belum bekerja memberi jawapan bahawa mereka gagal kerana jawatan yang ditawarkan hanya memerlukan kelulusan SPM/STPM. Terdapat 13 orang siswazah (24.1%) mengatakan mereka gagal mendapatkan jawatan yang dipohon kerana ia memerlukan kemahiran komputer dan teknologi maklumat yang khusus. Terdapat siswazah iaitu seramai 3 orang (5.6%) mengatakan majikan tidak menawarkan pekerjaan kepada mereka kerana jawatan itu memerlukan calon berkebolehan menguasai lebih daripada satu bahasa. Sementara 5 orang siswazah (9.3%) menjelaskan bahawa majikan memberi alasan-alasan di atas untuk tidak menawarkan pekerjaan kepada mereka.

**Rajah 3: Alasan yang diberikan oleh Majikan kepada Siswazah Jabatan Pengajian Media yang Gagal Mendapat Pekerjaan**



## **PERBINCANGAN**

Jumlah siswazah Jabatan Pengajian Media, UM yang telah mendapatkan pekerjaan agak tinggi membuktikan bahawa lulusan dalam bidang ini mempunyai prospek kerjaya yang baik. Ini kerana, walaupun baru enam bulan menamatkan pengajian masing-masing, mereka telah berjaya bersaing di dalam pasaran kerja dan beroleh pekerjaan. Pengetahuan yang dipelajari semasa di universiti membolehkan mereka menyertai pelbagai bidang pekerjaan termasuk perkhidmatan, pengurusan, pendidikan, perniagaan, dan pembinaan sama ada di dalam sektor awam atau swasta. Siswazah Melayu dan India lebih tertumpu kepada bidang perkhidmatan, pendidikan dan pengurusan, manakala siswazah Cina lebih kepada perkhidmatan, pengurusan dan perniagaan.

Kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang ketara antara siswazah Melayu dengan Cina yang telah mendapat pekerjaan. Sebaliknya, siswazah India yang telah bekerja masih kurang. Hasil kajian menunjukkan siswazah perempuan Jabatan Pengajian Media, UM, dari segi peratusan lebih ramai yang telah mendapat pekerjaan berbanding siswazah lelaki. Siswazah perempuan lebih tertumpu di sektor perkhidmatan, pendidikan, dan pengurusan. Ramai siswazah lelaki berkhidmat di sektor perkhidmatan, pengurusan, perniagaan dan pendidikan. Siswazah perempuan tidak berminat bekerja di bidang perniagaan.

Walaupun ramai yang telah bekerja, ini tidak bermakna kedudukan mereka telah terjamin. Ini kerana ramai yang masih berstatus kontrak, sementara, sambilan, dan skim sangkutan khususnya siswazah Melayu dan India. Pekerja siswazah Cina yang berstatus tetap lebih tinggi peratusannya berbanding Melayu dan India. Oleh itu, mereka yang belum berstatus tetap perlu berusaha mencari pekerjaan lain yang tetap supaya dapat menjamin masa depan masing-masing.

Dalam dunia kerjaya yang semakin mencabar ini, penguasaan lebih daripada satu bahasa di samping ilmu teknologi maklumat dan komputer sangat penting. Kekurangan dalam kedua-dua aspek ini menyebabkan siswazah sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Majoriti siswazah Jabatan Pengajian Media yang telah bekerja mempunyai kemahiran lebih daripada satu bahasa iaitu bahasa Melayu dan Ingeris. Mereka ini mahir dalam bahasa lisan dan penulisan. Selain itu, kemahiran teknologi maklumat dan komputer yang dimiliki semasa belajar di universiti juga sangat berguna dan banyak membantu para siswazah.

Mengenai status siswazah yang belum bekerja, mereka terus berusaha melalui pelbagai cara untuk mendapatkan pekerjaan. Ini termasuk memohon pekerjaan melalui iklan 'online', menghantar surat permohonan serta mendaftar di Jabatan Tenaga Rakyat atau agensi pekerjaan swasta. Malah terdapat siswazah yang menganggur telah cuba memohon lebih daripada 10 kali untuk mendapat pekerjaan tetapi masih gagal. Kajian juga menunjukkan siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan ini pernah dipanggil untuk menghadiri temuduga tetapi gagal walaupun terdapat di kalangan mereka yang menghadiri temuduga lebih daripada enam kali. Keadaan ini menunjukkan bahawa siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan sentiasa berusaha mencari pekerjaan.

## **RUMUSAN**

Siswazah Jabatan Pengajian Media yang telah bekerja banyak bergantung kepada kemahiran dan kebolehan yang mereka miliki termasuk kemahiran berbahasa Ingeris selain kemahiran teknologi maklumat dan komputer. Selepas enam bulan menamatkan pengajian peratus lulusan jabatan ini yang telah berkerja adalah lebih tinggi berbanding yang tidak bekerja. Walau bagaimanapun, mereka yang tidak bekerja masih berusaha untuk mendapatkan pekerjaan. Kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pekerjaan dengan kaum dimana kaum Melayu dan Cina yang mendapat pekerjaan lebih tinggi berbanding kaum India.

## Penghargaan

Penulis ingin memberi penghargaan kepada Profesor Madya Dr Norhalina Hassan dari Program Pengajian Perbandaran dan Perancangan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas bantuan pengumpulan data kajian ini.

## RUJUKAN

- Berita Harian*. 2002. Graduan diminta tingkat kemahiran. 7 Ogos.
- Berita Harian*. 2004. Kelulusan antara punca sukar dapat kerja. 17 September.
- Khariyatun Azlina Akhiruddin. 2001. Cabaran mahasiswa dalam era pasaran baru. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antara Industri dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan pada 6 Ogos di Bangi.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin & Roseliza Murni Ab Rahman. 2002. *Melangkah ke Dunia Pekerjaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Malaysia. 1991. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*. Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional.
- Malaysia. 1998. *Pelan Pemulihan Ekonomi Negara-Agenda Tindakan*. Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur.
- Mingguan Malaysia*. 2002. 94% penganggur IPT Melayu—PM. 5 Mei.
- New Straits Times*. 2002. Graduates with the edge. 14 Julai.
- Norhaslina Hassan, Mohd Yahya Ariffin dan Mardiana Nordin. 2005. *Pengangguran dan Kepasaran Siswazah Fakulti Sastera dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.
- Panduan Kursus Sarjana Muda Sastera (Pengajian Media) Sesi 2004/2005*. 2004. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Panduan Sarjana Muda Sastera Sesi 2004/2005*. 2004. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial UM.
- Tengku Mahaleel Tengku Ariff. 2002. Ciri-ciri kualiti pelajar untuk keperluan pekerjaan di sektor swasta. Kertas kerja dibentangkan di Seminar antara Industri dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan pada 6 Ogos di Bangi.
- The Star*. 2002. Flawed system-employers: Graduates can't find jobs to match their qualifications. 5 Ogos.
- Universiti Malaya. 2002. *Prospectus 2002*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Utusan Malaysia*. MTEN bercadang terus program SSL. 13 Ogos 2002.
- Utusan Malaysia*. Graduan UiTM tetap laris di pasaran. 16 Oktober 2002.
- Utusan Malaysia*. Saingan dapat kerja lebih sengit pada masa depan. 8 Ogos 2002.
- Kryger, T. 1999. The risk of unemployment. [www.aph.gov.au/library/pubs/rn/1998-99/99rn16.htm](http://www.aph.gov.au/library/pubs/rn/1998-99/99rn16.htm). (Diakses pada 25 Oktober 2002)

# KARYA RIWAYAT HIDUP: TREND PENERBITAN DAN PENULISAN DI MALAYSIA 1961-2004

MD SIDIN AHMAD ISHAK & SITI EZALEILA MUSTAFA

## ABSTRACT

This paper examines the trends in biography writing and publishing in Malaysia from 1961 until currently. The Malaysian National Library database, containing all titles obtained under the Deposit of Printed Materials Acts, is used for this study. A new list of biography titles is developed using this database and this list is then analysed to demonstrate, among others, the development in publishing output, nature of subject matter, and profiles of publishers and writers. This study shows a positive development in biography writing and publishing since 1961. While there is an encouraging growth in output and variety, it is hoped that there is a similar positive trend in the quality of writing and publishing.

**Keywords:** Book publishing, writing, biography, autobiography, memoir

## PENGENALAN

Penulisan riwayat hidup yang meliputi biografi, autobiografi, dan memoir merupakan genre sastra yang mempunyai sejarahnya yang panjang. Karya ini bertumpu pada penelitian tentang kisah kehidupan seseorang yang ditulis sama ada oleh diri sendiri atau oleh orang lain tentang seseorang itu. Penulisan riwayat hidup lazimnya ingin memaparkan kisah individu dari segi keistimewaan tertentu sama ada tentang ketokohan, sumbangan atau ciri-ciri menarik yang lain ataupun sebagai rakaman sejarah kehidupan seseorang. Lebih daripada sekadar pementrian tentang nama, tarikh, idea, dan peristiwa penting dalam kehidupan individu, karya riwayat hidup ingin menonjolkan motif yang bermakna tentang butir-butir tersebut. Karya riwayat hidup juga meneroka personaliti sebenar seseorang, memberi pengertian tentang kehidupannya dan menunjukkan pengaruh serta kesannya kepada pembaca.

Kajian ini dilakukan untuk melihat trend penulisan dan penerbitan karya riwayat hidup di Malaysia. Data-data kajian ini adalah daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang merupakan pusat pengumpulan bahan-bahan penerbitan negara. Di bawah Akta Penyerahan Bahan Bercetak 1986, semua bahan bercetak yang diterbitkan di Malaysia hendaklah diserahkan ke PNM. Melalui kajian ini, judul-judul biografi ini dikeluarkan daripada pangkalan data PNM dan satu senarai buku biografi dihasilkan. Memandangkan pangkalan data tersebut mengandungi ribuan judul yang meliputi pelbagai subjek dan pelbagai penerbit tempatan mahupun luar negara, maka penelitian yang terperinci dan memakan masa diperlukan untuk benar-benar mengesahkan judul dalam kategori yang dimaksudkan. Apabila senarai telah dihasilkan maka analisis pun dilakukan berdasarkan beberapa aspek seperti jumlah judul, personaliti, penerbit, bahasa, jantina tokoh, dan bidang ketokohan. Hasil analisis adalah seperti yang dihuraikan di bawah.

## TREND PENERBITAN

Berdasarkan senarai terbitan buku-buku Malaysia, sebanyak 603 judul buku yang dikategorikan di bawah subjek biografi atau riwayat hidup telah diterbitkan sepanjang empat setengah dekad (Jadual 1), iaitu dari tahun 1961 hingga 2004. Perkembangan yang pesat ditunjukkan melalui peningkatan yang tinggi pada setiap dekad. Pada dekad pertama (1961-1970), hanya terdapat 21 judul yang diterbitkan tetapi pada dekad kedua peningkatan sebanyak 120 peratus telah dicapai menjadikan jumlahnya sebanyak 47 judul. Begitu juga pada dekad ketiga (1981-1990), sebanyak hampir 200 judul telah dihasilkan dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak lebih 300 peratus. Peningkatan mendadak ini, walau bagaimanapun mempunyai dua kemungkinan. Pertama, memang berlaku kegiatan penerbitan yang sangat aktif pada tahun 80-an berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kedua, penyerahan buku kepada PNM belum dapat dilakukan dengan lancar pada peringkat awal dan dengan demikian, banyak judul buku yang mungkin tidak disenaraikan.

**Jadual 1: Penerbitan Buku Biografi di Malaysia, 1961-2004**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
1961– 1970	21
1971 – 1980	47
1981 – 1990	199
1991 – 2000	209
2001 – 2004	127
<b>JUMLAH</b>	<b>603</b>

Penerbitan buku biografi pada alaf baru ialah sebanyak 127 judul. Berdasarkan senarai penerbitan buku biografi di Malaysia yang diperoleh untuk tahun 2001 hingga 2004, didapati jumlahnya tidak menunjukkan peningkatan berterusan. Pada tahun 2001, jumlah buku biografi yang diterbitkan di Malaysia ialah sebanyak 32 judul dan berkurangan kepada 27 judul pada tahun seterusnya. Jumlah penerbitan buku biografi pada tahun 2003 pula menyaksikan peningkatan yang amat ketara. Bilangannya meningkat sebanyak 23 peratus, iaitu daripada 27 judul kepada 35 judul, berbanding pada tahun sebelumnya. Pada tahun berikutnya, jumlahnya menurun semula kepada 33 judul sahaja. Namun begitu, jika dilihat berdasarkan dekad, perkembangan judul adalah menggalakkan bagi setiap dekad. Malahan, pada awal tahun 2000-an, kadar tahunan berjumlah 25 judul, berbanding dengan 21 judul pada dekad 90-an dan 20 judul pada dekad 80-an.

## PERSONALITI TEMPATAN ATAU LUAR NEGARA

Secara keseluruhannya, personaliti tempatan merangkumi sebahagian besar karya iaitu sebanyak 73 peratus. Jika dilihat dekad demi dekad (sejak dekad 60-an hingga awal alaf baru), jumlah penerbitan biografi berkenaan personaliti atau tokoh tempatan menunjukkan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan biografi berkenaan tokoh luar negara. Daripada 21 judul yang terbit pada dekad pertama, sebanyak 52 peratus daripadanya merupakan biografi tokoh tempatan. Kebanyakannya, iaitu tujuh judul daripadanya, memaparkan biografi tokoh politik negara termasuk satu judul yang berkisar pada pemerintah atau raja (Sultan Husain Shah). Tiga judul daripadanya berkenaan Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman. Selain tokoh politik negara, terdapat satu judul tentang tokoh agama negara yang terkenal, iaitu Tuk Kenali manakala selebihnya ialah tokoh-tokoh dalam bidang-bidang lain, iaitu ketenteraan dan perkhidmatan sukarela. Selain itu terdapat juga biografi tokoh-tokoh luar negara seperti Stamford Raffles, Vladimir Ilyich Lenin, dan Lyndon Johnson. Biografi tokoh luar negara pada dekad ini hanya merangkumi 29 peratus daripada

jumlah judul keseluruhan. Namun, terdapat beberapa judul yang tidak dapat dipastikan sama ada ia berkenaan tokoh tempatan atau tokoh luar negara kerana ia tidak menggunakan nama tokoh yang diperkatakan dalam judul masing-masing.

**Jadual 2: Bilangan Buku Biografi Mengikut Tempat Asal Tokoh, 1961-2004**

<b>Tokoh Tempatan/Luar Negara</b>	<b>Jumlah</b>
Tempatan	443
Luar negara	123
Kedua-duanya	6
Tidak Pasti	31
<b>JUMLAH</b>	<b>603</b>

Sepanjang dekad kedua, penerbitan biografi tokoh tempatan lebih banyak daripada biografi tokoh luar negara, iaitu merangkumi 57 peratus daripada jumlah judul keseluruhan manakala biografi tokoh luar negara hanya 30 peratus. Begitu juga dengan dekad seterusnya. Daripada 199 judul, 74 peratus daripadanya merupakan biografi tokoh-tokoh tempatan dan kebanyakannya memaparkan kisah tokoh-tokoh politik tanah air, iaitu meliputi 64 peratus daripada judul yang diterbitkan dalam tempoh itu. Berdasarkan senarai judul yang diperoleh, sebanyak 26 judul daripadanya merupakan biografi perdana-perdana menteri Malaysia. Dua judul daripadanya merupakan koleksi kisah mereka iaitu *4 Perdana Menteri Malaysia* yang diterbitkan oleh 'K' Publishing dan *Perdana Menteri: Insititusi dan Biodata* yang diterbitkan oleh Arkib Negara. Kedua-dua judul ini diterbitkan pada tahun 1987. Di samping itu, ada juga buku bersiri yang memuatkan kisah-kisah mereka seperti *Siri Negerawan Tanahair*, *Siri Tokoh BAKA*, dan *Siri Orang Ternama BAKA*. Jika dilihat dari segi jumlah, biografi berkenaan Perdana Menteri Malaysia pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman paling banyak diterbitkan sepanjang sepuluh tahun ini. Terdapat 11 judul tentangnya termasuk tiga judul yang ditulis oleh beliau sendiri. Biografi tentang Bapa Kemerdekaan Malaysia ini juga diterbitkan dalam bahasa Tamil yang ditranskripsikan sebagai *Tunku Aptul Rahman*.

Pada dekad keempat, sebanyak 71 peratus daripada buku riwayat hidup merupakan biografi tokoh-tokoh tempatan manakala biografi tokoh luar negara hanya 22 peratus yang kebanyakannya melibatkan kisah-kisah tokoh Islam dari Asia Barat seperti Hassan al-Banna, al-Farabi, Sayyid Maududi, Imam al-Ghazali, Yasser Arafat, serta Saddam Hussein. Di samping itu, terdapat juga tiga judul berkenaan kedua-duanya, tokoh tempatan dan tokoh luar negara. Ketiga-tiga judul tersebut merupakan buku bersiri: *Siri Negerawan Dunia*, *Siri Tokoh Dunia*, dan *The Great Lives Series*. Penerbitan karya riwayat hidup sepanjang awal alaf baru juga lebih tertumpu kepada biografi tokoh tempatan dengan 108 judul atau 85 peratus daripada jumlah judul keseluruhan. Selain berkenaan tokoh tempatan, terdapat 11 judul biografi berkenaan tokoh luar negara seperti Alijah Gordon, Imam al-Ghazali, Imam Perang Jabor, Mahatma Gandhi, Homer, dan Abu Hasan Ali Alhasani An-Nadwi. Di samping itu, terdapat sebuah judul biografi berkenaan kedua-duanya, tokoh tempatan dan luar negara, iaitu *Manusia-manusia Contoh: Di Malaysia dan Di Dunia* terbitan Ainna's Publications. Yang selebihnya, iaitu 7 judul lagi, tidak dapat dipastikan sama ada ia berkenaan tokoh tempatan ataupun luar negara.

**Jadual 4: Bilangan Buku Biografi Berdasarkan Bilangan Tokoh, 1961-2004**

<b>Bilangan Tokoh dalam Judul</b>	<b>Jumlah</b>
Satu tokoh	447
Dua tokoh	3

Koleksi Tokoh	73
Siri Tokoh	26
Tidak Pasti	54
<b>JUMLAH</b>	<b>603</b>

## SATU TOKOH ATAU KOLEKSI TOKOH

Dalam tempoh 45 tahun (1961-2004), penerbitan buku biografi di Malaysia lebih berfokus kepada kisah satu tokoh iaitu merangkumi 74 peratus (447 judul) daripada judul keseluruhan. Terdapat juga biografi yang melibatkan koleksi tokoh (12 peratus), siri tokoh (empat peratus), dan dua tokoh (0.5 peratus). Dalam dekad pertama, buku biografi yang memaparkan kisah satu tokoh adalah sebanyak 12 judul atau sebanyak 57 peratus. Namun, terdapat juga judul-judul biografi yang memaparkan himpunan atau koleksi tokoh. Terdapat hampir 24 peratus judul untuk kategori ini. Seperti dekad sebelumnya, kebanyakan buku biografi yang diterbitkan dalam dekad kedua, sepanjang tahun 1971 hingga 1980, memaparkan kisah satu tokoh iaitu sebanyak 70 peratus manakala biografi koleksi tokoh hanya merangkumi 17 peratus daripada jumlah keseluruhan. Selain itu, terdapat juga biografi yang diterbitkan secara bersiri iaitu Siri Cerita-cerita Orang Terkenal Dunia yang terdiri daripada tokoh luar negara yang terkenal dalam pelbagai bidang seperti politik, penjelajahan, dan reka cipta; Siri Cerita-cerita Orang Terkenal yang terdiri daripada tokoh sejarah dan legenda tanah air; dan Siri Cerita-cerita Tokoh Dunia yang memaparkan kisah lima tokoh luar negara yang terkenal.

Kebanyakan biografi yang diterbitkan sepanjang 1981-1990 juga memaparkan kisah satu-satu tokoh, iaitu sebanyak 154 judul atau 77 peratus daripada judul keseluruhan manakala hanya terdapat 12 peratus judul yang memaparkan kisah koleksi tokoh. Selain itu, terdapat satu judul yang memaparkan biografi tentang dua tokoh iaitu karya A. Ghazali Ismail, *Razaleigh lawan Musa: Pusingan Kedua 1984 (Latar Belakang)*, yang diterbitkan pada tahun 1982 oleh IJS Communcations. Dalam tempoh ini, terdapat sembilan judul buku siri tokoh dan semuanya merupakan bahan bacaan untuk kanak-kanak: Siri Orang Terkenal di Dunia, Siri Penjelajah yang Masyhur, Siri Pahlawan Negara, Siri Pejuang Negara, Siri Ngarawan Moden di Asia, Siri Tokoh-tokoh Islam, Siri Tokoh BAKA, Siri Ngarawan Tanahair, dan Siri Orang Ternama BAKA.

Pada dekad keempat (1991-2000), terdapat hampir 10 peratus judul koleksi tokoh. Dalam kategori ini, terdapat beberapa judul yang diterbitkan secara berjilid seperti *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*—yang mengandungi lebih kurang 11 jilid—dan *Peribadi Wanita Salafussoleh*—yang mengandungi dua jilid. Di samping itu, terdapat juga satu judul biografi yang memaparkan kisah dua tokoh: *Ku Yab Lawan Mike Tyson*. Penerbitan biografi bersiri dalam tempoh ini pula adalah sebanyak lima peratus daripada jumlah keseluruhan judul. Kesemua judul dalam kategori ini merupakan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Kebanyakan memuatkan kisah-kisah tokoh politik yang terkenal dalam sejarah dunia seperti Dato' Onn Jaafar, Abraham Lincoln, Kamal Ataturk, Sukarno, Jamal Abdul Nasser, dan lain-lain. Selebihnya merupakan biografi satu-satu tokoh, iaitu merangkumi 72 peratus daripada keseluruhan buku biografi yang diterbitkan di Malaysia dalam tempoh sepuluh tahun ini.

Seperti dekad-dekad sebelumnya, judul biografi sepanjang awal alaf baru kebanyakan memaparkan kisah satu tokoh, iaitu sebanyak 97 judul yang merangkumi 77 peratus daripada jumlah keseluruhan terbitan dalam tempoh berkenaan. Di samping itu, terdapat juga satu judul biografi tentang dua tokoh, iaitu berkenaan pasangan artis remaja Malaysia, Acik dan Nana. Judul-judul biografi yang diterbitkan tidak hanya tertumpu kepada satu-satu tokoh sahaja, malah ada yang memaparkan himpunan atau koleksi tokoh seperti *Tokoh-tokoh Terdahulu*, *Tokoh-tokoh Tersohor*, *Biografi Tokoh Wanita*, *Pejuang-pejuang Kemerdeaan*, dan *Tokoh-tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Terdapat 17 judul dalam kategori ini manakala 11 judul lagi dimasukkan dalam kategori tidak pasti. Selain itu, terdapat juga empat judul bersiri yang diterbitkan dalam tempoh ini: Tokoh Ternama Dunia yang

mengandungi lima judul, Siri Tokoh Pejuang Negara yang mengandungi enam judul, Siri Tokoh-tokoh Sejarah yang mengandungi lapan judul, dan Siri Pelbagai Tokoh Dunia yang mengandungi dua judul di dalamnya.

**Jadual 3: Produktiviti Penerbit, 1961-2004**

<b>Penerbit</b>	<b>Jumlah</b>
Dewan Bahasa dan Pustaka	61
Penerbit Universiti	37
Badan Kerajaan, Persatuan, dan	
Organisasi Bukan Kerajaan	122
Penerbit Swasta/Individu	369
Lain-lain	14
<b>JUMLAH</b>	<b>603</b>

### **KATEGORI PENERBIT**

Secara keseluruhannya, penerbit swasta memainkan peranan utama dalam penerbitan biografi iaitu dengan sumbangan sebanyak 61 peratus, diikuti oleh organisasi bukan syarikat penerbitan sebanyak 20 peratus. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga memberi sumbangan penting dengan 10 peratus daripada keseluruhan judul dan diikuti oleh penerbit-penerbit universiti (6 peratus), terutamanya Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kebanyakan judul sepanjang dekad pertama (1961-1970) diterbitkan oleh penerbit swasta atau individu, iaitu dengan 11 judul atau 52 peratus daripada jumlah keseluruhan. Badan kerajaan, persatuan, dan organisasi bukan kerajaan seperti Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia juga turut menerbitkan buku biografi iaitu sebanyak lima judul, diikuti dengan penerbit universiti sebanyak empat judul. Begitu juga dengan dekad seterusnya. Sebahagian besar judul biografi di Malaysia dalam tempoh 1971-1980 diterbitkan oleh penerbit-penerbit swasta atau individu iaitu merangkumi sebanyak 68 peratus. Antaranya yang penting ialah Heinemann Educational Books yang telah menerbitkan lima judul biografi, Eastern Universities Press (M) dan Beng Hock dengan masing-masing sebanyak empat judul. Selain itu, buku-buku biografi turut diterbitkan oleh badan kerajaan, persatuan, dan organisasi bukan kerajaan seperti Jabatan Penerangan Malaysia (dengan dua judul), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Arkib Negara, Kedutaan Pakistan, The Divine Life Society Malaysia, dan Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society (masing-masing dengan satu judul). Di samping itu, terdapat juga judul yang diterbitkan oleh DBP serta universiti atau penerbit universiti.

Penerbit yang aktif sepanjang dekad 80-an ialah penerbit swasta yang merangkumi 72 peratus daripada jumlah kekeseluruhan judul. Pelanduk Publications merupakan penerbit swasta yang paling banyak menerbitkan buku biografi dalam tempoh ini iaitu dengan 23 judul atau 16 peratus daripada jumlah judul yang diterbitkan oleh penerbit dalam kumpulan ini. Kebanyakan judul-judul terbitannya berkaitan dengan tokoh-tokoh politik negara yang terkenal termasuk perdana-perdana menteri dan menteri-menteri kabinet ketika itu. Selain Pelanduk Publication, penerbit swasta lain yang banyak menerbitkan karya riwayat hidup/biografi ialah Eastern Universities Press (tujuh judul), Berita Publishing (enam judul), S.S. Mubarak & Brothers, dan Arena Buku (masing-masing lima judul). Organisasi bukan kerajaan juga turut memainkan peranan dalam penerbitan biografi dalam tempoh ini iaitu dengan 17 peratus daripada judul keseluruhan. Antaranya ialah Arkib Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, PERKIM, Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Pejabat Tanah Daerah, dan

PERTIWI. DBP pula menerbitkan sebanyak 11 judul manakala penerbit universiti sebanyak enam judul.

Penerbit swasta turut menguasai 56 peratus judul buku riwayat hidup sepanjang tempoh 1991 hingga 2000 dan diketuai oleh Pelanduk Publications (13 judul), Utusan Publications & Distributors (lapan judul), dan Rhythm Publications (enam judul). Namun, jika dilihat secara individu, penerbit yang paling banyak menerbitkan judul biografi sepanjang tempoh ini ialah DBP, iaitu sebanyak 27 judul. Ini sebenarnya menunjukkan peningkatan dalam penerbitan buku biografi oleh DBP kerana sebelum ini ia hanya menerbitkan 11 judul buku biografi sahaja. Sepanjang tahun 1991 hingga 2000 ini, penerbit ini telah menerbitkan biografi tokoh dalam pelbagai bidang seperti sastera, sejarah, agama, dan politik. Antara badan bukan syarikat penerbitan yang terlibat dalam penerbitan buku riwayat hidup dalam dekad ini ialah Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Yayasan Islam Terengganu, dan Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan. Sebanyak 43 judul, atau hampir 21 peratus, telah diterbitkan oleh kumpulan ini.

Di samping itu, institut pengajian tinggi awam dan penerbit-penerbit universiti telah menerbitkan 12 judul biografi sepanjang tempoh ini. Yang paling banyak menerbitkannya ialah Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu sebanyak tujuh judul dan diikuti Penerbit Universiti Malaya sebanyak dua judul. Judul-judul biografi dalam tempoh ini turut diterbitkan oleh parti-parti politik negara iaitu *Democratic Action Party*, Parti Rakyat Bersatu Sarawak, Biro Publisiti MCA, dan Badan Perhubungan UMNO Negeri Kedah. Selain itu, terdapat tiga judul biografi yang dilakukan secara kerjasama. Judul tersebut ialah *Wajah, Amanah & Wawasan: Biografi Abli-abli Dewan Undangan Negeri Selangor 1999-2004*, *Abdul Kadir Peguam Rakyat: Biografi Tan Sri Abdul Kadir Yusof*, dan *Xu Ruyu Bo Shi De Chuan Qi Gu Shi*.

Sepanjang tahun 2001 hingga 2004, 50 peratus daripada jumlah judul keseluruhan disumbangkan oleh penerbit swasta terutamanya Utusan Publications & Distributors dengan tujuh judul, diikuti oleh Pelanduk Publications (enam judul), A & K Media (lima judul), dan Juz' Art (empat judul). Sekali lagi, DBP menjadi penerbit yang paling prolifik bagi tempoh sepanjang tahun 2000-2004 dengan menerbitkan dengan 22 judul, iaitu 17 peratus daripada jumlah keseluruhan buku biografi di Malaysia. Kebanyakan buku biografi yang diterbitkan oleh DBP melibatkan tokoh-tokoh dalam bidang penulisan dan kesusasteraan seperti Muhammad Yasin Mansor, Keris Mas, Maaruf Mahmud, Othman Puteh, Ahmad Lufti, A. Samad Said, Abdullah Sidek, Keris Mas, dan Abdullah Sidek.

Di kalangan institut pengajian tinggi dan penerbit-penerbit universiti, hanya Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Penerbit Universiti Utara Malaysia, dan Perak Academy sahaja yang menerbitkan buku jenis itu dalam tempoh tersebut. Daripada 11 judul, lapan judul daripadanya diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia manakala selebihnya diterbitkan oleh Penerbit Universiti Utara Malaysia (dua judul) dan Perak Academy (satu judul).

**Jadual 5: Bilangan Buku Biografi Mengikut Bahasa, 1961-2004**

<b>Bahasa</b>	<b>Jumlah</b>
Melayu	391
Ingeris	156
Cina	35
Tamil	10
Lain-lain	11
<b>JUMLAH</b>	<b>603</b>

## KATEGORI BAHASA

Lebih daripada separuh (hampir 65 peratus) buku riwayat hidup diterbitkan dalam bahasa Melayu secara keseluruhannya sepanjang tahun 1961 hingga 2004. Buku riwayat hidup berbahasa Inggeris pula meliputi 26 peratus, bahasa Cina sebanyak enam peratus, dan Tamil sebanyak dua peratus. Dalam setiap dekad, penerbitan biografi berbahasa Melayu adalah lebih banyak berbanding biografi dalam bahasa-bahasa lain kecuali pada dekad 60-an. Dalam dekad ini, judul dalam bahasa Inggeris meliputi hampir 48 peratus manakala judul dalam bahasa Melayu hanya 43 peratus. Pada dekad 70-an, keadaan berubah apabila hampir 62 peratus daripadanya menggunakan bahasa kebangsaan. Buku karya riwayat hidup yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris hanya 36 peratus sahaja dan terdapat satu judul diterbitkan dalam bahasa Cina iaitu *Da si li Li Xiaoyou de xia tai* yang ditulis oleh Chia Tiang Ping. Pada dekad seterusnya (1981-1990), buku riwayat hidup berbahasa Melayu mencapai 71 peratus manakala hanya 23 peratus judul yang menggunakan bahasa Inggeris. Dalam tempoh ini, terdapat tujuh buah buku yang diterbitkan dalam bahasa Melayu turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris atau sebaliknya. Judul-judulnya adalah seperti yang berikut: *Aku Mahu Hidup*, *Mahathir: A Profile in Courage*, *Profile Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad*, *Musa Hitam: A Political Biography*, *Escape From Tyranny in Malaysia*, *Menjunjung Kasih*, dan *Have You Met Mariam?* Selain kedua-dua bahasa utama itu, terdapat juga yang menggunakan bahasa Cina (lapan judul) dan Tamil (lima judul) sebagai bahasa pengantarnya.

Sepanjang tahun 1991 hingga 2000 pula, kebanyakan buku biografi yang diterbitkan masih menggunakan bahasa Melayu tetapi peratusannya menurun berbanding dekad sebelumnya, iaitu hanya merangkumi 57 peratus daripada jumlah keseluruhan judul. Penerbitan biografi dalam bahasa Inggeris adalah 27 peratus sahaja. Di samping itu, terdapat 11 peratus judul yang diterbitkan dalam bahasa Cina dan dua peratus dalam Tamil. Dalam tempoh berkenaan, terdapat sebuah biografi yang ditulis oleh Zainuddin Maidin dengan judul *Mahathir di Sebalik Tabir* terbitan Utusan Publications & Distributors telah diterjemahkan ke dalam tiga bahasa lain—Inggeris, Cina, dan India.

Bagi tempoh 2000 hingga 2004, sebanyak 92 judul atau lebih 70 peratus daripada jumlah keseluruhan karya riwayat hidup yang diterbitkan menggunakan bahasa kebangsaan. Selain itu, hanya 23 peratus atau 29 judul buku biografi diterbitkan menggunakan bahasa Inggeris. Ini diikuti dengan lima judul dalam bahasa Cina dan satu judul dalam bahasa Tamil.

**Jadual 6: Bilangan Buku Biografi Mengikut Jantina Tokoh, 1961-2004**

<b>Tokoh Lelaki/ Wanita</b>	<b>Jumlah</b>
Lelaki	462
Wanita	37
Kedua-duanya	9
Tidak Pasti	95
<b>JUMLAH</b>	<b>603</b>

## LELAKI ATAU WANITA

Tokoh lelaki jauh mengatasi tokoh wanita dalam penerbitan karya riwayat hidup. Keseluruhannya, 77 peratus merupakan biografi tokoh lelaki manakala hanya enam peratus adalah tokoh wanita. Daripada senarai judul pada dekad 60-an, 62 peratus atau 13 judul daripadanya merupakan biografi tokoh lelaki. Judul-judul biografi yang diterbitkan sepanjang tahun 1971 hingga 1980 juga lebih banyak memaparkan kisah tokoh lelaki iaitu dengan 72 peratus manakala biografi tokoh wanita hanya tiga judul atau 6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Terdapat juga biografi yang memaparkan kedua-

duanya, tokoh lelaki dan wanita. Biografi tentang tokoh-tokoh ini boleh didapati dalam Siri Cerita-cerita Orang Terkenal di Malaysia dan Siri Cerita-cerita Orang Terkenal Dunia.

Daripada 199 judul yang diterbitkan sepanjang tahun 1981 hingga 1990, hanya enam peratus yang memaparkan biografi tokoh wanita. Seperti dekad-dekad sebelumnya, judul-judul tentang tokoh lelaki lebih mendominasi penerbitan buku biografi negara, iaitu dengan hampir 83 peratus daripada judul keseluruhan. Dalam tahun-tahun ini, terdapat empat judul yang memaparkan kedua-dua kategori tokoh. Dua daripadanya ialah judul bersiri iaitu Siri Pejuang Negara—yang memuatkan biografi srikandi negara Tun Fatimah dan Tun Kudu—dan Siri Negarawan Moden di Asia—yang memuatkan kisah nasionalis Myammar, Ang Sun.

Seperti dekad sebelumnya, penerbitan biografi tokoh wanita amat sedikit pada dekad 90-an jika dibandingkan dengan biografi tokoh lelaki. Berdasarkan senarai judul yang diperolehi, hanya tiga peratus judul yang melibatkan tokoh-tokoh wanita manakala biografi tokoh lelaki merangkumi 74 peratus daripada jumlah keseluruhan. Di samping itu, terdapat dua judul biografi yang memaparkan kisah kedua-duanya, iaitu *Ku Yab Lawan Mike Tyson* yang diterbitkan oleh Jaharah Enterprise dan Siri Tokoh-tokoh Mashyur Dunia terbitan Sama Publications & Distributors yang memaparkan kisah Florence Nightingale sebagai salah satu judul dalam sirinya. Begitu juga dengan tempoh sepanjang tahun 2001 hingga 2004, iaitu lebih 70 peratus peratus (95 judul) memaparkan kisah tokoh lelaki dalam pelbagai bidang termasuk kepimpinan negara.

**Jadual 7: Biografi Tokoh Tempatan Berdasarkan Bidang, 1961-2004**

<b>Jenis Tokoh</b>	<b>Jumlah</b>
Politik	246
Agama/ Islam	13
Akademik	23
Sejarah	25
Sastera dan Seni	44
Lain-lain	92
<b>JUMLAH</b>	<b>443</b>

### **BIDANG-BIDANG KETOKOHAN**

Berdasarkan analisis yang dilakukan, buku biografi berkenaan tokoh tempatan lebih memberikan fokus kepada tokoh-tokoh politik iaitu merangkumi lebih daripada 50 peratus daripada jumlah keseluruhan biografi tempatan yang terbit sepanjang empat setengah dekad tersebut. Ini diikuti dengan tokoh sastera dan seni (sepuluh peratus), tokoh sejarah (enam peratus), tokoh akademik (lima peratus), dan tokoh Islam (dua peratus). Daripada 21 judul yang terbit pada dekad 60-an, 52 peratus daripadanya merupakan biografi tokoh tempatan. Kebanyakannya, iaitu tujuh judul daripadanya, memaparkan biografi tokoh politik negara termasuk satu judul berkisar pada pemerintah atau raja (Sultan Husain Shah). Tiga judul daripadanya berkenaan Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman. Selain tokoh politik negara, terdapat satu judul tentang tokoh agama negara yang terkenal, iaitu Tuk Kenali manakala selebihnya ialah tokoh-tokoh dalam bidang-bidang lain, iaitu ketenteraan dan perkhidmatan sukarela.

Kebanyakan judul biografi tokoh tempatan pada dekad 70-an juga melibatkan tokoh politik, iaitu 63 peratus. Tun Abdul Razak merupakan subjek yang paling banyak diterbitkan dalam tempoh itu, iaitu dengan tiga judul. Ini diikuti dengan subjek tentang Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman, dan Dr Burhanuddin al-Helmy (masing-masing dua judul). Selain tokoh-tokoh politik yang terkenal dalam

memperjuangkan kemerdekaan tanah air, terdapat juga subjek yang terkenal kerana sumbangan kepemimpinannya seperti Datuk Bahaman dan Yap Ah Loy. Dalam tempoh ini juga, terbit Siri Cerita-cerita Orang Terkenal di Malaysia yang mengandungi 13 judul tokoh-tokoh sejarah termasuk tokoh legenda seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Nadim, dan Megat Serirama. Siri ini merupakan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Biografi tokoh kesenian/kebudayaan negara iaitu Abdullah bin Mohamed atau yang lebih dikenali sebagai Nakula juga diterbitkan di samping biografi tentang tokoh dalam bidang-bidang lain seperti pergerakan buruh, perkhidmatan awam, dan keamanan. Dalam tempoh ini, terbit tiga siri iaitu Siri Cerita-cerita Orang Terkenal Dunia yang terdiri daripada tokoh luar negara yang terkenal dalam pelbagai bidang seperti politik, penjelajahan, dan reka cipta sebanyak 20 judul; Siri Cerita-cerita Orang Terkenal yang terdiri daripada tokoh sejarah dan legenda tanah air; dan Siri Cerita-cerita Tokoh Dunia yang memaparkan kisah lima tokoh luar negara yang terkenal. Semua siri ini adalah untuk bacaan kanak-kanak.

Daripada 199 judul terbitan tahun 1981-1990, 74 peratus daripadanya merupakan biografi tokoh-tokoh tempatan dan kebanyakannya memaparkan kisah tokoh-tokoh politik tanah air, iaitu meliputi 64 peratus daripada judul yang diterbitkan dalam tempoh itu. Berdasarkan senarai judul yang diperolehi, sebanyak 26 judul daripadanya merupakan biografi perdana-perdana menteri Malaysia. Dua judul daripadanya merupakan koleksi kisah mereka iaitu *4 Perdana Menteri Malaysia* yang diterbitkan oleh 'K' Publishing dan *Perdana Menteri: Insituti dan Biodata* yang diterbitkan oleh Arkib Negara. Kedua-dua judul ini diterbitkan pada tahun 1987. Di samping itu, ada juga buku bersiri yang memuatkan kisah-kisah mereka seperti Siri Negarawan Tanahair, Siri Tokoh BAKA, dan Siri Orang Ternama BAKA. Tunku Abdul Rahman sekali lagi merupakan subjek yang paling banyak diterbitkan sepanjang sepuluh tahun ini. Terdapat 11 judul tentangnya termasuk tiga judul yang ditulis oleh beliau sendiri. Biografi tentang Bapa Kemerdekaan Malaysia ini juga yang diterbitkan dalam bahasa Tamil. Biografi Tun Dr Mahathir Mohamed meliputi 10 judul termasuk satu judul yang diterbitkan dalam bahasa Tamil terbitan Uma Publications pada tahun 1985. Biografi tentang perdana-perdana menteri yang lain, iaitu Tun Abdul Razak (satu judul) dan Tun Hussein Onn (dua judul) juga turut diterbitkan sepanjang tahun 1981 hingga 1990. Biografi tentang tokoh nasionalis negara, Dato' Onn Jaafar juga banyak diterbitkan iaitu sebanyak enam judul. Tokoh-tokoh politik lain yang mendapat perhatian para penerbit dan penulis ialah Datuk Seri Musa Hitam (sebanyak tujuh judul), Tengku Razaleigh Hamzah (enam judul), dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (tiga judul). Selain perdana menteri dan menteri kabinet, terdapat juga biografi tentang pemerintah atau atau keluarga diraja. Daripada 95 judul ini, terdapat enam judul tentangnya iaitu *Istana Negara dalam Kenangan*, *Album DiRaja Kedah Darulaman*, *D.Y.M.M. Sultan Azlan Shah: Biografi Bergambar*, *Singgahsana Negeri Pahang Darul Makmur*, *Menjunjung Kasih*, dan *Sire with Love: "Menjunjung Kasih"*. Di samping itu, ada 12 judul tentang tokoh-tokoh sejarah. Mereka ini terkenal sebagai pahlawan yang menentang penjajah di Tanah Melayu seperti Mat Kilau, Tok Gajah, Mat Saleh, Datuk Bahaman, dan Datuk Maharaja Lela. Biografi tokoh agama pula sebanyak empat judul, tokoh akademik sebanyak enam judul, dan tokoh dalam bidang sastera/ budaya sebanyak tiga judul. Sebanyak 14 peratus lagi ialah biografi tokoh dalam bidang-bidang lain seperti kewartawanan, ketenteraan, dan ekonomi. Judul yang paling banyak dalam kategori ini adalah berkenaan Profesor Diraja Ungku Aziz iaitu dengan empat judul.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, kebanyakan penerbitan buku biografi tokoh tempatan bagi tempoh 1991 hingga 2000 lebih memberi tumpuan kepada kisah tokoh-tokoh politik tanah air. Daripada 149 biografi tokoh tempatan yang diterbitkan di Malaysia sepanjang dekad tersebut, 51 peratus daripada berkaitan dengan tokoh politik. Hingga pada masa kini, judul-judul yang berkaitan dengan tokoh nasionalis negara, iaitu Dato' Onn (sebanyak dua judul) dan Bapa Kemerdekaan Malaysia—yang juga bekas perdana menteri Malaysia yang pertama—iaitu Tunku Abdul Rahman (sebanyak tiga judul) sentiasa diterbitkan. Namun, biografi Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan judul yang paling banyak diterbitkan dalam tempoh ini, iaitu sebanyak sembilan judul, dan diikuti dengan Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak

dengan empat judul. Kisah keempat-empat tokoh ini juga turut dimuatkan dalam beberapa judul bersiri yang diterbitkan ketika itu.

Selain biografi perdana-perdana menteri, terdapat juga judul-judul berkenaan menteri-menteri besar seperti Nik Aziz Nik Mat, Menteri besar Kelantan—sebanyak dua judul— dan Taib Mahmud, Menteri Besar Sarawak—sebanyak empat judul. Biografi tentang raja-raja Melayu di Malaysia juga turut diterbitkan sepanjang tempoh sepuluh tahun ini. Antaranya ialah kisah Tunku Jaafar (Yang diPertuan Agong Malaysia Kesepuluh), Sultan Azlan Shah (Sultan Perak), dan Tuanku Syed Putra Jamalullail (Raja Perlis ketika itu). Kisah tokoh-tokoh yang terkenal dalam bidang-bidang lain juga turut dijadikan biografi. Antaranya ialah tokoh-tokoh korporat atau perniagaan, tokoh wanita, perhutanan, dan juga ketenteraan.

Dalam tempoh 1991-2000, terdapat hampir 10 peratus judul koleksi tokoh. Dalam kategori ini, terdapat beberapa judul yang diterbitkan secara berjilid seperti *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*—yang mengandungi lebih kurang 11 jilid dan *Peribadi Wanita Salafussoleh*—yang mengandungi dua jilid. Di samping itu, terdapat juga satu judul biografi yang memaparkan kisah dua tokoh: *Ku Yab Lawan Mike Tyson*. Penerbitan biografi bersiri dalam tempoh ini pula adalah sebanyak lima peratus daripada jumlah keseluruhan judul. Kesemua judul dalam kategori ini merupakan bahan bacaan untuk kanak-kanak. Kebanyakannya memuatkan kisah-kisah tokoh politik yang terkenal dalam sejarah dunia seperti Dato' Onn Jaafar, Abraham Lincoln, Kamal Ataturk, Sukarno, Jamal Abdul Nasser, dan lain-lain. Selebihnya merupakan biografi satu-satu tokoh, iaitu merangkumi 72 peratus daripada keseluruhan buku biografi yang diterbitkan di Malaysia dalam tempoh sepuluh tahun ini.

Daripada 127 buah judul yang diterbitkan sepanjang tempoh 2001 hingga 2004, 108 judul, iaitu melebihi 80 peratus daripadanya melibatkan tokoh-tokoh tempatan. Kebanyakan buku biografi ini, iaitu 44 peratus judul berkaitan dengan pemimpin negara dan tokoh politik. Antaranya termasuklah tokoh perjuangan kemerdekaan, para menteri, dan perdana menteri.

Berdasarkan senarai yang diperolehi, banyak judul yang memberi fokus kepada perdana-perdana menteri Malaysia, dari yang pertama hinggalah sekarang. Biografi berkenaan bekas perdana menteri keempat Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan yang paling banyak diterbitkan, iaitu sebanyak 10 judul. Ini diikuti dengan biografi tentang Tunku Abdul Rahman sebanyak empat judul, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Abdul Razak dengan masing-masing dua judul, dan Tun Hussein Onn dengan satu judul. Kisah tokoh-tokoh ini turut dimuatkan dalam Siri Tokoh Pejuang Negara dan Siri Tokoh-tokoh Sejarah.

Terdapat juga judul yang berkaitan dengan bidang sastera dan seni seperti Keris Mas, Usman Awang, Abdul Rahim Kajai, A. Samad Said, Khatijah Awang, dan P. Ramlee. Secara keseluruhannya biografi berkenaan tokoh sastera dan seni merangkumi 32 peratus daripada jumlah keseluruhan buku biografi yang diterbitkan pada tahun 2001 hingga 2004. Di samping itu, terdapat tiga judul berkaitan tokoh Islam, enam judul berkaitan dengan tokoh akademik, 11 judul berkenaan tokoh dalam bidang-bidang lain seperti tokoh wanita, kewartawanan, aktivis masyarakat, korporat dan ketenteraan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan data-data yang dikemukakan melalui kajian ini, penulisan dan penerbitan karya riwayat hidup di Malaysia menunjukkan perkembangan yang positif dari segi jumlah judul, penerbit yang terlibat, dan kandungannya. Sebanyak 603 judul telah dikesan sejak tahun 1961 hingga tahun 2004. Namun, kegiatan yang menggalakkan bermula pada dekad 80-an apabila hampir 200 judul diterbitkan dalam masa 10 tahun. Kini, keluaran tahunan adalah kira-kira 25 judul dan ini dianggap memberangsangkan. Walaupun DBP merupakan penyumbang individu yang utama, namun, secara keseluruhannya penerbit swasta memainkan peranan kolektif yang penting dengan pengeluaran

sebanyak 61 peratus daripada jumlah keseluruhan. Persatuan dan organisasi bukan syarikat penerbitan juga berminat menghasilkan genre ini sebagai sumbangan mereka dalam bidang pengetahuan.

Penerbitan dalam bahasa Malaysia merupakan yang tertinggi iaitu kira-kira 65 peratus kerana kebanyakannya adalah untuk pasaran tempatan. Selain faktor pemasaran ini, buku-buku tersebut ditujukan untuk penggunaan persekolahan, sebagai bahan rujukan. Karya bahasa Inggeris meliputi 25 peratus dan selebihnya dalam bahasa Cina dan Tamil. Personaliti tempatan juga mendapat keutamaan iaitu sebanyak 74 peratus dengan sebahagian besarnya merupakan tokoh lelaki.

Penulisan biografi merupakan karya nonfiksi kreatif yang memerlukan pengetahuan, kemahiran dan kreativiti yang tinggi untuk menghasilkannya. Perkembangan yang positif dari segi keluaran perlu disertai dengan perkembangan yang positif dari segi seni penulisan.

### **Penghargaan**

Data-data kajian ini sepenuhnya berdasarkan maklumat bibliografi yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Kami mengucapkan ribuan terima kasih pada PNM, khususnya Nafisah Ahmad, Timbalan Pengarah Pusat Bibliografi Negara yang memberi sokongan dan kerjasama penuh.

### **RUJUKAN**

Anderson, Linda. 2004. *Autobiography*. London and New York: Routledge.

Folkeflik, Robert. 1993. *The Culture of Autobiography*. Stanford: Stanford University Press.

Senarai terbitan Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia. Tidak diterbitkan.

# PUI SI MELAYU MALAYSIA DI TENGAH PUI SI NUSANTARA

RAHMAN SHAARI

## ABSTRACT

This article is about the beginning and the development of modern Malay poetry in Malay Archipelago. It stresses on the comparison between Indonesian poetry and Malaysian poetry. Indonesia has achieved the artistic form and style as early as 1930s through Amir Hamzah, and Malaysia attained this achievement only in 1970s through Muhammad Haji Salleh. From then onwards, the development and the standard of the poetry writing in both countries are parallel.

**Keywords:** comparative, Malaysian poems, Indonesian poems, influence, individualism, experimental, patriotic, religious, philosophy.

## PENDAHULUAN

Kajian dan tinjauan sejarah yang dibuat dari semasa ke semasa oleh para sarjana, pengkritik, dan pembicara sastera mendapati bahawa kesusasteraan Melayu Indonesia moden secara umumnya mendahului kesusasteraan Melayu di negara-negara lain. Ertinya, dari segi sejarah, kesusasteraan Indonesia memperoleh *sophistication* terlebih dahulu. Oleh sebab dari segi sejarah sudah sedemikian, timbul kesan bahawa kesusasteraan Indonesia itu sentiasa tidak tertandingkan di dunia Melayu. Kertas ini berusaha memberikan pandangan yang memungkinkan pengubahan kesan itu, dengan penumpuan hanya kepada puisi moden.

## TAHAP AWAL

Puisi Melayu moden di Tanah Melayu pada peringkat awal dipelopori oleh Omar Mustaffa. Sajaknya (“Angan-Angan dengan Gurindam”) yang tersiar dalam *Utusan Melayu* pada 18 Julai 1913 itu, biarpun dianggap gurindam oleh Omar sendiri, ternyata memuatkan semangat dan sikap baharu. Karya ini tidak cukup syarat untuk dinamakan puisi moden kerana kelurusan pengucapannya dan bahasanya tidak berbunga-bunga, tetapi lantaran sikap dan semangat baru itu, kita terima sebagai sajak.

Dengan tersiarnya sajak “Angan-Angan dengan Gurindam”, seharusnya segera bermula tradisi penciptaan sajak. Namun hal demikian tidak terjadi. Perpuisian moden Tanah Melayu menunggu selama 20 tahun, iaitu apabila Harun Aminurrashid (Atma Jiwa), Muhammad Yusuf Ahmad, dan Muhammad Yassin Maamor (Punggok) menulis sajak. Antara mereka bertiga, Punggok jauh lebih aktif, biarpun terdapat penemuan yang mengatakan bahawa karyanya muncul terkemudian daripada karya dua orang itu.

Di Indonesia, karya Amir Hamzah amat dihormati. Amir Hamzah menghasilkan sajak-sajak yang kaya dengan nilai estetika, biarpun caranya masih tradisional. Inilah maksud penulis apabila disebutkan awal-awal lagi bahawa kesusasteraan Indonesia mendahului kesusasteraan Tanah Melayu/Malaysia dari segi sejarahnya. Sajak “Padamu Jua” bukanlah lawan sajak “Di Tengah Segara”. Biarpun gaya dan isi Amir Hamzah amat dikenali, tidak terdapat bukti bahawa penyair Tanah Melayu “meniru”nya. Keakraban makhluk dengan personifikasi Tuhannya tidak tergambar dalam sajak-sajak penyair di sini.

Telah diketahui umum juga, Chairil Anwar yang muncul kemudian di Indonesia membawa gaya lain yang lebih dekat dengan makna kemodenan. Chairil melihat dunia dengan mata manusia moden, dan dia membicarakan nasibnya, dan nasib manusia lain yang semoden dirinya. Seseekali dia menghasilkan sajak keagamaan, tetapi itu mendekati kaedah 'Paul Tillich', iaitu mengucapkan hubungan antara dirinya dengan Tuhan dengan susuk bahasa yang langsung sebagai hasil kesan peribadi. Sajak "Doa" ialah karya yang cukup jelas dalam menyokong pandangan ini.

Sajak "Aku" (yang asalnya berjudul "Semangat") ialah sajak Chairil yang disebut-sebut buat sekian lama sebagai sajak yang gemilang. Sajak tersebut dikenali dengan akrab oleh peminat puisi moden di mana-mana Alam Melayu. Bahagian akhirnya berbunyi "...dan aku akan lebih tidak peduli/aku mahu hidup seribu tahun lagi". Kata-kata yang dipilihnya biasa saja, tetapi kesannya cukup kuat. Kesan tersebut terhasil terutama setelah keseluruhan sajak "Aku" yang deklamatori itu dibaca dengan baik.

Kata-kata Chairil Anwar itu telah mempengaruhi Masuri SN, bukan sekadar untuk diucapkan, malah dijadikan judul sebuah karyanya. Sajak "Tiada Peduli" karya Masuri SN ialah sajak yang sekuat sajak "Aku". Walaupun tanda pengaruh Chairil ke atas Masuri adalah jelas, sajak "Tiada Peduli" tetap dapat dianggap sebagai tanda kekuatan Masuri SN. Lagipun pengaruh yang sedemikian adalah juga tanda keluasan pembacaan penyair itu. Masuri SN pernah juga membaca karya Barat, terutama karya Dyland Thomas, yang kemudiannya membuat dia terpengaruh dengan sajak "This Bread I Break". Kekuatan pengaruh sajak tersebut menyebabkan Masuri menghasilkan sajak "Ini Nasi yang Kusuap", dan ini pernah dipertanyakan orang.

Penyair Usman Awang bergiat menghasilkan puisi dengan bahasa yang cukup indah dalam tahun 1950-an. Penyair ini tahu benar mengadunkan sikap dan pemikirannya dengan lenggok bahasa yang berteraskan tradisi. Dialah tokoh yang paling diingat oleh setiap pembicara puisi Melayu moden.

## **SAJAK-SAJAK DEKAD 1960-AN**

Daripada pembacaan subjektif pembicara, hakikat persajakan dalam Bahasa Melayu/Indonesia pada tahun 1960-an masih dalam keadaan Indonesia mendahului Malaysia. Hal ini dianggap demikian kerana kelihatannya karya-karya Indonesia memperlihatkan pemahaman ilmu baru ketika itu. Chairil Anwar memberikan pengaruh yang kuat terhadap penyair-penyair terkemudian di Indonesia, dan mereka tidak sanggup 'mengalah' kepada tokoh itu. Oleh itu, di Indonesia aliran baru yang memuatkan sikap individualisme diikuti aliran yang bersandarkan falsafah eksistensialisme dengan ketara. Kita juga melihat munculnya penceritaan yang *absurd* dalam drama, cerpen, dan novel Indonesia. Malaysia agak lambat memulakan itu semua, dan apabila bermula, tidak pula tiba ke tahap absurditi yang tulen.

Dalam dekad yang sedang dibicarakan ini, di Malaysia muncul Kemala, Dharmawijaya, A. Wahab Ali, Nahmar Jamil, T. Alias Taib, Firdaus Abdullah, dan beberapa lagi, yang kesemuanya ketara sederhana. Jika dibandingkan antara puisi moden Malaysia dengan yang di Indonesia pada dekad tersebut, masih dapat dikesan keluasan daerah persajakan Indonesia, terutama pada aspek gayanya. [Kesemua ini, seperti yang disentuh awal-awal lagi ialah hasil satu tinjauan umum.]

Walaupun Malaysia di belakang Indonesia secara keseluruhan, Malaysia mempunyai kelebihan kerana munculnya Suhaimi Haji Muhammad, Kassim Ahmad, dan Latiff Mohidin. Ketiadaan tokoh seperti Subagio Sastrowardojo, Sapardi Djoko Damono, dan W.S. Rendra tidak mengapa kerana Kassim dan Latiff memberikan sumbangan yang tiada di Indonesia. A Ghafar Ibrahim memberikan sumbangan terhadap perkembangan sajak-sajak konkrit dan audio visual, sejajar dengan perkembangan Sutardji Calzoum Bachri, biarpun Ghafar yang dikenali dengan nama AGI ternyata tidak progresif. Pengikutnya Puzi Hadi sentiasa berada di belakangnya, tidak kedepan, menjadikan

lapangan puisi eksperimental Malaysia tidak mencapai tingkat yang memuaskan, apatah lagi apabila Ismail Abdullah menghasilkan sajak untuk diri sendiri.

### **SAJAK-SAJAK DEKAD 1970-AN DAN SETERUSNYA**

Dekad 1970-an ialah dekad yang memuatkan *sophistication* puisi Melayu moden Malaysia. Dalam hal gaya pengucapan, dekad 1970-an ialah dekad yang berisi kekayaan estetika baru sajak-sajak Malaysia. Dalam dekad ini, muncul sajak-sajak yang ketara membezakan puisi Melayu moden daripada puisi Melayu tradisional. Walaupun Sahlan Mohd Saman mengatakan penyair Melayu tidak terpesona dengan pengaruh Barat yang bertimpa-timpa, terkesan bahawa beliau bermaksud menyatakannya dari segi nilai.

Jika pada masa-masa terdahulu kita memiliki Usman Awang yang patuh pada kaedah persajakan yang berlenggok-lenggok—dan cemerlang dengan kaedah itu, serta Kassim Ahmad yang bertegas dengan kepentingan isi sosial dan gaya yang segar—dan gemilang dengan kaedah itu, dekad 1970-an diperkukuh dengan kehadiran beberapa orang penyair yang lebih memberatkan estetika baru. Mereka ialah Kemala, Muhammad Haji Salleh, Baha Zain, Latiff Mohidin, A. Wahab Ali, Siti Zainon Ismail, Zurinah Hassan, dan Lim Swee Tin. Masih ada penyair lain yang sesuai disenaraikan, namun nama-nama yang dicatatkan ini ternyata berjaya meletakkan puisi moden kita pada tahap yang tidak kalah dalam ukuran sesiapa dan di mana-mana jua.

Secara umumnya, kita mengenali sajak-sajak mereka. Kemala membawa tema dan pemikiran keagamaan dalam gaya yang akrab dengan suasana yang dimaksudkannya. Penyair ini juga berupaya menghasilkan sajak-sajak patriotik dan juga karya-karya yang memuatkan pengalaman peribadi. Muhammad Haji Salleh sering dikaitkan dengan intelektualisme dalam perpuisian, walaupun sejak lama dahulu telah disedari bahawa penyair yang paling awal memasukkan pemikiran dalam puisi ialah Kassim Ahmad. Yang penting dalam sajak-sajak Muhammad Haji Salleh ialah pengurangan penekanan terhadap emosi. Muhamamad (seperti mahu) menolak ketebalan emosi dalam sajak-sajak yang lebih awal, dan berazam untuk menipiskannya.

Sajak-sajak Baha Zain yang menarik ialah sajak-sajak konfesionalnya. Penyair ini menjadikan persajakan sebagai autobiografi yang tersembunyi. Dalam sejumlah sajak Baha yang berkesan, kedapatan 'watak' yang menghadapi masalah akibat pemilihan kegelapan yang menyeronokkan. Dapat dirasakan bahawa Baha ialah pancaran dari Indonesia yang masuk melalui tingkap pengajiannya. Beliau mungkin amat menyenangkan penyair-penyair Indonesia yang berkeahlian dalam menyampaikan tema-tema sedemikian. Untuk satu jangka waktu, Baha Zain dapat diselarikan dengan W.S. Rendra di Indonesia, walaupun kita sedar bahawa Rendra jauh lebih prolifik dan konsisten dalam menyampaikan tema-temanya.

Latiff Mohidin berbeza daripada Baha Zain. Penyair ini mencintai alam, termasuk konsep-konsep yang menyatakan kesepian serta aneka suasana. Dia melihat dirinya seperti dia melihat orang lain, tetapi tumpuannya ialah alam, iaitu dirinya dan orang lain ialah sebahagian daripada alam. Penyair *cum* pelukis ini pernah mengetuai kumpulan Anak Alam, satu kumpulan seniman yang cuba berkongsi idea bahawa manusia tidak lain daripada bahagian alam. Sajak terkemukanya "Sungai Mekong" menyatakan hasrat penyatuannya dengan bahagian-bahagian lain di alam, dengan kata-kata *kaki kananku ke bulan/ kaki kiriku ke matari*.

A. Wahab Ali yang pada satu waktu lebih berat ke arah nasionalisme, dengan agak ketara memberatkan agama dalam dekad 1970-an. Di samping itu, sebahagian sajaknya amat tajam dengan kritikan dan sindiran. Beliau berbeza daripada Siti Zainon Ismail yang rajin mengutip bahan-bahan kesenian, atau bahan-bahan yang dapat dilihatnya sebagai berseni. Sajak-sajak Siti Zainon amat lembut, dan dalam kelembutan itu termuat idea yang tersembunyi. Ketersembunyian idea itu disebabkan oleh kegemaran dan penekanan Siti Zainon terhadap citra dan keinginannya berkisah secara berahsia.

Zurinah Hassan pula berbeza daripada Siti Zainon kerana penyair ini memang berhasrat berterus terang. Ketika menyatakan idea dengan dengan terus terang, tetapi artistik, Zurinah Hassan mencapai keseniannya. Sajak-sajaknya menjadi matang kerana pemilihan kaedahnya. Zurinah menyampaikan idea falsafah yang kadang-kadang agak berat, dan selalunya sederhana. Sajak-sajaknya yang membawa pemikiran berbalik-balik, yang sesekali terasa penyair bermain-main, kemudian terasa kesungguhannya, adalah antara yang terbaik. Selain itu, sajak-sajak Zurinah juga konfesional, biarpun isi konfesi yang dikemukakannya tidak menyamai isi konfesi dalam sajak-sajak Baha Zain.

Di Malaysia, Lim Swee Tin ialah penyair bukan Melayu nombor satu. Jika diketepikan aspek kaum, iaitu dengan andaian bahawa kesemua rakyat Malaysia berupaya berbahasa Malaysia dengan baik, Lim Swee Tin masih tetap berada di baris utama. Sajak-sajak Lim memuatkan pemikiran yang diadunkan dengan pengalaman, dalam bahasa yang tebal dengan perbandingan.

Kehadiran penyair baru pada satu-satu ketika tidak akan bererti jika dia tidak membawa pembaca ke arah yang belum diterokai. Arah itu mungkin ditentukan oleh tema, tetapi secara keseluruhan orang menekankan atau mengutamakan gaya. Sering disebutkan bahawa tema akan berulang kerana kehidupan di dunia ini tidak terlalu menyediakan kebaruaran pengalaman. Oleh itu, yang terlihat sebagai pembaharuan tema juga sebenarnya pembaharuan gaya. Penyair veteran juga akan mengubah kaedah berkarya jika mereka berupaya, seperti mana terlihat pada Usman Awang, Suhaimi Haji Muhammad, Kemala, A Wahab Ali, Baha Zain, dan beberapa lagi.

Sajak-sajak Malaysia sejak dekad 1970-an tidak pernah menunjukkan arah kemunduran. Memang benar jika dikatakan amat banyak sajak yang tidak bermutu ditulis dalam jangka masa 35 tahun ini, tetapi dalam menyatakan mutu puisi sesebuah negara, hanya yang terpilih diambil kira. Persajakan Malaysia menerima kehadiran penyair baru pada dekad 1980-an dan seterusnya. Kini, kehadiran Zaen Kasturi dan Rahimidin Zahari dianggap memberangsangkan, di samping kemunculan penyair *cum* profesor pergisian *cum* pentadbir, Hashim Yaacob. Hashim muncul terkemudian kerana sebelumnya beliau tidak mendapat keyakinan akan bakatnya. Beliau lebih dekat dengan cabang-cabang seni tradisional, meminati bangsawan, dan melibatkan diri dalam permainan wayang kulit. Oleh itu, dalam bidang puisi, beliau kerap mengambil citra dan kisah silam untuk dikedepankan sebagai bahan pemikiran tentang masa kini.

## **PERBANDINGAN RINGKAS DENGAN PUISI INDONESIA**

Perbandingan yang sebenar-benarnya antara puisi Malaysia dengan puisi Indonesia tidak sempat saya lakukan dalam kertas yang singkat ini. Saya ingin menekankan bahawa keadaan Malaysia berada di belakang Indonesia tidak lagi berlaku dalam dekad 1970-an dan seterusnya. Puisi Malaysia telah terarah ke jalan tertentu yang diyakininya, dan soal sama ada penyair akan memilih gaya pengucapan yang berupa introspeksi diri seperti yang berleluasa di Indonesia, atau kekal menulis tentang hal-hal moral dan kemasyarakatan mengikut amalan masa lalu merupakan pilihan yang sebenar-benarnya. Ertinya, penyair seperti Muhammad Haji Salleh, Baha Zain, T. Alias Taib, dan beberapa lagi, berupaya menghasilkan karya-karya mengikut aliran dan gaya yang dipilih dengan sedar, bukan lagi terkongkong dengan gaya orang yang kurang membaca.

Di Indonesia, W.S. Rendra berjaya menghasilkan sajak-sajak kemasyarakatan dengan gaya naratif. Penyair itu bersungguh-sungguh dalam bidangnya, mempunyai masa untuk memantapkan deklamasi (baca puisinya). Di Malaysia, Baha Zain mampu menghasilkan sajak sedemikian, malah sejumlah sajak Baha setingkat dengan sajak Rendra, bahkan saya mahu mengatakan, mengatasinya. Sajak "Menangguhkan Kebenaran" adalah setingkat dengan sajak "Bersatulah Pelacur-pelacur Kota Jakarta". Baha menyatakan konfesi protagonis dalam sajak tersebut, manakala Rendra menyebutkan protagonis sebagai simpatisan yang tidak terbabit. Oleh itu, deklamasi yang artistik akan menyebelahi Baha, kerana pada sajaknya itu terdapat bahagian yang menyatakan penglibatan yang menyayukan.

Sajak Subagio Sastrowardjo memang cukup baik selaku sajak introspeksi diri dengan bantuan ilmu falsafah. Muhammad Haji Salleh berkemampuan untuk itu, tetapi Muhammad lebih gemar melukiskan protagonis yang merahsiakan diri sebenar. Oleh itu, yang muncul dalam sajak-sajak Muhammad selalunya permasalahan kerana jalan fikirannya seperti di dalam “Pulang si Tenggang”, bukan kerana terganggunya cinta badaniah seperti yang terlukis nyata dalam sajak “Adam di Firdausi” karya Subagio.

Telah disebutkan bahawa Kassim Ahmad telah memaparkan keistimewaan sejak dekad 1960-an, jadi dia terkecuali dalam perbandingan ini. Demikian juga dengan Latiff Mohidin. Yang wajar disebutkan ialah bahawa pada dekad 1970-an (juga sebelumnya), gaya Kassim dan Latiff, atau yang mirip dengan mereka, tiada di Indonesia. Pernyataan ini penting kerana dalam menghayati gaya berpuisi secara keseluruhannya, elok kita kemukakan sajak-sajak Kassim dan Latiff untuk diberikan tumpuan yang lebih khusus.

Di Indonesia, Rendra, Subagio, Taufik Ismail, dan beberapa lagi telah menunjukkan arah mereka dengan ketara. Rendra ialah pengucap masalah masyarakat yang amat hebat dan dia amat difahami. Lantaran kebolehan teaterikalnya, Rendra menjadikan penyediaan dewan kecil mustahil untuk acara baca puisinya. Jumlah penonton untuk persembahannya di Malaysia pun besar. Jadi, Rendra ialah contoh deklamator yang ideal buat beberapa lama, sehinggalah muncul kegiatan persembahan puisi artistik di Malaysia. Itupun, di Malaysia orang masih keliru dengan istilah **deklamator**, yang sering disebut “pendeklamator”, satu kejanggalan nahu yang seharusnya tidak dimaafkan.

Subagio berusaha mencari makna metafizik untuk dimasukkan ke dalam karya-karyanya. Satu masa dahulu, beliau tidak difahami oleh HB Jassin, dan berlaku satu polemik. Ketiadaan pemahaman puisi oleh pengkritik berlaku juga kepada karya Suhaimi Haji Muhammad di Malaysia. Suhaimi memerlukan Anuar Nor Arai yang kemudiannya ‘terlalu faham’, hingga sajak-sajak Suhaimi menjadi kian kabur di tangannya.

## **MENJENGUK SINGAPURA DAN BRUNEI**

Saya mendapati di Singapura, Mohamed Latiff Mohamed cukup bererti. Beberapa sajak Mohamed Latiff berjaya melukiskan jiwa orang Melayu Singapura, atau mungkin lebih tepat melukiskan dirinya selaku orang Melayu Singapura. Citra-citra tertentu berupaya melukiskan jiwa yang tidak tenteram, satu keadaan hampa kerana ketiadaan bantuan untuk tiba ke puncak harapan. Sajak “Malam yang Terbakar” misalnya, ialah sajak yang mempercayai kekuatan Jebat, tetapi malangnya Jebat tidak kunjung datang. Demikianlah Mohamed Latiff dengan gaya ideosinkrasinya menjayakan sajak patriotik.

Penyair Brunei mungkin tidak terdorong untuk ke arah pembaharuan. Teman-teman di Indonesia dan Malaysia, dan sedikit banyak di Singapura mungkin tertanya-tanya tentang arah persajakan Brunei. Antologi *Lagu Hari Depan* ialah contoh buku yang memuatkan karya-karya yang amat sederhana, dan tidak terkeluar daripada tahap persekolahan. Saya berpandangan, penyair Brunei mengetahui perkembangan sekeliling, tahu tentang Baha Zain di Malaysia, Subagio di Indonesia, misalnya, namun mereka mahu kekal dengan mediokriti. Muhammad Haji Salleh yang menulis “Kata Pengantar” untuk *Lagu Hari Depan* telah menurunkan tahap pembicaraannya, dengan menyatakan maksud klise, dan kemudian mengatakan bakat-bakat di Brunei mungkin tidak dicabar oleh penilaian yang berterus terang.

Saya kira, puisi moden Brunei elok diukur dengan kayu ukur yang asing. Tiada tanda bahawa penyair Brunei berlumba-lumba menyaingi penyair Indonesia, Malaysia, dan sedikit banyak Singapura dari segi kaedah penciptaan. Atau, di sana ada rahsia lain yang hanya dapat dijelaskan oleh penyair Brunei sendiri.

## KESIMPULAN

Puisi Melayu di Malaysia berada pada tahap yang setara dengan Indonesia sejak dekad 1970-an hingga ke masa ini. Perbezaan yang ada bukanlah perbezaan tingkat keupayaan, tetapi perbezaan lantaran pilihan. Oleh itu, dalam setiap kegiatan perpuisian yang melibatkan Malaysia dan Indonesia, sikap yang wajar ditonjolkan ialah hormat-menghormati kerana kesamaan taraf. Kita boleh belajar daripada mereka, demikian juga sebaliknya. Penyair Singapura juga mempunyai ruang dan keupayaan untuk mempertingkatkan mutu puisi moden mereka dan mempelbagaikan corak pemikiran. Telah disentuh bahawa karya Mohamed Latiff Mohamed menarik dan berkesan kerana tema patriotik disampaikan dalam gaya ideosinkrasi penyair itu. Seterusnya kita menanti karya moden dari Brunei. Sebagai menyambut saranan Muhammad Haji Salleh, kata-kata pembicara merupakan manifestasi kejujuran pembicara dalam memperkatakan puisi di sana.

Pandangan ini masih pada peringkat tinjauan. Diharapkan satu reaksi yang bermanfaat diberikan untuk pembicara menilai pendapat dan pandangan sendiri. Pembicara amat berhasrat untuk memahami keadaan sebenar perpuisian Nusantara, oleh itu pembicara amat tertolong jika muncul reaksi yang diharap-harapkan ini.

## RUJUKAN

- A. Ghafar Ibrahim. 1990. *Yang Yang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baha Zain. 1991. *Tiga Catatan Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dharmawijaya. 1992. *Derita Buana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Latiff Mohamed. 1988. *Danau Sukma*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- Muhammad Haji Salleh. 1975. *Buku Perjalanan si Tenggang (ii)*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Puzi Hadi. 1991. *Lokomotif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimidin Zahari. 1995. *Sekepal Tanah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sapardi Djoko Damono. 1984. *Sibir Hujan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 1984. *Puisi Putih Sang Kekasih*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subagio Sastrowardjo. 1971. *Simphoni*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Suhaimi Haji Muhammad. 1983. *Mengayam Bulan*. Kuala Lumpur: Tra-Tra.
- Yura Halim *et.al.* 1980. *Lagu Hari Depan*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

# IMPAK PERJANJIAN PERDAGANGAN HAK HARTA INTELEKTUAL (TRIPS), UNDANG-UNDANG PATEN ANTARABANGSA KE ATAS NEGARA MEMBANGUN

HASMAH ZANUDDIN

## ABSTRACT

The article discusses the role and the impact of the Intellectual Property Rights (IPRs) in the economic development of the developing countries. IPRs in recent years became a controversial issue. The fiery debate surrounding the issue happened immediately as soon as the signing of the Trade Agreement on Trade-Related Intellectual Property Rights (TRIPS) by member countries (Bronckers 1994). In the beginning, TRIPS had never become an important issue in GATT. In fact, during the Uruguay Round of GATT, which established the World Trade Organisation (WTO) (Siebeck 1990a) in 1994, Intellectual Property Rights had never attracted any attention. However, several major things happened in the recent years, had made the members of the WTO realised that this issue had indeed become one of the most important agenda of the WTO and carries a profound impact towards the developing countries.

**Keywords:** Intellectual Property Rights (IPRs), Trade Agreement on Trade-Related Intellectual Property Rights (TRIPS), Private Intellectual Property Rights (PIPRS), GATT, WTO, Developing Countries, US Structural Power, Super 301, Trade Agreement, Trade Sanction, Patent, Copyright, Invention, Technology Transfer, Berne Convention

## PENGENALAN

Peranan Hak Harta Intelektual (*Intellectual Property Right*—IPRs) dalam pembangunan ekonomi merupakan satu isu yang kontroversial. Walau bagaimanapun, debat yang mengelilingi isu ini telah menjadi begitu hangat selepas sahaja Perjanjian Perdagangan Bersabit Hak Harta Intelektual (*Trade-Related Intellectual Property Rights*—TRIPS) (Bronckers 1994). Pada awalnya, TRIPS tidak pernah menjadi isu utama dalam GATT, malah ketika Pusingan Uruguay, yang berjaya menubuhkan Organisasi Perdagangan Sedunia (*World Trade Organisation*—WTO) (Siebeck 1990a) pada tahun 1994, IPRs masih tidak menarik perhatian. Beberapa perkara yang berlaku beberapa tahun lalu hingga kini, membuatkan ramai ahli negara WTO tersedar bahawa isu ini bakal menjadi perkara utama agenda WTO pada masa akan datang.

Perkara pertama yang menarik perhatian ahli pada TRIPS adalah pada perkataan ‘**waktu transisi**’ yang dibenarkan pada negara-negara membangun untuk ‘mempertingkatkan’ rejim IPRs domestik menurut acuan yang telah ditetapkan oleh Perjanjian TRIPS telah berakhir pada akhir tahun 2000 (2006 pada negara-negara paling miskin dan termundur), dengan itu mendedahkan mereka kepada bahaya sekatan dagangan oleh negara-negara maju. Keduanya, kebanyakan negara membangun berasa kurang puas hati dan marah atas cubaan firma dan individu-individu dari negara-

negara maju untuk meletakkan hak paten dalam provisi TRIPS ke atas produk yang disahkan telah dikenal pasti dari negara-negara membangun, misalnya kes kunyit (UNDP, 1999: 70-71). Ketiga, kontroversi terkini yang memperlihatkan usaha syarikat-syarikat farmasi dari negara-negara maju menggunakan TRIPS untuk menghalang eksport ubat HIV/AIDS yang lebih murah yang dihasilkan oleh negara-negara membangun seperti Argentina, India, Thailand dan Brazil telah memperlihatkan konflik antara TRIPS dengan kebajikan manusia sejagat.

TRIPS, seperti perjanjian-perjanjian lain WTO, merupakan satu kerangka perjanjian undang-undang; dengan itu, secara jelasnya '*modus operandi*' adalah menerusi peningkatan kes. Atas alasan ini, masa depan sebenar rejim TRIPS masih tidak boleh dijangkakan dengan tepat. Walau bagaimanapun, Grinols (1999) mengingatkan bahawa Amerika Syarikat merupakan pengguna paling besar proses penyelesaian pertikaian WTO. Secara keseluruhannya, Amerika Syarikat terlibat dalam 77.3 peratus kes WTO yang selesai (H.Zanuddin 2004). Kongres Amerika Syarikat pada tahun 1974 telah meluluskan Akta Perdagangan 1974 yang terkenal dengan Seksyen 301. Berikutan kadar defisit perdagangan meruncing, Amerika Syarikat telah menekankan bahawa pentingnya sekatan dagang mutlak terhadap amalan dagangan tidak adil dengan negara-negara asing.

## **PEMINDAHAN TEKNOLOGI, IPRS DAN PEMBANGUNAN EKONOMI**

Dalam sejarah perindustrian, pemindahan teknologi telah memainkan peranan utama. Pemindahan teknologi sekitar abad ke-16 dan ke-17 dari Eropah yang dikenali sebagai negara maju ketika itu adalah penting kerana berjaya menukar Britain dari sebuah negara mundur yang bergantung dengan bahan mentah menjadi negara pengeluar yang maju (Reinert 1995; Cipola 1993). Selepas Revolusi Industri Britain, keberkesanan pemindahan teknologi dari Britain menjadi satu petanda terhadap kemajuan sesebuah negara (Landes 1969).

Sebahagian daripada pemindahan ini secara terang dilakukan mengikut cara yang sah terutamanya pada awal sejarah perindustrian apabila teknologi yang digunakan adalah lebih mudah untuk difahami. Misalnya, melalui satu lawatan sambil belajar ke syarikat-syarikat pengeluaran sesuatu produk, cara penggunaan teknologi tersebut sudah dapat difahami. Walaupun begitu, sudah ada pada awalnya sebilangan pengeluar teknologi bermutu tinggi yang enggan membenarkan lawatan sambil belajar tersebut dan sesetengahnya menyembunyikan perkara penting dalam lawatan yang dibenarkan. Pelatih (*apprenticeship*) juga merupakan satu cara untuk menyerap teknologi asing. Walau bagaimanapun sehingga pertengahan abad ke-19, apabila peralatan bermesin menjadi satu cara ilmu teknologi, maka pemindahan pekerja mahir (*skilled*) berlaku kerana kebanyakan ilmu teknologi berada dengan pekerja tersebut. Hasilnya, negara-negara cuba mengambil pekerja-pekerja mahir dari negara-negara maju dan membawa balik rakyat mereka yang telah bekerja di negara-negara maju.

Pada ketika itu, usaha ini boleh dikatakan amat berkesan, tambahan pula apabila digabungkan dengan polisi kerajaan yang ingin memajukan ekonomi teknologi yang dikenali sebagai kecapaian teknologi (rujuk Fransman dan King 1984). Banyak kerajaan bertindak mewujudkan institusi pengajaran berbentuk formal dan tidak formal seperti sekolah teknikal dan penyelidikan. Mereka mewujudkan muzium, menganjurkan ekspo antarabangsa, dan menubuhkan kilang contoh yang menggunakan teknologi maju terkini. Kerajaan-kerajaan ini juga memberi insentif kepada firma-firma untuk menggunakan teknologi moden, terutamanya melalui rebat dan pengecualian cukai import peralatan perindustrian (Landes 1969: 150-151).

Selalunya, patut diingati, pengambilalihan teknologi maju telah dijalankan secara 'tidak sah.' Firma-firma biasanya ingin menutup rahsia teknologi mereka daripada diketahui. Oleh itu, ia menghalang akses kilang daripada orang asing. Tambahan pula, kerajaan negara-negara maju memainkan peranan penting dalam mengehadkan pengeluaran teknologi utama (terutamanya kawalan terhadap pemindahan pekerja mahir). Pada tahun 1719, percubaan dimulakan oleh Perancis (dianjurkan oleh John Law, ahli kewangan berbangsa Scotland yang terkenal dari Syarikat Mississippi)

‘mencuri’ beratus-ratus pekerja mahir. Tindakan yang sama juga dilakukan oleh Rusia. Ini menyebabkan Britain menghalang migrasi (mencuri) pekerja mahir terutama usaha dari luar negara (‘suborning’).

Menurut undang-undang Britain, sesiapa yang didapati bersalah melakukan pengambilan pekerja mahir secara haram boleh dihukum denda atau penjara. Pekerja-pekerja imigran yang tidak kembali ke tanah air dalam masa enam bulan selepas diberi amaran untuk berbuat demikian oleh mana-mana pegawai Britain yang dilantik seperti diplomat akan hilang hak ke atas tanah dan barangan di Britain dan taraf kerakyatan akan ditarik balik. Paling utama yang dinyatakan oleh undang-undang tersebut ialah insidri bersabit kapas, keluli, besi, perak, dan lain-lain logam, serta pembuatan jam. Secara amalnya, undang-undang tersebut merangkumi kesemua jenis industri (Harris 1998). Halangan migrasi pekerja mahir bertahan sehingga tahun 1825 (Landes 1969: 148).

Berikutnya, apabila teknologi digabungkan dalam sesuatu mesin, eksport mesin mula dikawal. Britain meluluskan satu akta pada tahun 1750 yang menghalang eksport peralatan untuk industri kapas dan sutera serta menguatkan hukuman mencuri pekerja mahir. Halangan tersebut diperluas dan diperkuat dalam legislasi berikutnya. Pada tahun 1774, satu lagi Akta diluluskan untuk mengawal eksport mesin bagi industri kapas dan kain. Pada tahun 1781, Akta 1774 telah disemak semula dan perkataan ‘tools and utensils’ diubah menjadi ‘any machine engine, tool, press, paper, utensil or implement whatsoever’, memberi tanda pertambahan bilangan peralatan mesin dalam industri. Pada tahun 1785, Akta Peralatan (‘Tools Act’) telah diperkenalkan untuk menyekat pengeksporan banyak jenis peralatan mesin termasuk mencuri pekerja mahir (Harris 1998: 457-62). Sekatan tersebut berakhir pada tahun 1842 (Landes 1969: 148).

Tindakan-tindakan menghalang aliran keluar teknologi oleh negara-negara maju menyebabkan negara-negara kurang maju di Eropah menggunakan pelbagai taktik ‘haram’ untuk mendapatkan akses kepada teknologi maju. Usahawan dan juruteknik dari negara-negara ini (biasanya dengan galakan kerajaan secara terbuka—termasuk ganjaran lumayan jika mendapatkan teknologi tertentu) sentiasa menjalankan aktiviti ‘espionage’ teknologi.<sup>1</sup> Landes (1969), Harris (1991, 1992), dan Bruland (1991), antara lain, sempat mendokumentasikan pelbagai bentuk ‘espionage’ industri *vis-à-vis* Britain oleh negara-negara seperti Perancis, Russia, Sweden, Norway, Denmark, Belanda, dan Belgium.

Di sebalik usaha-usaha sah dan haram ini, perlu diingati bahawa usaha untuk mengejar teknologi adalah sesuatu yang susah. Sebagaimana banyak yang ditunjukkan oleh bahan-bahan bacaan terkini bahawa teknologi sebenarnya mengandungi ilmu pengetahuan yang tidak mudah untuk diubah alih. Masalah ini juga tidak akan terungkai dengan mencuri pekerja mahir walaupun mereka mempunyai teknologi moden. Pekerja ini mempunyai masalah budaya dan bahasa dan paling penting tidak mempunyai kemudahan infrastruktur teknologi yang sama dengan tempat asal mereka. Landes (1969) mendokumentasikan bagaimana Eropah Barat mengambil masa berpuluh-puluh tahun untuk menggunakan teknologi Britain, walaupun pada zaman teknologi yang begitu mudah dan memperoleh pekerja mahir, dan masih tidak mampu menggunakan teknologi tersebut untuk menjadi seperti Britain.

Pada akhir kurun ke-19, pemerhatian untuk meletakkan paten dan hak harta intelektual menjadi isu dalam pemindahan teknologi (dan pemindahan ilmu secara umumnya). Sekatan terhadap migrasi pekerja mahir dan sekatan eksport peralatan mesin oleh Britain dihapuskan sama sekali pada akhir kurun ke-19, berikutan ketidakcekapan mereka. Pada pertengahan kurun ke-19, teknologi utama menjadi begitu rumit. Pengambilan pekerja mahir dan mesin sudah tidak memadai untuk menguasai teknologi tersebut. Dalam banyak bidang, satu pemindahan aktif pengetahuan teknologi dari pemunya hak melalui lesen hak cipta (*patent*) muncul sebagai satu cara utama pemindahan teknologi.

Kebanyakan negara membangun telah membina undang-undang hak cipta (*patent laws*) antara tahun 1790 hingga 1850 serentak dengan membina elemen-elemen lain bagi rejim IPRs mereka, seperti undang-undang hak cipta (pertama diperkenalkan di Britain pada tahun 1709) dan undang-undang ‘trademark’ (pertama diperkenalkan di Britain pada tahun 1862) sekitar pertengahan kedua

kurun ke-19. Kesemua rejim IPRs adalah sangat tidak efisien mengikut piawaian masa kini. Sistem paten di kebanyakan negara amat kurang dari segi keperluan pemberitahuan (“disclosure”), di samping memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk proses permohonan paten dan tiadanya perlindungan bagi pemegang paten yang mencukupi. Sesetengahnya berjaya diberi hak paten seperti bidang kimia dan bahan perubatan (tidak bagi prosesnya)—satu amalan yang masih berjalan sehingga akhir dekad ke-20 bagi banyak negara.

Undang-undang yang dibina tidak mencakupi keperluan untuk melindungi IPRs rakyat negara asing (Williams 1896; Penrose 1951; Schiff 1971; McLeod 1988; Crafts 2000; and Sokoloff; dan Khan 2000). Sebagai contohnya, kebanyakan undang-undang paten amat kurang dari sudut menyemak keaslian ciptaan tersebut. Paling penting, di kebanyakan negara termasuk Britain (sebelum reformasi 1852), Belanda, Austria dan Perancis, meletakkan paten bagi ciptaan yang diimport oleh rakyatnya dibenarkan dengan berleluasa.

Di Amerika Syarikat, sebelum tahun 1836, satu pengubahsuaian besar-besaran bagi undang-undang paten telah diluluskan tanpa bukti keaslian. Pengubahsuaian ini bukan sahaja telah meletakkan hak paten bagi teknologi yang diimport tetapi juga menggalakkan penyeludup untuk mendapatkan ‘untung atas angin’ (*rent-seeking*) dengan meletakkan paten bagi peralatan yang telah pun digunakan (paten palsu) dan meminta wang daripada penggunaanya [di samping mengugut untuk menyaman kerana menggunakannya secara haram](Cochran dan Miller 1942: 14).<sup>2</sup>

Undang-undang paten di Switzerland dan Belanda pula agak menarik untuk dilihat (Schiff 1971). Belanda pada awalnya memperkenalkan undang-undang paten pada tahun 1817, tetapi menghapuskannya pada tahun 1869. Sebahagiannya adalah akibat daripada ketidakcekapan bentuk undang-undang itu sendiri (menurut piawaian pada ketika itu) dan juga dipengaruhi oleh pergerakan antipaten yang berleluasa di Eropah ketika itu. Pergerakan itu mengecam paten sebagai amalan yang tiada bezanya dengan amalan monopoli (Schiff 1971).<sup>3</sup> Switzerland tidak membuat sebarang perlindungan IPR’s sehinggalah pada tahun 1888 apabila undang-undang yang melindungi ciptaan mekanikal (mana-mana ciptaan yang berupa ciptaan yang boleh dipersembahkan berdasarkan model mekanikal) diperkenalkan (Shiff 1971: 85). Hanya pada tahun 1907, sebahagiannya kerana dimulakan oleh ugutan sekatan dagangan dari Jerman (kerana membantah penggunaan Switzerland ke atas ciptaan kimia dan farmasi Jerman), maka barulah diadakan undang-undang paten, bersesuaian dengan nama dan kegunaannya. Walaupun begitu, masih juga terdapat banyak pengecualian, terutamanya keengganan untuk memberi paten bagi bahan kimia (berbanding dengan proses kimia). Sehinggalah pada tahun 1954, undang-undang paten Switzerland dibaiki setanding dengan negara-negara maju lain, walaupun bahan kimia kekal tidak diberi paten sehingga tahun 1978 (Patel 1989: 980).

Dengan pengenalan undang-undang IPRs yang bertambah di kebanyakan negara, maka tekanan untuk membentuk satu rejim IPRs antarabangsa wujud secara semula jadi pada akhir abad ke-19 (Penrose 1951). Cubaan pertama untuk membina rejim IPRs antarabangsa berlaku di Kongres Vienna pada tahun 1873. Paling kontroversi ketika Kongres ini ialah peraturan ‘wajib rangka kerja’ bagi Austria dan beberapa negara lain (Bagi kes Austria, mana-mana perkara yang diberi paten harus dibuat di Austria dalam tempoh setahun dari tarikh paten diluluskan atau paten tersebut akan dibatalkan). Kongres tersebut akhirnya membuat kesimpulan dan resolusi yang menyarankan bahawa peraturan ‘wajib rangka kerja’ (‘compulsory working’) ditukar kepada peraturan ‘wajib lesen’ (‘compulsory licensing’), walaupun ini mendapat bentahan keras dari beberapa negara lain termasuk Amerika Syarikat.

Terdapat satu lagi persidangan bersabit yang diadakan di Paris pada tahun 1878, lebih kurang sama dengan di atas, walaupun dalam bentuk hubungan bukan rasmi kerana tanpa penglibatan delegasi pegawai-pegawai kerajaan. Berbeza dengan Kongres Vienna, persidangan ini lebih ke arah menyokong pemegang paten ataupun ‘pro-patentee.’ Walaupun resolusinya menunjukkan pengiktirafan dan sokongan kepada hujahan terhadap ‘kebajikan awam’ dan penerimaan prinsip ‘wajib rangka kerja’, pada masa yang sama ia memperlihatkan sikap berat sebelah kepada pemegang

paten dan menolak prinsip 'wajib lesen' dengan alasan tiada sesiapa lain yang berhak mendapat faedah daripada ciptaan tersebut kecuali pemegang paten jika pemegang paten terbukti tidak dapat menyiapkan hasil ciptaannya.

Pada tahun 1878, Kongres Paris berjaya menubuhkan suruhanjaya yang akhirnya berjaya mengeluarkan draf konvensyen. Draf tersebut dibincangkan kali pertama secara 'rasmi' pada mesyuarat rejim antarabangsa IPRs (dihadiri oleh 19 wakil kerajaan) di Paris pada tahun 1880. Draf konvensyen akhirnya diterima oleh 11 buah negara di Paris pada tahun 1883 dan dikenali sebagai Konvensyen Paris oleh Kesatuan Perlindungan Harta Perindustrian Antarabangsa (*International Union for the Protection of Industrial Property*).<sup>4</sup> Negara-negara yang menandatangani konvensyen tersebut ialah Belgium, Portugal, Perancis, Guatemala, Itali, Belanda, San Salvador, Serbia, Sepanyol, Switzerland, dan Britain. Konvensyen ini tidak sahaja meliputi paten tetapi turut juga merangkumi undang-undang 'trademark' (ini turut membolehkan Switzerland dan Belanda menandatangani Konvensyen tersebut walaupun kedua-duanya tidak mempunyai undang-undang paten). Pada tahun 1886, **Konvensyen Berne** menandatangani perjanjian bersabit hak cipta (*copyrights*). Konvensyen Paris berikutnya telah bermesyuarat dan menyemak perjanjian beberapa kali (1911, 1925, 1934, 1958, dan 1967) dengan tujuan untuk memantapkan hak pemegang paten dan dalam pada itu, serentak dengan Konvensyen Berne, terbentuknya asas kepada rejim antarabangsa IPRs sehinggalah Perjanjian TRIPS ditandatangani (Shell 1998).

Konvensyen Paris menampakkan beberapa ciri utama. Pertamanya, di sebalik bantahan keras daripada Amerika Syarikat, ia dengan tegas berpegang kuat pada prinsip pendekatan 'tiada terhutang budi' ('non-reciprocity') iaitu rakyat asing boleh diberi layanan 'national treatment' tetapi ahli-ahli negara tidak perlu memberi taraf IPRs yang sama pada mereka (sepagaimana yang telah diberikan di negara mereka sendiri). Keduanya, ia menerima prinsip 'hak keutamaan', yang bermaksud, pemegang paten yang membuat permohonan di satu negara, berhak menerima hak pengiktirafan di semua negara di mana hak ciptanya dipatenkan. Dengan itu, Konvensyen Paris telah mengguna pakai kedua-dua peraturan: 'wajib rangka kerja' dan 'wajib lesen.' Peraturan 'wajib rangka kerja' akhirnya disemak semula pada tahun 1925 dan hanya boleh diterima pakai apabila didapati peraturan 'wajib lesen' sudah tidak efektif.

Walaupun begitu, di sebalik munculnya rejim IPRs antarabangsa, banyak negara termasuk yang paling maju telah melanggar IPRs rakyat negara-negara asing sehingga ke abad 20. Perenggan terdahulu telah pun menyebut bahawa ketika ini Switzerland dan Belanda tidak mempunyai undang-undang paten. Amat menarik untuk diperhatikan bahawa Amerika Syarikat yang bersungguh-sungguh menyokong kuat hak pemegang paten telah dengan sewenang-wenangnya pula mengetepikan hak cipta rakyat asing sehingga tahun 1891.<sup>5</sup> Dan sehingga lewat abad ke-19, apabila Jerman mula menguasai kemajuan teknologi mengalahkan Britain, terdapat kerisauan di Britain bersangkutan hal 'trademarks' (Kindleberger 1978; William 1896; Landes 1969:328).<sup>6</sup>

Walau bagaimanapun, Jerman menggunakan pelbagai cara untuk mempergunakan Akta tersebut (Williams 1896: 138). Mereka meletakkan tanda cop negara asal pada bungkusan/kotak dan bukannya pada barangan/produk tersebut. Jadi, apabila pelanggan membuka kotak atau bungkusan tersebut mereka tidak lagi dapat melihat dari mana asal produk (biasanya berlaku pada produk seperti jam). Mereka juga menghantar barangan secara berasingan dan dipasang siap di England (metode yang biasa berlaku bagi piano dan basikal). Mereka juga meletakkan tanda cop negara asal di tempat yang sukar dilihat atau dengan kata lain mustahil untuk dilihat langsung.<sup>7</sup>

Kesemua perbincangan di atas menunjukkan bahawa betapa ceteknya pengetahuan penyokong kuat perjanjian TRIPS di sepanjang sejarah kepentingan IPRs yang dikatakan dapat membantu pembangunan ekonomi. Sebagai contoh, Amerika Syarikat telah menggunakan Pusat Undang-Undang Kebangsaan bagi Kebebasan Perdagangan Antara Amerika (1997) dengan menunjukkan bahawa perlindungan harta intelektual merupakan satu instrumen untuk pembangunan ekonomi, peningkatan eksport, dan penyebaran teknologi baru, sastera, dan budaya.

Fakta sejarah pula menunjukkan perkara sebaliknya dan pengakuan sedemikian sangat tidak tepat kerana pada tempoh awal pembangunan perindustrian di negara-negara maju kini, IPRs tidak dihormati langsung. Berbanding dengan negara membangun terdahulu, negara membangun masa kini berkelakuan lebih baik dari banyak segi. Adalah tidak adil untuk menghukum, melihat dan mengukur negara membangun masa kini dari kaca mata piawaian yang tidak pernah pun diguna pakai di negara maju ketika mereka sedang membangun.

### **HAK HARTA INTELEKTUAL PERSENDIRIAN (PIPRS)**

Perjanjian PIPRs menawarkan hadiah insentif berbentuk kewangan bagi orang persendirian yang membuat ciptaan terbaru. Walau bagaimanapun, jika diperhatikan, individu akan sentiasa mencari ilmu, cara, dan jalan untuk kebaikan dirinya sendiri dan mereka tidak memerlukan insentif kewangan untuk tujuan itu. UNDP (1999) menyebut beberapa contoh yang memperlihatkan bahawa akses bebas digalakkan bukannya disekat dan dikongkong untuk generasi baru menimba ilmu dalam pelbagai bidang contohnya perisian komputer berdasarkan Internet.

Paling utama, tanpa paten, pencipta boleh menikmati perlindungan secara mekanisme 'semula jadi' dan dengan itu boleh sahaja mendapat keuntungan kewangan. Ketidakterkesan sistem paten boleh dilihat dari sudut sejarah aktiviti inovasi yang berlaku di Switzerland dan juga di Belanda. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa pada masa kedua-dua negara berada dalam suasana tanpa undang-undang paten, mereka ketinggalan dari segi pembangunan teknologi dan inovasi (Schiff 1971). Schiff juga berhujah mengatakan bahawa tiada bukti yang mengatakan bahawa ketiadaan sistem paten merupakan halangan untuk mendapatkan pelaburan asing (FDI).

Negara-negara maju dan WTO menyokong penuh bahawa PIPRs merupakan satu jalan untuk memberitahu dunia mengenai ciptaan dan ilmu baru. Persoalan seterusnya, adakah PIPRs merupakan satu jalan untuk memberitahu tentang penemuan sesuatu ilmu? Pandangan ini menerima kritikan yang hebat kerana jika seseorang pencipta tidak mengumumkan ciptaannya kepada mata umum dan dunia amnya, masyarakat tidak akan menderita akibatnya. Perlu diingat juga pada masa yang sama terdapat beberapa idea yang hampir sama dibangunkan di beberapa tempat lain di dunia ini. Seterusnya adalah tidak praktikal untuk menyimpan sesuatu ciptaan daripada diketahui umum dalam jangka masa yang lama kerana idea dan ciptaan itu perlu dibaiki, ditambah dan seterusnya digunakan orang lain sebagai 'reverse engineering' walaupun terdapatnya elemen peniruan di situ. PIPRs hanya menggalakkan kekangan dan dominan negara-negara maju bagi mendapatkan keuntungan, misalnya bagi ubat AIDS (AZT) dan juga kanser (Taxol) yang dikawal oleh kedua-dua firma farmasi dari Britain, Glaxo, dan Bristol-Myers Squibb (Palast 2000).

### **EVOLUSI PERJANJIAN TRIPS**

Isu TRIPs telah dimasukkan ke dalam agenda WTO atas dua alasan (Shell 1998 dan Patel 1989). Pertama, ia merupakan satu reaksi daripada negara-negara maju, terutamanya Amerika Syarikat, bagi menentang kehendak kumpulan G77 negara-negara membangun yang meminta satu reformasi kepada sistem IPRs antarabangsa melalui WIPO (*World Intellectual Property Organisation*) pada tahun 1970-an dan awal 1980-an. Pada waktu itu, negara-negara membangun membuat tekanan supaya diadakan Peraturan Ekonomi Antarabangsa Baru (NIEO—*New International Economic Order*) dan menggesa supaya dipercepat pemindahan teknologi daripada negara-negara maju melalui reformasi rejim IPRs. Paling kontroversi ialah gesaan dan tekanan supaya dibenarkan wajib lesen secara eksklusif (iaitu bilangan pemegang lesen ialah kerajaan), mengurangkan bayaran yuran perlesenan bagi negara-negara membangun, memanjangkan 'hak keutamaan' bagi pencipta dari negara membangun, serta membenarkan negara-negara membangun membatalkan lesen sebelum dianugerahkan taraf lesen wajib, serta melonggarkan syarat pembatalan lesen (Shell 1998: 120-3). Harapan negara G77

tidak tercapai apabila permintaan tersebut membuatkan pemegang lesen daripada negara-negara maju berkempen menentang sekerasnya permintaan ini.

Keduanya, kerana penurunan kuasa ekonomi dan politik Amerika Syarikat dan pada masa yang sama para pengeluar barangan Amerika Syarikat terpaksa bersaing hebat di peringkat domestik dan luar negara, maka wujud satu bentuk aliran perasaan kebencian terhadap ‘pencuri’ PIPRs Amerika Syarikat. Menyingkap kembali perasaan ini, mahkamah Amerika Syarikat mula menyebelahi pemegang paten dengan sewenangnyanya. Pada awal tahun 1980-an, terutamanya pada zaman hakim Mahkamah Tinggi Black/ Douglas (1946-65), mahkamah Amerika Syarikat agak longgar dalam menguatkuasakan hak pemegang paten, tetapi pada sekitar tahun 1982-83, mereka mula menganugerahkan bayaran kerugian yang tinggi kerana melanggar peraturan paten dan lain-lain PIPRs. Walau bagaimanapun, paling utama ialah kesedaran Amerika Syarikat bahawa taktik ugutan perdagangan merupakan satu cara untuk menguatkuasakan PIPRs bagi pihak firma-firma Amerika Syarikat dengan rakan pedagang yang lain.

Pada lewat 1970-an dan awal 1980-an, Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR—*United States Trade Representative*) mula meletakkan tekanan dengan menggunakan perbincangan perdagangan dua hala terhadap negara-negara seperti Hungary, Korea, Mexico, Singapura, dan Taiwan supaya membaiki rejim IPRs domestik. Pindaan Undang-Undang Perdagangan yang memasukkan Seksyen ‘Super 301’ yang terkenal pada tahun 1984 dan 1988 menjadikan IPRs satu elemen utama bagi USTR.

## **KUASA BERSTRUKTUR AMERIKA SYARIKAT DAN TRIPS**

Dalam tempoh selepas tamatnya perang dunia, polisi perdagangan Amerika Syarikat lebih berpusat kepada penggubalan, pembinaan, dan penjolakkan ke arah rejim perdagangan liberal. Walaupun kesemua aspek rejim liberal tidak pernah diambil kira dalam hubungan dagangan antarabangsa, Amerika Syarikat telah mempelopori ideologi liberal. Dengan penurunan kuasa ekonomi dan politik Amerika Syarikat dan pada masa yang sama para pengeluar barangan Amerika Syarikat terpaksa bersaing hebat di peringkat domestik dan luar negara, Amerika Syarikat mula membina formula yang sempit untuk mengawal kebajikan negaranya dan pada masa sama mengejar matlamat unilateral ataupun bilateral (Patrick 2000). Atas dasar ini, Goldstein (1986) berhujah bahawa walaupun adanya peningkatan minat Amerika Syarikat untuk mengurangkan kekangan perlindungan bagi kepentingan nasional, tiada bukti empirikal yang boleh menyokong hujahan tersebut.<sup>8</sup> Dengan kata lain, jika kita melihat trend perdagangan dari tahun 1980-an, adalah tidak sukar untuk mengenal pasti polisi perdagangan yang menjurus kepada kekangan kepentingan dalaman dengan menggunakan satu tangan pada multilateral dan satu tangan lagi menggunakan strategi bilateral.

Dengan defisit dagangan yang semakin meruncing, Amerika Syarikat akhirnya mula menekan dan meminta sekatan menyeluruh (*comprehensive sanctions*) terhadap amalan dagangan tidak adil daripada negara asing dan meluluskan Akta Perdagangan 1974 yang mengandungi “Seksyen 301” yang paling terkenal. Dalam tempoh 1980-an, gerakan kekangan perlindungan menyebabkan lahirnya Akta Perdagangan Omnibus dan Persaingan 1988, yang turut mengandungi “Super 301”, dan “Special 301”, dan “Telecommunications 301.” Ini akhirnya bertukar menjadi Akta Perjanjian Pusingan Uruguay 1994, selain diguna pakai bagi legislasi domestik Amerika Syarikat, secara terang pula menunjukkan Amerika Syarikat telah menggunakan segala perbincangan Pusingan Uruguay (Park 1999) untuk mengekang negara lain juga.

Bermula dari situ, kerajaan Amerika Syarikat sentiasa menggunakan sepenuhnya Artikel 301 dalam prosedur penyelesaian pertikaian WTO untuk memaksimumkan kepentingan negaranya. Ukuran perdagangan sehalu (unilateral) bercanggah dengan tujuan ini dan ia juga bertentangan dengan norma pembentukan WTO dan sistem resolusi penyelesaian pertikaian WTO. Bersabit ini, Noland (2000) bagaimanapun berhujah bahawa pembentukan WTO dan termaktubnya prosedur sistem resolusi penyelesaian pertikaian ada baiknya kerana ini secara tidak langsung telah menyekat

dan mengekang tindakan Amerika sendiri yang tidak lagi dapat menggunakan strategi unilateral bagi menjaga kepentingannya. Tambah beliau lagi, walaupun undang-undang domestik Amerika Syarikat mengekalkan beberapa cara mengawal kepentingan perdagangan seperti Seksyen 301, Special 301, dan sebagainya, penggunaan strategi unilateral tentunya akan memakan dirinya sendiri kerana bertentangan dengan sistem yang dibinanya di WTO.

Walau bagaimanapun, berbanding dengan hujahan Noland, adalah tidak begitu sukar untuk melihat bagaimana Artikel 301, yang membolehkan Amerika Syarikat mengenakan sekatan keras secara unilateral terhadap mana-mana rakan pedagang, dan merupakan alat yang amat berguna, sentiasa meletakkan Amerika Syarikat di tempat yang menguntungkan dalam rundingan perdagangan dua hala. Amerika Syarikat sentiasa bergantung pada badan penyelesaian pertikaian WTO lebih daripada mana-mana negara sejak ia ditubuhkan pada tahun 1995. Grinols (1999) menunjukkan bahawa Amerika Syarikat ialah pengguna paling besar proses penyelesaian pertikaian WTO.

TRIPS, sebagaimana juga mana-mana Perjanjian WTO, merupakan satu kerangka perundangan, jadi perincian '*modus operandi*' nya hanya boleh diketahui melalui peningkatan kes yang dibicarakan. Sesungguhnya, dalam era WTO kini, Amerika Syarikat secara keseluruhannya, terlibat dalam 77.3 peratus kes WTO yang berjaya diselesaikan (Zanuddin 2005). Semenjak kerajaan Amerika Syarikat menghidupkan kembali undang-undang perdagangan 'Super 301' pada 26 Januari 1999 adalah dijangkakan bahawa Amerika Syarikat akan memperhebat tekanan pada negara-negara membangun bersabit TRIPS.

## KESIMPULAN

Masalah TRIPS bukan sahaja ia tidak membawa banyak faedah kepada negara-negara membangun tetapi juga telah menambah beban kewangan mereka. Pertamanya, kesan TRIPS paling utama yang dirasakan adalah impak antarabangsa secara terus-menerus terhadap keperluan peningkatan pembayaran 'royalti' yang nampaknya amat tinggi ditambah dengan kesan tukaran wang asing.

Keduanya, apabila semakin kuat perlindungan pada PIPRs secara domestik di negara membangun akibat keperluan mematuhi kehendak TRIPS, maka secara tidak langsung akan wujud penentuan harga monopoli serta sikap mengekang syarikat-syarikat transnasional antarabangsa (TNCs)—contohnya boleh dilihat pada sikap pengeluar hasil pertanian (agro) dan perubatan (pharmaceutical). Dengan kelemahan penguatkuasaan di negara membangun dan sebahagiannya pula tiada 'anti-trust law' maka adalah mustahil bagi mereka untuk mengawal sikap monopoli syarikat-syarikat transnasional antarabangsa tersebut (Evans 1995).

Ketiganya, soal kos dan sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, ia merupakan satu beban. Kos ini melibatkan perbelanjaan sumber manusia untuk menjalankan rejim IPRs domestik yang canggih. Mengguna pakai Perjanjian TRIPS juga semakin menambah beban kos. Di samping keperluan piawaian, kemahiran teknikal dan perundangan bagi membentuk dan menjalankan rejim domestik IPRs yang diketahui tinggi tetapi juga perlu diingat bahawa setiap pertikaian penyelesaian masalah di peringkat WTO memerlukan penguasaan serta pengetahuan dan kemahiran yang kadangkalanya tidak terdapat di negara membangun.

Keempat, terdapat lagi kos tambahan kerana TRIPS hanya membenarkan penggunaan bahan semula jadi serta proses yang diketahui belum lagi di paten [seperti mikro-organisma, proses biologi, dan sebagainya; (Ghosh, 1999)]. Ini melibatkan isu keadilan kerana banyak negara maju telah pun mendapat hak paten terhadap perkara yang diketahui umum terdapat di negara-negara membangun sahaja dengan hanya kebolehan dan kepakaran mereka untuk 'repackage' produk yang dikenali sebagai 'sistem ilmu tradisional' ke dalam bentuk yang boleh dipaten sedangkan kebolehan tersebut amat terhad bagi negara-negara membangun. Contoh terakhir adalah bagi kes apabila syarikat dari Amerika Syarikat mendapatkan hak paten bagi kunyit serta beras basmati yang memang kita ketahui dari mana datangnya produk ini.

Akhirnya, dengan kewujudan TRIPS, negara-negara membangun secara terang akan menghadapi kesukaran untuk membangunkan kebolehan teknologi. Dengan kesukaran dan ruang lingkup yang semakin sempit untuk mereka belajar, mengolah dan membaiki sudah dihalang, maka proses belajar berinovasi itu sudah disekat sedari awal. Laluan yang sedemikian telah pun dilalui oleh negara-negara maju dan peluang itu tidak lagi diberi kepada negara-negara membangun maka proses memajukan inovasi dan mempertingkatkan teknologi itu semakin sukar dan sempit (Frasman dan King eds. 1984).

Di samping itu, negara-negara maju mengetahui bahawa TRIPS memberi banyak keuntungan kepada mereka kerana secara tidak langsung akan meningkatkan eksport ke negara-negara membangun. Dengan itu, negara-negara membangun akan sentiasa mengimport teknologi dan paten dari negara-negara maju. Dengan itu rejim TRIPS memberi tekanan dari segi bayaran 'royalti' dan akan mewujudkan eksport defisit kerana barangan yang dieksport ke negara maju oleh negara-negara membangun menjadi semakin murah dengan pengurangan kadar tarif WTO serta pertukaran wang asing.

## NOTA

<sup>1</sup> Sebagai contoh, pada tahun 1750-an, John Holker, seorang bekas pembuat kain dan pegawai Jacobite, dari Manchester, telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengeluar Luar dalam kerajaan Perancis. Selain bertugas menasihati para pengeluar Perancis terhadap masalah teknologi, tugas utama beliau sebaliknya merupakan aktiviti 'espionage' industri dan mencuri pekerja mahir berbangsa Britain (Harris 1998: 21).

<sup>2</sup> Menurut Cochran dan Miller (1942), fakta menunjukkan bahawa antara tahun 1820 dan 1830, Amerika Syarikat telah mengeluarkan 535 paten setiap tahun berbanding dengan 145 yang dikeluarkan oleh Britain (perbezaan paten yang diberi antara kedua-duanya adalah amat kecil) namun kelihatan betapa cekapnya sistem paten Amerika Syarikat memberi 'patent' menurut 'per kapita' penduduk berbanding Britain sehingga 1810.

<sup>3</sup> Machlup dan Penrose (1950) telah mendokumenkan pergerakan anti-patent dengan mendalam.

<sup>4</sup> Paris Convention of the International Union for the Protection of Industrial Property.

<sup>5</sup> Amerika Syarikat telah tidak mematuhi sepenuhnya Konvensyen Berne bersabit hak cipta (1886) sehinggalah pada tahun 1988, akhirnya Amerika Syarikat memansuhkan keperluan hak cipta penerbitan buku mesti diterbitkan di Amerika Syarikat ataupun di 'typeset' menggunakan 'plates' Amerika Syarikat (Sokoloff dan Khan 2000: 9).

<sup>6</sup> Adalah amat menarik jika diperhatikan bahawa dalam masa Britain mengkritik dan menuduh Jerman melakukan 'espionage' industri dan melanggar undang-undang 'trademark' tetapi juga telah mengeksport barangan menggunakan titik peluh banduan (cuba rujuk pertikaian terbaharu antara Amerika Syarikat dengan China bersabit perkara ini). Di sebaliknya pula, perkara yang sama berlaku apabila Jerman mengadu terhadap ketiadaan undang-undang paten dan juga tindakan 'mencuri' harta intelektual Jerman oleh firma-firma Switzerland, terutamanya dalam industri kimia.

<sup>7</sup> Sebuah firma Jerman yang mengeksport mesin jahit ke Britain, secara sengaja dan tidak jujur meletak tanda halus "Singers" dan "North-British Sewing Machines," di bawah pengayuh mesin jahit yang sepatutnya ditandakan cop "Buatan Jerman." Jika tukang jahit ingin mengetahui dan membaca asal usul mesin jahitnya, maka ini memerlukan sekurang-kurangnya hampir setengah dozen tukang jahit menterbalikkan mesin jahit tersebut untuk membaca cop itu, dan secara rasionalnya tiadalah tukang jahit yang ingin berbuat demikian dan tiada siapalah yang membaca tanda cop tersebut (William 1896: 138).

<sup>8</sup> Dalam bukti ini, Goldstein mengenal pasti 3 faktor: 1) jadual tarif terbukti di paras paling rendah dalam sejarah; 2) Kertas perundangan perdagangan liberal terakhir adalah 'Akta Perdagangan 1979,' diluluskan oleh Kongres yang merupakan perjanjian paling kurang bantahan; 3) Dalam tahun 1980-an, pejabat eksekutif, selain daripada memansuhkan program untuk membantu industri menyesuaikan diri terhadap persaingan import, pada masa sama telah juga menarik balik beberapa bilangan urutan perjanjian pemasaran (Orderly Marketing Agreements—ODA) atas dasar ia mengekang perdagangan (Goldstein 1986: 162)."

## BIBLIOGRAFI

- Bronckers, M. 1994. The impact of TRIPS: Intellectual property protection in developing countries. *Common Market Law Review*. Vol.31, pp.1245-81.
- Bruland, K. (ed.) 1991. *Technology Transfer and Scandinavian Industrialisation*. New York: Berg.
- Cipolla, C. 1993. *Before the Industrialisation Revolution: European Society and Economy, 1000-1700*. 3<sup>rd</sup> Edition. London: Routledge.
- Crafts, N. 2000. Institutional quality and European development before and after the Industrial Revolution. World Bank Summer Research Workshop on Market Institutions, 17-19, July, Washington D.C.: World Bank.
- Cochran, T. and Miller, W. 1942. *The Age of Enterprise: A Social History of Industrial America*. New York: Macmillan.
- Evan, P. 1995. *Embedded Autonomy—States and Industrial Transformation*. Princeton: Princeton University Press.
- Fransman, M. dan King, K. (eds.). 1984. *Technological Capability in the Third World*. London and Basingstoke: Macmillan.
- Ghosh, J. 1999. Rules of international economic integration and human rights. *Human Development Report 2000*: Jawaharlal Nehru University.
- Grinols, E.L. 1999. *Does the WTO Worsen Trade Disputes? Evidence From US Cases*, WTO and World Trade Conference, held simultaneously in Seattle at 5.30pm, 4<sup>th</sup> December, 1999 and Hong Kong at 9.30am, 5<sup>th</sup> December, 1999, University of Washington, USA.
- Goldstein. 1986. The political economy of trade: Institutions of protection. *American Political Science Review*, 80 (1): 161-181.
- Harris, J. 1998. *Industrial Espionage and Technology Transfer: Britain and France in the Eighteenth Century*, Aldershot: Ashgate.
- Harris, J. 1991. Movement of technology between Britain and Europe in the eighteenth century. In Jeremy, D. (ed.). *International Technology Transfer: Europe, Japan and the USA, 1700-1914*. Aldershot: Edward Elgar.
- Harris, J. 1992. *Essays in Industry and Technology in the Eighteenth Century*. Aldershot: Ashgate.
- Kindleberger, C. 1978. Germany's Overtaking of England, 1806 to 1914. *Economic Response: Comparative Studies in Trade, Finance, and Growth*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Landes, D. 1969. *The Unbound Prometheus—Technological Change and Industrial Development in Western Europe From 1750 to the Present*. Cambridge: Cambridge University Press.
- McLeod, C. 1988. *Inventing the Industrial Revolution: The English Patent System, 1660-1800*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Noland, M. 2000. *Understanding World Trade Organisation*. Washington D.C.: Institute for International Economics.
- Palast, G. 2000. Keep taking out tablets (no one else's). *The Observer*. Business Section, p.7, 23 July.
- Park, N. 1999. WTO and telecommunications development in Korea. MA Thesis, Department of Sociology, London: City University.
- Patel, S. 1989. Intellectual Property Rights in the Uruguay Round – A Disaster for the South? *Economic and Political Weekly*. 6<sup>th</sup> May, pp.978-1057.
- Patrick, S. 2000. *Concept Paper for Workshop on Unilateralism, Multilateralism and US Foreign Policy*. New York: Center on International Cooperation of NYU. 28<sup>th</sup> January.
- Penrose, E. 1951. *The Economics of the International Patent System*. Baltimore: The John Hopkins Press.
- Reinert, E. 1995. Competitiveness and its predecessors—a 500-year cross-national perspective. *Structural Change and Economic Dynamics*. Vol.6, pp.23-42.
- Schiff, E. 1971. *Industrialisation Without National Patents—the Netherlands, 1869-1912 and Switzerland 1850-1907*. Princeton: Princeton University Press.

- Shell, S. 1998. *Power and Ideas*. Albany: State University of New York Press.
- Siebeck, W. 1990a. Introduction. In Siebeck, W (ed.) *Strengthening of Intellectual Property Rights in Developing Countries*. Discussion Paper no. 112, Washington D.C.: World Bank.
- Siebeck, W. 1990b. Conclusions and recommendations. In Siebeck, W. (ed.). *Strengthening Intellectual Property Rights in Developing Countries*. Discussion Paper, no.112, Washington D.C.: World Bank.
- Sokoloff, K. and Khan, B.Z. 2000. Intellectual property institutions. In the United States: Early development and comparative perspective. World Bank Summer Research Workshop on Market Institutions. Washington D.C. : World Bank. 17-19 July.
- UNDP (United Nation Development Programme). 1999. *Human Development Report 1999*. New York: Oxford University Press.
- Williams, E. 1896. *Made in Germany*, London: William Heinemann. (The 1973 edition with an introduction by Austen Albu). Brighton: The Harvester Press.
- Zanuddin, H. 2005. Amerika yarikat dan dasar GATT/WTO: Cabaran liberalisasi pasaran telekomunikasi. *Pengajian Media dalam Pelbagai Disiplin*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

# METATHEORETICAL CONSIDERATIONS OF INQUIRY

AMIRA SARIYATI FIRDAUS

## ABSTRACT

This paper looks at the philosophical foundations that give rise to the different perspectives in social inquiry. The metatheoretical tenets of theory, namely ontology, epistemology, and axiology, and their influence upon the dominant perspectives in social inquiry are also discussed. The post-positivist perspective, the interpretivist perspective and the critical perspective are discussed.

**Keywords:** metatheory, ontology, epistemology, axiology, post-positivist, interpretivist, critical perspective

## INTRODUCTION

Communication, being the bane of societal existence, is a phenomenon that is influenced by a multitude of things. Different people have different concepts of communication. For the scholars among them, the many concepts that shape their various understandings of communication stem from their various philosophies regarding the social world. It is from these philosophical bases that their theories on communication are derived. Double (1999) posits that “philosophers construct *theories* (sic.) to answer philosophical questions.” In order to understand the many (and sometimes, seemingly conflicting) theories that scholars have about communication, it is important to understand how their philosophies on the social world are shaped. Miller (2002) neatly categorizes philosophical foundations into three metatheoretical considerations, namely epistemology, ontology, and axiology. These philosophical concepts are fundamental to theorizing because:

(They address) such questions as what should be observed, how observation should take place, and what form theory should take.

(Littlejohn 1992: 29)

Miller’s well structured explanation of theories, or “theory about theory” (p.23), is the foundation needed to understand the various perspectives that scholars have in theorizing communication. Metatheoretical considerations allow scholars to build perspectives or schools-of-thought which in turn provide useful classifications of theories. For the student, these classifications are helpful guides in learning about the field of communication. For the scholar, perspectives provide support for theorizing communication.

This paper will deal with the aforementioned philosophical concepts and resulting theoretical perspectives.

## METATHEORETICAL ASSUMPTIONS

Like Miller, Cragan & Shields (1998) agree that “every communication theory possesses...three types of assumptions: ontological, epistemological and axiological” (Cragan & Shields 1998: 14) . Although discussed separately by Miller, she stresses throughout her work that these metatheoretical

assumptions cannot be separated when discussing communication theories because they are mutually influential and intertwined. This writer agrees, and a discussion of their fusion will come later in this essay after a separate look at each three consideration.

## Epistemology

The first metatheoretical concept mentioned, epistemology, deals with knowledge. Cragan and Shields (1998) explains the concept as pondering “how we know what we know” (p.14), that is, where does knowledge come from?

The knowledge recorded in books, on audiotapes, on film, and even in our heads all come from *somewhere*. Determining where that *somewhere* is are the essence of various epistemological stances. Fuziah (2002) observes that a continuum of stances exists. At the extreme ends are the *objectivist stance* and the *subjectivist stance* (Miller 2002).

Miller posits that *objectivists* view knowledge about the social world as something that can be understood and explained. In their quest to understand and explain the social world, they are constantly seeking recurring patterns (regularities) and causal relationships among phenomena. To ensure the purity of knowledge, a community of like-minded (objectivist) scholars must provide checks-and-balances against the possibility of a theory being influenced by a scholar’s perceptions or experiences. This epistemological stance has much to do with the concept of knowledge in the physical world where everything can be observed and empirically verified. In theorizing communication, the objectivist scholar will consider as data only knowledge that can be experienced with the senses or explained rationally or analytically.

Miller further explains that the subjectivist scholar on the other hand, eschews the notion that the social world can be compared to the physical world. The non-humanistic methods of deriving knowledge in the physical world is inapplicable to the social world precisely because the social world and its attending concepts and phenomena are all influenced by humans who have and are influenced by perceptions and experiences. In seeking knowledge, one cannot make a distinction between the knowledge seeker and what he seeks because how he goes about seeking that knowledge and even why he chooses to seek that knowledge have important implications on what he finds and terms as knowledge (Miller 2002: 28) In theorizing communication, the subjectivist scholar will refrain from rigid definitions. Immeasurable concepts such as feelings, values, perceptions and the like cannot be discounted in the search for knowledge about social world phenomena.

While the objectivist and subjectivist epistemological stances hold opposing notions of where our knowledge of the social world ought to come from, a *relativist* approach to answering epistemological questions is also possible (Fuziah 2002). The relativist sees knowledge about our social world as emerging from both empirical and intuitive sources. What humans learn through being able to experience things with the five senses and what we learn from introspection, as well as the perceptions and feelings that we have are all part of knowledge. Simply said, the relativist approach to epistemology marries the subjectivist and objectivist stances. It is a holistic approach to communication that takes both views into consideration. While the French scholar, Auguste Comte may have come up with three levels of knowledge, placing theological knowledge at the very bottom of the hierarchy and rendering it fictitious but placing scientific knowledge at the very top calling it a positive and sure thing (Miller 2002: 33), the relativist would find both extremes as valid and acceptable sources of knowledge when theorizing communication and other social phenomena. Knowledge may come to us from a higher being, from introspection or it may also come to us in the form of scientific discovery.

## Ontology

The second metatheoretical aspect considered in theorizing communication is the study of our social reality, namely ontology. Littlejohn (1992) explains that “ontological issues in the study of

communication deal with the nature of human social interaction” (Littlejohn 1992: 32) In theorizing communication, “ontological considerations” delve into the nature of society’s reality; the “entities that populate the world” (Miller 2002: 24), be they living beings, ideas or events, and the social structures that people live with. Communication theories, regardless of their perspectives, will always address phenomena in the social world.

Defining the social world and its entities however, is a controversial matter. Ontology involves questions about whether the structures of this social world that we live in are concrete almost physical, or if they are simply creations of our minds.

Like the epistemological continuum, ontological stances vary from a *realist* position to a *nominalist* position (Miller 2002: 24) The realist scholar sees the social world as having real, immutable structures that are akin to the physical reality of the physical world. The social structures that govern human lives truly exist and are real. Interpersonal relationships, socio-economic classes, and bureaucratic hierarchy are as real as trees, buildings, and air. Because of the concreteness of the social world, it is imperative that principles of physical science be applied to the study of human communication. In theorizing communication, these scholars search for “universal laws”, patterns, and “causal relationships” (Miller 2002: passim).

At the other end of the continuum are the nominalist scholars who do not see social entities as real and hard physical facts. Rather, social structures are nothing but concepts that humans invent and are “external to individual cognition”. (Miller 2002: 24). All attending entities in the social world are essentially nonexistent save for the names and labels that humans create. This writer, however, finds this position difficult to digest due to the fact that social entities have such profound physical effects on humans that it seems quite impossible that they can be nonexistent or not real.

This writer finds that a more acceptable ontological position would be that of the “*social constructionist*” as proposed by Berger & Luckmann. (1967). In *The social construction of reality* (Berger & Luckmann 1967: 19-20) they explain their ontology:

The world of everyday life is not only taken for granted as reality by the ordinary members of society... It is a world that originates in their thoughts and actions, and is maintained as real by these (thoughts and actions).

(pps. 19-20)

The social constructionist agrees that humans create concepts of the social world, and bestow names and labels upon them, but their adherence to these creative structures in living their lives makes the social world a real world, as real as the physical world. In studying social phenomena, the social constructionist scholar sees “social reality” as being “created through communicative interaction” (Miller 2002: 24). Subjective factors in human communication are taken into consideration even when pondering its more objective elements.

## **Axiology**

A third metatheoretical consideration in theorizing communication deals with questions of values (Fuziah 2002). In following the continuum format used earlier, the objectivist and subjectivist positions on values in inquiry are, respectively, that social world scholarship should be free of values (objectivist), and that values should guide social scholarship (subjectivist). The middle line of thought is that even if so wished, it is impossible to separate values from scholarship.

Miller explains that George Howard (1985) categorized values as epistemic and nonepistemic. Epistemic values provide guidelines for scholarship by assessing the strengths and weaknesses of theories (Miller 2002: 28). They help to ascertain a theory’s reliability, validity, heuristicity and so forth. This writer would contend that epistemic values are quantifiable while nonepistemic values on the other hand are vague and inquantifiable in that they are very human centered, involving emotions,

ethics, morals, spirituality and the like. Having distinguished one from the other, Howard posits that one should not allow nonepistemic values to influence scholarship (Miller 2002: 28). Scientific method must be strictly adhered to in order to guard against scholarship being contaminated by them. The researcher must always strive to separate himself from his research and to put aside all nonepistemic values in order to attain the goals of value-free inquiry.

At the opposite end of the axiological continuum, are scholars who believe that nonepistemic values *must* be included in social scholarship. These values should not only determine the 'what' and the 'how' of theorizing, they must also provide a guideline in making suggestions to change society for the better. Nonepistemic values in this case, is inherent to scholarship (Miller 2002: 28-29).

A form of middle axiological position contends that because values are so imbedded in human thought and action, it is impossible for inquiry to be free from the influences of human nonepistemic values. As Miller (2002) words it:

Values ... (are) lenses through which we view the world, and these lenses (are impossible to eliminate) in any portion of the scholarly process.

(p.28)

Following the same line of reasoning as that of the subjective epistemological stance, the middle axiological road contends that nonepistemic values are so imbedded in human perceptions that striving for value-free scholarship is useless. The values intrinsic to each scholar will influence not only how findings are recorded, interpreted and presented but even their field of research and what they look out for when collecting data.

Miller (2002) contends that the scholar who rejects values objectively observes the social phenomena through a glass window. The scholar who uses values not only as a guide but also as a goal theorizes with a passion and fervor to end human woes. The scholar who contends himself with the eclectic existence of values in himself and his subjects readily accepts that all these values influence his theorizing (Miller 2002).

## **METATHEORETICAL FUSION**

Having looked at the three underlying metatheoretical considerations of theorizing communication separately, it must be stressed that the seemingly parallel concepts of epistemology, ontology and axiology are actually one.

Epistemology, being the study of where knowledge comes from has everything to do with ontological assumptions of what is real. A fine illustration can be found in religious beliefs and values. An ontological assumption that there exists a higher being that transcends our sensory capabilities would allow for theological sources of knowledge. Without such ontological foundations, epistemological assumptions that knowledge could be attained through divine revelation would prove illogical. The same ontological assumption gives credence to an axiological position of morality based on a set of spiritual rules that a corresponding epistemological stance presents as divine knowledge. Holding on to those very same axiological positions would be senseless without the attending ontological and epistemological assumptions. And thus these supersensory metatheoretical considerations are interwoven concepts that cannot stand separately.

Similarly, more empirically based metatheoretical stances support one another in constructing our social world. A very objective, analytical and sensory based epistemology that sees only verifiable facts as knowledge gives rise to a realist ontology that sees the social world as consisting of observable entities. An axiological stance favoring epistemic over nonepistemic values may be important to such an epistemological position that would have no method of quantifying morals, experiences and emotions.

## THE RISE OF PERSPECTIVES

Having discussed the three metatheoretical considerations however, a dilemma arises. How is one to come up with a theory about society when the very being or reality of society is a hot debate (questions of ontology)? How is one to develop knowledge without knowing for sure its roots (questions of epistemology)? And how is one to choose between good and bad, when it cannot be ascertained whether values ought to be clung to or discarded? Furthermore, how does one dissect and discuss communication when what it exactly is cannot be agreed upon? Neuliep (1996) quotes several leading communication scholars when stating that over 100 different definitions of communication exists.

The interrelated nature of epistemology, ontology and axiology combined with the various differing conceptualizations of the phenomena called communication, makes theorizing a complicated endeavour. To make more sense of communication theories, systems of classifications of metatheories and communication concepts are used. More precisely, the various metatheoretical positions and meanings of communication evolved (and are still evolving) into systems of classifications (Miller 2002).

Yet, even such systems are neither universal nor uniform. Mcquail (1987) “described” different kinds of communication theories as being “social scientific” theories, “normative” theories, “working” theories and “common-sense” theories (Baran & Davis 1995: 27). Littlejohn (1992) classifies communication theories into “structural and functional theories”, “cognitive and behavioral theories”, “interactional and conventional theories”, “interpretive theories”, and “critical theories” (p.13). Neuliep (1996) categorized communication theories as “general / metatheory (*sic.*)”, “topical”, “contextual” and “humanistic”. (p.44) Cragan & Shields (1998) formats communication theories into headings of “general theories”, “contextual theories”, and “microtheories” (p.10).

Other communication scholars, likewise, subscribe to different systems of theory classifications. Following in this paper’s tradition of focusing on Miller’s work, the next few paragraphs will touch on her system of theory classification.

Miller (2002) explains that different metatheoretical stances lead to very different perspectives in theorizing communication. Miller discusses the post-positivist, interpretive and critical perspectives.

### The Post-Positivist Perspective

Miller (2002) contends that communication (and social sciences) being a rather new field of inquiry in the early 20<sup>th</sup> century, had little to refer to. Guidance came in the form of the established field of physical science which placed great emphasis on scientific method in creating and testing theories. Kerlinger (1986) described it as “a systematic, controlled, empirical, and critical investigation of hypothetical propositions about the presumed relations among observed phenomena” (Wimmer & Dominick 1994: 7) Scientific method placed importance on searching for constancy and causal associations of phenomena, and emphasized generalizations and universal explanations of the world. Early scholars of communication adopted this scientific method and applied scientific principles to their study of the social world.

The post-positivist perspective illustrates how epistemology, ontology and axiology are interrelated. It is these complimentary metatheoretical stances that gives rise to post-positivism.

A post-positivist ontology views the social world as real and objectifiable. This allows for an epistemological position that knowledge is “out there” waiting to be discovered (Littlejohn 1992: 12). To find knowledge, scholars must “search for regularities and causal relationships among (entities in the social world)” (Miller 2002: 36). In a cyclic explanation, this search is possible precisely because those “regularities and causal relationships” truly exist and are indeed out there to be found.

Accompanying such ontological and epistemological stances is an axiological goal of value-free inquiry. In observing and quantifying the social world, post-positivists strive to be as objective as possible, while accepting that scholars are human and therefore the possibility exists that bias and personal values may influence their work. Karl Popper (1962) proposes that a community of scholars cooperate in studying one another's works to protect the neutrality of scholarship from being compromised (Miller 2002: 43).

Such an axiological position emerged because of an epistemological stance that places great value on universal explanations of phenomena. In order to achieve such explanations, methods of discovery and analysis must be consistent among different researchers. If they are not, steps must be undertaken to minimize any possible differences. Hence an axiological goal of value-free inquiry that recognizes the fallibilities of human scholars and strives to rectify them is needed (Miller 2002).

In the fashion of studying the physical science, in theorizing communication post-positivists aim to discover and explain human interaction, to predict social relationships and to control social phenomena (Miller 2002).

### **The Interpretivist Perspective**

As opposed to the post-positivist outlook on the social world, the interpretivist scholar holds that because reality is subjective, knowledge about the social world does not lie around in wait of discovery.

The combination of ontological, epistemological and axiological assumptions that give rise to interpretivist perspectives is inseparable. Miller (2002) contends that discussing them as individual concepts would be "artificial".(p.52) However, a discussion of complimenting and supporting metatheoretical assumptions is still needed in explaining this perspective.

A subjectivist epistemological position held by interpretivists is that there do not exist universal and causal explanations of social phenomena. What is epistemologically important is to understand phenomena as it is comprehended by different realities. One may ontologically and axiologically subscribe this to the different perceptions that individuals have about reality (Littlejohn 2002: 12) and the different experiences that shape those realities and their attending values.

To best explain interpretivist realities, a social constructionist ontological position can be used. Different individuals and different societies construct their own social worlds because each different person and each different society sees the world through different lenses. This results in "multiple realities, none of which can be seen as more true or false than the other" (Miller 2002: 52). To understand any reality, "the mental and social processes that are continually constructing that reality" (p.52) must be treated with thorough consideration. These processes are mutually influenced by the experiences and the values held by different individuals and societies.

In hand with its subjective epistemology and social constructionist ontology, the interpretivist perspective holds a value-laden axiological view of scholarship. As explained above, the different realities held and how those realities are understood are influenced by values inherent to the individuals and societies under study, and also to the researcher himself.

The close relationship among the metatheoretical assumptions of the interpretivist perspective illustrates how this perspective would be impossible without the underlying epistemological, ontological and axiological considerations.

### **The Critical Perspective**

Miller (2002) explains that a third perspective, the critical perspective, does not find it enough to merely offer explanations and representations of the social world and ending scholarship at the discussion stage. Moving beyond the "representational" (p.60) plane, critical scholars strive to rectify imbalance in societal and individual human interaction for the betterment of the unfortunate. In theorizing communication, reform of the social world is their ultimate goal.

Jurgen Habermas (1971) termed the critical scholar's epistemological stance as having "critical-emancipatory cognitive interests" (Miller 2002: 67) where critical analysis of the social world is imperative in order to identify social imbalance favoring one dominant group of people over another weaker group. Once this societal order is identified, scholars must act as agents of emancipation, creating a new, more balanced social order.

The above epistemological outlook can only be possible with an axiology that emphasizes (nonepistemic) values. Without a strong notion of right and wrong, injustices of the social world cannot be possibly identified. Subsequently, without an ingrained obligation to help the underdogs, one will not have the passion and determination needed to become a social activist, which, pragmatically, is a vital part of being a critical scholar.

In theorizing communication in the critical fashion, a realist based ontology is imperative because it provides the foundation for analyses. In order to seek out the wrongs of the social world the critical scholar must first believe that social injustices truly exist, and in order to maintain the drive to want to rectify them, he must believe that his efforts will have a real impact upon individuals and the society they live in.

Thus in the critical perspective, epistemology, ontology and axiology are inextricably linked.

## **INQUIRY IN AN IDEAL SOCIAL WORLD**

Fuziah (2002) loosely places Miller's perspectives in a continuum; the post-positivist perspective as being quite objective and scientific, the interpretive perspective as being rather subjective, and the critical perspective as a somewhat misfitting middle view. This writer finds that all the earlier mentioned perspectives possess merits and flaws in their role as foundations for theorizing communication. The post-positivist perspective, while providing a systematic and methodological way of pondering social phenomena, places too much emphasis on attaining its goal of value-free inquiry. Such an emphasis may be pertinent in studying the physical world, but is somewhat misleading when applied to the social world which is made up of humans and their interactions which are very subjective, unquantifiable and very much influenced by individual and societal values. To be fair, however, it must be acknowledged that without the post-positivist perspective, later developments of perspectives might not have been possible, for they grew out of a dissatisfaction with the overly empirical nature of post-positivism. At the same time, the scientific method is a useful guide for observing, recording and representing of social phenomena.

The interpretivist perspective, being more humanistic, provides a more relevant foundation in pondering the social world. In accepting the notion of multiple realities, interpretivists are not constrained in their observations of social phenomena, and are able to allow inconsistencies in human interaction. However, in eschewing the plausibilities of causal relationships and generalizations, confusion may arise from the countless possibilities and combinations of human interaction. While every human is an individual and every society unique, there must be acknowledgement of certain common traits in all human beings and communities.

The critical perspective holds very noble aims in reforming society. Indeed, there are many wrongs that do need to be righted, but not all social hierarchies are oppressive and need to be reformed. That is, there are many theorizing instances when one does not need to go beyond the representational stage of inquiry. The route to social balance proposed by the critical scholar is also subject to question. In the next paragraph, this writer will suggest a different path.

It may seem that this writer refuses to either subscribe to nor eschew any school-of-thought in theorizing communication, however, the seemingly sitting-on-the-fence stance held is actually a partial acceptance of all the aforementioned perspectives. This writer believes that an ideal social world is one where individuals and societies hold cooperative relationships but are self-sufficient and independent. Therefore, following in the critical perspective's tradition, scholars who study the social

world (thus presumably know more about it than the rest of the human race does) must take the lead in rebuilding the social world so as to reach such an ideal state. In doing so, gradual and local influence on human interaction would be the method to change society. Radical reform that upsets order and balance and leads to chaos, however temporary it may be, is unacceptable to this writer. That being said, it must also be pointed out that the act of influencing and changing human interaction should only be done when the best of individuals and societies have yet to surface. At the same time, an interpretivist acceptance of multiple realities is imperative as this writer believes that different societies and communities hold dear different values, have gone through different experiences and thus have different perceptions of the social world. Different societies function differently, which is why self-sufficiency and independence is essential in the ideal social world. The post-positivist perspective would also be contributory with its systematic scientific method of observing phenomena. Generalizations of certain social phenomena would be useful for assessing progress in reaching the ideal social world. While other perspectives also lay claim to systematic inquiry, the scientific method with its strictness of variable definitions and boundary delineations can provide uniformity in observations of contrasting and diverse phenomena.

## CONCLUSION

For both the student and the scholar, understanding of metatheoretical concepts and the perspectives that arise from them is essential in theorizing about the social world. Philosophical tenets are the foundations of any kind of inquiry, but especially so of human communication. The metatheoretical considerations and perspectives outlined in this essay are but one view of countless philosophical foundations to inquiry and scholarship. For any kind of achievement in pondering the phenomenon called communication, the student and the scholar must prepare for himself a solid philosophical foundation and a distinct purpose.

## REFERENCES

- Baran, S.J. & Davis, D.K. 1995. *Mass Communication Theory: Foundations, Ferment and Future*. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Berger, P.L. & Luckmann, T. 1967. *The Social Construction of Reality*. New York: Anchor Books.
- Campbell, W.G., Ballou, S.V. & Slade, C. 1990. *Form and Style*. 8<sup>th</sup> ed. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Centre for Graduate Studies. 2002. *Gaya UKM*. 7<sup>th</sup> ed. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cragan, J.F. & Shields, D.C. 1998. *Understanding Communication Theory: The Communicative Forces for Human Action*. Boston: Allyn and Bacon.
- Fuziah Kartini Hassan Basri. 2002. Introduction to Communication Theory. Undergraduate class. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, June—August.
- Miller, K. 2002. *Communication Theories: Perspectives, Processes and Contexts*. Boston: McGraw-Hill Higher Education.
- Neuliep, J.W. 1996. *Human Communication Theory: Applications and Case Studies*. Boston: Allyn and Bacon.
- Littlejohn, S.W. 1992. *Theories of Human Communication*. 4<sup>th</sup> ed. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
- Wimmer, R.D. & Dominick, J.R. 1994. *Mass Media Research: An Introduction*. 4<sup>th</sup> ed. Belmont: Westworth Publishing Company.

# NARATIF OGONSHOTO: IBARAT MADU LEWAT SARINGAN

MOHAMAD SALEEH RAHAMAD

## ABSTRACT

Anwar Ridhwan multi-genre novel, *Naratif Ogonsboto* represents a post-modern text with strong political elements. With traditional and modern styles creatively blended, this work demonstrates the author experience and skill in presenting a persuasive reading. This paper attempts to explicate the thoughts and techniques which are developed both cohesively and surreptitiously. Post-colonialisme dimension exploring the power of the center and the marginal is usually ideological in nature. Thus, this analysis is subject to contradicting perceptions viewed from different angles.

**Keywords:** post-modern, post-colonial, ambivalence, magic realism, pastiche, mimicry

## PENDAHULUAN

*Naratif Ogonsboto* (Anwar Ridhwan 2001) muncul sebagai sebuah teks sastra rakyat moden yang dapat berdiri sebagai teks pascamoden multiwacana—pascakolonialiti (walaupun pascakolonialiti juga termasuk dalam kategori pascamoden), tekstualisme baru, dan realisme magis. Tiga unsur yang menjadi pasak teks ini—strukturnya *Sejarah Melayu*, ceritanya bercorak cerita rakyat, dan pemikirannya bersifat *political dimension*—mengeluarkannya daripada kelompok karya yang parokial, jumud, klise, dan *mediocre*. Karya ini berjarak jauh daripada persoalan setempat tetapi tetap mempunyai signifikasinya dalam penerimaan tempatan kerana nilai kesejagatan yang dikemukakannya. Oleh yang demikian, kedudukannya dapat dibariskan dalam jejeran sastra bertaraf dunia.

## KERANCUAN BENTUK DAN MAKNA

Sebagai hasil seni, *Naratif Ogonsboto* juga tidak memberikan makna yang pasti atau bersifat polos, sebaliknya pelbagai tafsiran dapat diberikan lantaran kompleksitinya. *Naratif Ogonsboto* termasuk dalam karya yang kompleks walaupun dikisahkan menurut aturan naratif yang tradisional. Pembaca dipaksa mencari makna yang tersirat di bawah lapisan naratif *ala* cerita rakyat yang tampak mudah ini. Tanggapan dapat disejajarkan pada sebuah cerpen (atau bab?) dalam teks ini, iaitu “Pentafsir”. Anwar seperti watak resi tua dalam cerpen tersebut—kata-katanya sukar ditafsirkan kerana dia hanya mengeluarkan “...kata-kata paling terpilih, bagai madu lewat saringan. Kata-kata terpilih itu pula tidak pernah mempunyai makna tunggal, tetapi membawa makna berlapis-lapis serta perlambangan.” (Anwar Ridhwan 2001: 119)

Makna yang dikandung dalam teks ini bukan sahaja berlapis-lapis dan pelbagai, malahan bentuknya juga bebas daripada konvensionaliti. Kebebasan kreativiti dalam pembinaan teks ini membuka satu dimensi baru dalam persoalan genre. Dalam usaha mengenal pasti genre teks ini, kita berhadapan dengan masalah yang sengaja ditimbulkan oleh pengarang/penerbit di samping coraknya yang merentasi sempadan pelbagai genre. Anwar mengumpulkan manik yang berwarna-warni daripada pelbagai sumber tradisi lalu menggabungkannya dalam adunan wacana moden hingga

menjadikannya sebuah teks sinkretik, iaitu gabungan pelbagai unsur. Adunannya pula begitu mesra sehingga menghilangkan garis sempadan antara sumber tetapi rasa dan aroma sumber yang pelbagai itu masih terkesan. Adunannya menjadi. Dan rasanya tersendiri, “Seperti madu tersaring, bunga tunggalnya tidak dikenal lagi kerana lebah mungkin telah menyunting tujuh jenis bunga dari tujuh taman.” (Anwar Ridhwan 2001: 119)

Kerancuan makna memang gejala teks pascamoden. Dalam sastera pascamoden tiada makna tunggal, dan tiada kebenaran yang mutlak. Kebenaran dan jawapan makna terletak pada tafsiran pembaca menurut situasi dan kondisi yang mengelilinginya. Oleh itu, teks ini dapat ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran. Lebih menyukarkan tafsiran apabila pengarang bermain dengan lambang personal—bilangan hari dalam bab “Mainan”, simbol ikan dan kelapa emas dalam “Pentafsir”, atau iceberg dalam “Aisberg”. Begitupun, kesukaran inilah yang menghidupkan sesebuah karya dalam jangka hayat yang panjang kerana sifatnya yang sentiasa mengundang tafsiran yang polisemi.

Kerancuan genre juga menjadi masalah kajian yang tidak kurang menariknya. Wujud unsur pengaburan genre dalam teks ini sama ada hendak digolongkan sebagai cerpen atau novel, sastera tradisional atau sastera moden. Yang jelas, semua genre itu dapat dilabelkan pada teks ini. Pada bahagian awalan buku ini diterangkan bahawa teks ini merupakan kumpulan cerita pendek dan sebuah daripadanya yang bertajuk “Hering” sudah disiarkan dalam *Devan Sastera*, Ogos 2000. Pengakuan ini sudah cukup untuk mengelompokkannya ke dalam kumpulan cerpen selain kemandirian setiap bab sebagai cerpen yang berasingan. Namun begitu, apabila dibaca bahagian prolog hingga epilognya ternyata bab-bab yang episodik tersebut merupakan kisah yang berangkaian lalu membentuk sebuah novel. Pada bab “Prolog: Kawai Maru”, dijelaskan geografi negara Republik Ogonshoto dari sudut pandangan seorang pelaut dari kapal Kawai Maru yang pernah berlabuh di Ogonshoto. Hal ini samalah dengan fasa awal sastera sejarah (*Sejarah Melayu* atau *Tuhfat al-Nafis*) yang menerangkan asal usul pembukaan negeri dan keturunan raja-rajanya. Kemudian pada bab-bab seterusnya yang bertajuk “Kolonial”, “Jeneral”, “Penyamaran”, “Aisberg”, “Mainan”, “Pentafsir”, “Hering”, “Jari”, “Kamera”, dan “Bahtera”, dikisahkan naratif berkenaan Ogonshoto dan penghuninya daripada segenap strata sosial seolah-olah dalam bentuk cerita lisan. Bentuk cerita lisan tergambar pada bab Prolog itu yang diakhiri pernyataan: “Dan di sepanjang jalanan, dalam gerakan lunak itu, mulut ibu terus bercerita terus kepada anak kecilnya...yang sekarang dewasa sudah, sedang bergelimpangan di petiduran, mendengar naratif-naratif Ogonshoto.” (Anwar Ridhwan 2001: 8) Dalam bahagian Epilog dikatakan: “...Daripada tokoh tambah merekalah naratif-naratif Ogonshoto ini berbentuk dan berisi, punya pangkal dan hujungnya—seperti seekor ikan yang lengkap.” (Anwar Ridhwan 2001: 241) Frasa “seekor ikan yang lengkap” sudah membuktikan penyeluruhan teks ini di bawah satu tajuk atau wacana yang lengkap pula.

Mary Louise Pratt (1981: 182-186) menyatakan perbezaan antara novel dengan cerpen: (i) *The novel tells a life, the short story tells a fragment of a life*; (ii) *The short story deals with a single thing, the novel with many things*, (iii) *The short story is a sample, the novel is the whole hog*, dan (iv) *The novel is a whole text, the short story is not*. Ciri-ciri ini tampak bersilang jika diterapkan pada *Naratif Ogonshoto*. Setiap tajuk kecilnya boleh menjadi cerpen atau “a fragment of life” atau “a single thing” tetapi apabila dirangkaikan boleh pula membentuk sebuah teks novel, “a life” atau “the whole hog”. Sekarang kita berhadapan dengan *Naratif Ogonshoto* yang memungkinkan kedua-dua genre ini. Lalu ke dalam genre apakah teks ini hendak dimasukkan?

Persoalan ini terjawab apabila kita membaca teks *Sejarah Melayu*. Episod-episod yang termuat dalam teks tersebut boleh bersifat mandiri tetapi apabila dibaca secara keseluruhannya maka akan dapat dipegang satu tema yang khusus, sama ada berkenaan dengan permulaan dan kejatuhan kerajaan Melaka mahupun seperti yang dikatakan oleh Lutfi Abas (1995) bahawa tema *Sejarah Melayu* ialah “Raja sesuatu negeri yang datang dari luar biasanya menjadi zalim terhadap penduduk tempatan, tetapi raja yang zalim itu akan jatuh juga akhirnya walaupun penduduk tempatan tetap setia.” Dengan demikian, apa-apa sahaja episod yang dimuatkan dalam *Sejarah Melayu*, walaupun terpisah-pisah,

akhirnya menjurus kepada satu tema yang jitu. Ini samalah halnya dengan *Naratif Ogonshoto*. Tema yang mendasari setiap babnya menjurus kepada pembentukan satu tema bahawa sebuah negara yang diperintah secara zalim oleh seorang raja pastinya akan hancur juga, sama ada oleh tindakan rakyatnya mahupun balasan daripada Tuhan.

Oleh itu, teks ini tidak dapat didakwa genre yang khusus dengan menafikan hak genre lain. Dalam gejala pascamoden, tiada naratif agung yang diraikan. Maknanya tidak ada satu genre yang berhak mengatakan teks ini sebagai miliknya kerana teks ini berada di kedua-dua pihak, atau di pihak yang pelbagai. Bentuk yang serupa juga dapat dilihat pada *Nagogho Astana* dan *Orang Kota Baru* karya S. Othman Kelantan yang menampilkan kehadiran dua genre—cerpen dan novel—dalam sebuah karya.

### **NARATIF OGONSHOTO SEBAGAI TEKS PASCAMODEN**

Dengan membebaskan diri daripada tanggungjawab mempertahankan kebenaran cerita-cerita yang disampaikan secara episodik itu dan meletakkan segalanya kepada pencerita dari Ogonshoto dan orang dari bahtera Ogonshoto, pencerita dari Kali Besar, Noor, memasukkan segala kepercayaan rakyat tempatan tanpa sebarang tapisan realisme. Ini samalah dengan *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang mahupun *The Persian War* oleh Herodotus yang menerima segala-gala maklumat daripada orang yang ditemuinya ketika menulis sejarah Perang Parsi hingga tergelincir ke dalam lopak mitos dan karut. Begitupun, dari segi peristilahan unsur tersebut mendapat nama baru yang lebih menarik iaitu realisme magis.

Bauran pelbagai cerita yang realistik mahupun yang bersifat mitos dalam teks ini dimungkinkan oleh logik cereka terutamanya daripada sifat sastera rakyat dan dilatari halusinasi watak Noor dari Kali Besar. Halusinasi yang dialami oleh Noor dari Kali Besar yang dapat dikesan pada bab terakhir mirip gejala yang dialami oleh Lokman dalam teks realisme magis Melayu, *Hujan Pagi* karya A. Samad Said. Noor dalam *Naratif Ogonshoto* mengalami mimpi atau halusinasi yang panjang sebagai seorang pelaut/nelayan Jepun yang mengikut kapal Kawai Maru. Dalam pelayarannya itulah dia bertemu dengan rakyat Ogonshoto yang terselamat daripada bencana Tsunami yang melanda pulau mereka. Daripada merekalah dia memperoleh pelbagai cerita tentang Ogonshoto dan kezaliman Presidennya hingga membawa kepada bencana Tsunami yang menenggelamkan Pulau Ogonshoto. Tetapi Noor akhirnya tersedar daripada amnesia yang diakibatkan oleh operasi pembedahan yang dijalankannya di Tokyo. Pengarang menggunakan lesen kreatif untuk mewajarkan segalanya yang diceritakan tanpa sebarang tapisan realisme. Yang lebih penting bagi pengarang ialah penyampaian idea, mesej, kritikan, dan sanggahannya terhadap gejala korupsi politik.

Yang lebih menyelamatkannya ialah ketiadaan latar tempat dan latar waktu yang tertentu. Semua yang dikisahkannya dan dikritiknya boleh disejajarkan dengan mana-mana situasi, sejarah, dan politik. Oleh yang demikian, teks ini tidak wajar dibaca dengan pendekatan mimetik atau dengan sudut pandangan lokal sentrik. Anwar telah menyusun sebuah teks yang di dalamnya terangkum unsur yang pelbagai daripada teks-teks lain. Hasil gabungan ciri cerita rakyat dan sastera sejarah daripada sastera tradisional dengan ciri sastera moden, *Naratif Ogonshoto* dapat berdiri sebagai novel beraliran realisme magis ataupun sastera rakyat/historiografi moden. Dikatakan teks ini sebagai historiografi moden kerana kandungannya berlawanan dengan kehendak feudalisme yang mengagungkan raja (presiden). Tanpa tunduk kepada feudalisme, *Naratif Ogonshoto* bebas memaparkan kehodohan tindakan politik Presiden Ogonshoto, apatah lagi watak dan latar tempatnya cuma rekaan.

Dalam pengertian pascamoden, *Naratif Ogonshoto* dapat digolongkan sebagai teks *pastiche*, iaitu karya sastera yang disusun daripada elemen-elemen yang dipinjam daripada pelbagai penulis lain atau daripada penulis tertentu pada masa lalu. *Pastiche* sering disamakan dengan parodi dari segi penggunaan teks-teks lama sebagai sumber untuk digeledah dan dimodifikasi, tetapi perbezaannya ada. Sementara parodi beroperasi dengan cara menggali, mencari, dan menonjolkan perbezaan dengan teks rujukan, *pastiche* pula menurut Linda Hutcheon, beroperasi berdasarkan prinsip

persamaan dan keberkaitan. *Pastiche* mengambil bentuk-bentuk teks atau bahasa estetik daripada pelbagai fragmen sejarah, lalu mengeluarkannya daripada semangat zamannya, dan menempatkannya dalam konteks semangat zamannya (masa kini) (Yasraf Amir Piliang 2003: 187-188). Demikianlah operasi kreativiti Anwar dalam *Naratif Ogonshoto*. Dia mengambil bentuk teks lama sama ada dalam teks sastera sejarah, cerita rakyat, kisah Nabi Nuh, dan sebagainya lalu menempatkan segala-galanya dalam sebuah teks yang bernyawa untuk zaman kini.

Anwar Ridwan memang pakar bercerita sama seperti pakarnya watak penglipur lara Pak Hassan dalam novelnya *Hari-bari Terakbir Seorang Seniman*. Dengan mewarisi kebebasan penglipur lara itu, Anwar hanya berperanan sebagai penyampai cerita dalam penyamaran modennya tanpa menghadirkan peringatan yang didaktis secara *superficial*. Cerita-ceritanya berlangsung seperti yang kononnya berlaku sahaja dan terpulanglah kepada pembaca untuk menangkap maksud yang tersirat di sebalik setiap episod tersebut. Anwar seolah-olah ingin berlepas tangan daripada kritikan yang tersirat dalam *Naratif Ogonshoto* walaupun pada bahagian awal ditegaskan hak cipta miliknya. Sikap kepengarangannya ini samalah dengan sikap yang dipegang oleh Tun Seri Lanang yang menyusun *Sejarah Melayu* apabila dia bersandar pada frasa “kata yang empunya ceritera”, “kata sahibul-hikayat”, “maka tersebutlah”, “al-kisah”, dan sebagainya terutama pada bahagian pra-Melaka yang banyak menyelitkan unsur mitos. Dengan menggunakan frasa sedemikian, Tun Seri Lanang hanya berfungsi sebagai mediator atau penyampai cerita daripada sumber lain, dan dia tidak bertanggungjawab atas cerita tersebut. Begitupun, Tun Seri Lanang masih memelihara adab sebagai penjunjung perintah raja semasa menyusun teks *Sejarah Melayu*. Kritikkannya penuh dengan kiasan dan tegurannya berlapik dengan kesopanan.

Sebaliknya, lantaran tidak memikul tanggungjawab menjalankan perintah raja sebagaimana Tun Seri Lanang yang menulis “supaya menyukakan duli hadirat baginda”, Anwar Ridwan atau watak Noor dari Kali Besar tidak berkias lagi untuk menceritakan keburukan asal usul Presiden Ogonshoto. Bahasanya untuk watak Presiden adalah kasar, sehingga berani melabelkan Presiden (lazimnya watak kultus dalam sastera istana atau sastera feudalistik) sebagai “anak haram”. Kalau raja-raja Melayu dikaitkan dengan mitos Iskandar Zulkarnain, Presiden Ogonshoto pula tidak mempunyai nasab yang sah—dia seorang anak haram dari Malagana, kota maksiat terkenal di Ogonshoto. Semua ini dimungkinkan oleh kedudukan teks ini sebagai sastera rakyat, atau lebih tepat, sastera rakyat moden.

Sebagai sastera rakyat, suara rakyatlah yang dikumandangkan dalam *Naratif Ogonshoto*, bukannya kebesaran Presiden. Oleh itu, yang dipaparkan ialah kesan dan bentuk kezaliman oleh Presiden serta pembesar lainnya dalam usaha mereka mengekalkan kuasa. Dari segi ini, Anwar hanya meminjam struktur sastera sejarah tetapi isinya berupa sastera rakyat. Anwar menghilangkan dikotomi antara dua genre—sastera istana dengan sastera rakyat, dan sastera moden dengan sastera tradisi. Anwar memunculkan suara rakyat yang tertindas dalam memperkatakan keburukan perilaku Presiden, atau dalam istilah pascakolonial memunculkan suara golongan *subaltern*. Ini ada persamaan dengan tekstualisme baru yang menurut Roger Fletcher (1988) disebut sebagai *history from below* yang memberi penekanan pada

*...adopting the perspective of the subordinate classes and 'victims' of history ... its primary concern is with reconstructing the everyday life the common people of the past (microhistory), its use of new sources (especially the technique of oral history), its acceptance of the inevitable subjectivity in all historical representation.*

(Dlm. Noriah Taslim 2004: 41-42)

*Naratif Ogonshoto* mempamerkan gejala teks pascamoden melalui pengambilan dan pembauran sumber tradisi ke dalam/dengan teks moden. Bauran dua unsur—tradisi dan moden—ini merupakan satu daripada ciri pascamoden yang diistilahkan sebagai kod berganda, *double coding*. Yang diutamakan dalam kerangka pascamoden ini ialah memberikan suara kepada golongan terpinggir (dalam konteks ini sastera rakyat dan suara rakyat) di samping menolak sebarang bentuk naratif agung yang selama ini

mendominasi ruang kesejagatan dalam segenap bidang kehidupan. Dalam era pascamoden tiada lagi titik tunggal yang paling berkuasa tetapi semuanya sudah diubah kepada sinkretisme, pluralisme, heteroglosia, dan sebagainya. Dunia tanpa titik pusat ini disebut oleh Michel Foucault (1970: xviii) sebagai “heteretopia”.

Pengambilan kisah-kisah mitos memang menjadi kelaziman dalam sastra tradisional apabila sumber terapung (*floating sources*) yang bersifat *migratory* (boleh bergerak) digunakan dalam teks yang pelbagai. Dalam *Naratif Ogonshoto*, kepercayaan *superstitious* yang berlegar di kalangan masyarakat Melayu, kisah bahtera Nabi Nuh daripada al-Quran, kisah Si Tenggang, ciptaan teropong ajaib dalam novel *Putera Gunung Taban* (Ishak Haji Mohamad) diolah semula dengan gaya yang tersendiri tanpa dipaliti gejala plagiat. Gejala *superstitious* dalam masyarakat Melayu adalah seperti kehadiran rama-rama di dalam rumah, bunyi kicauan burung, atau ular masuk ke rumah—semuanya memberikan alamat akan berlaku sesuatu, sama ada baik mahupun buruk. Unsur *superstitious* ini diterapkan dalam bab “Pentafsir” dengan kejadian ikan paus mati di pantai Aitu dan debu gunung berapi yang membawa alamat buruk (kisah kehadiran ikan paus mati itu berlawanan dengan ikan paus yang menyelamatkan Nabi Yunus); begitu juga halnya dengan penyu raksasa yang bergerak dari tempatnya di lautan yang menandakan gempa bumi akan berlaku (“Bahtera”). Haiwan air sebagai pemberi alamat buruk ini juga terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah* yang memunculkan buaya putih. Dalam bab “Hering”, peristiwa zakar mayat politikus muda yang hidup dan terpaksa ditundukkan oleh gundiknya dipinjam daripada *Tuhfat al-Nafis* yang menceritakan perihal sebab Cik Pung bunting mengandungkan anak Sultan Mahmud II (Virginia Matheson Hooker 1991: 144).

Asal usul Presiden dapat digandingkan dengan hipogramnya dalam sastra rakyat Melayu iaitu cerita Si Tenggang yang menjalani perubahan status sosial selepas bertemu dengan nakhoda yang kaya-raya. Tetapi dalam *Naratif Ogonshoto*, kisah Si Tenggang itu telah didemistifikasikan: Jika Si Tenggang menolak kehadiran ibunya yang tua dan hodoh, Presiden bertindak sebaliknya, iaitu terus mencari ibunya dan melutut sebagai tanda penghormatannya yang tinggi kepada ibunya. Dalam bab “Bahtera” juga kisah pembinaan bahtera oleh nakhoda yang percaya akan berlakunya gempa bumi merupakan peminjaman daripada kisah Nabi Nuh yang membina bahtera besar bagi menyelamatkan kaumnya daripada banjir besar. Sementara itu, bab “Kamera” memunculkan sebuah ciptaan moden yang dapat merakam gambar pada masa lampau; dan ini berkait dengan teropong ajaib yang terdapat dalam novel *Putera Gunung Taban* dengan versi yang diubah suai. Anwar Ridhwan telah memanipulasi kaedah interteks dalam membina naratif ini, yakni meminjam mana-mana unsur yang terdapat dalam teks lain lalu mengolahnya dalam versi tersendiri.

Dalam konsep imaginasi, teknik pencerekaan oleh Anwar Ridhwan ini adalah lazim kerana imaginasi merupakan satu usaha mengumpul imej yang bertaburan ke dalam satu bentuk yang tersendiri. George Henry Lewes (1969: 29) menyatakan bahawa imaginasi ialah:

*...the power of forming images; it reinstates, in a visible group, those objects which are invisible, either from absence or from imperfection of our senses. That is its generic character. Its specific character, which marks it off from Memory, and which is derived from the powers of selection and recombination....*

Teks yang menggabungkan elemen tradisional Melayu dengan cara yang berseni dan melarutkannya ke dalam satu adunan yang kompleks ini sudah mencapai taraf sastra antarabangsa. Bukan latar dan watak asing yang mengangkat teks ini ke taraf sastra antarabangsa tetapi kompleksiti struktur dan pemikirannyalah yang lebih utama. Teks ini tidak bergelumang dengan persoalan setempat tetapi dalam masa yang sama mampu mengangkat elemen tradisi. Elemen tradisi yang berakar dalam kebudayaan Melayu mengejapkan kekukuhan binaan teks yang mengangkat pemikiran politik sejagat.

## **NARATIF OGONSHOTO MELALUI BACAAN PASCAKOLONIAL**

Pengambilan sumber tradisi adalah sebagai satu usaha untuk melepaskan diri daripada ketergantungan pada sumber luar, terutamanya dari Barat yang pernah menjajah negara pengarang. Usaha ini lebih

sesuai dilihat sebagai satu bentuk dekolonisasi atau disebut oleh Braginsky sebagai neotradisionalisme yang dihuraikannya seperti berikut: “...the sum total manifestations of hybrid culture arising as a result of reinterpretations of forms of traditional culture by Europeanised consciousness.” (Braginsky 1996: 6) Pengambilan sumber tradisi dilihat sebagai usaha pemulihan kesusasteraan rakyat, meraikan semula budaya etnik, dan mengangkat jati diri bangsa. Pengarang peribumi tidak lagi mengagumi bawaan Barat seratus peratus dan tidak mahu terikat dengan metanaratif, atau naratif agung. Oleh itu, bagi merombak bentuk teks moden genre cerpen dan novel yang dibawa oleh Barat, pengarang menggali sumber tradisi lalu menggabungkannya dengan genre baru. Inilah yang dilakukan Anwar.

Di samping itu, wajah teks pascakolonial juga tergambar pada ceritanya, terutama pada peribadi dan tindak-tanduk Presiden Ogonshoto yang kolonialis dari segi amalan, natif dari segi keturunan. Presiden yang zalim dalam *Naratif Ogonshoto* merupakan jelmaan watak kolonial, dan ini sangat disadari oleh pengarang apabila menyamakan Presiden itu dengan “kolonial”. Kehadiran unsur kolonial ini meletakkan *Naratif Ogonshoto* sebagai karya pascakolonial walaupun tiada lagi soal penjajahan dari luar atau dari Barat secara langsung dalam dunia Ogonshoto. Kolonialisme yang berlaku ialah kolonialisme dalaman atau *internal colonialism* dan ini berupa satu ciri dalam wacana pascakolonial. Persoalan ini telah ditegaskan oleh pengarang pada bab “Kolonial” apabila dikatakan Istana Presiden dipagari tujuh tembok ghaib:

...semangat mahasiswa yang telah dicabut dan dipasak ke bumi, semangat nelayan yang telah dirantai ke tanah, semangat petani yang telah dibelenggu ke batu hitam muntahan gunung api, suara wartawan radikal yang hanya layak mending kaki bukit keliling Istana, suara seniman tulen yang hanya cocok memagar keliling pekarangan, empangan darah pembangkang, dan sederetan laung mangsa penyiksaan [sic] serta pembunuhan misteri.

(Anwar Ridhwan 2001: 30-31)

Dalam istilah teori pascakolonial, apabila wujud kolonialisme dalaman, yakni tekanan daripada penguasa terhadap rakyatnya sendiri, wujudlah “dunia keempat”, iaitu jejeran simbolik daripada tiga sistem dunia yang sedia wujud: dunia pertama (blok negara maju, negara utara), dunia kedua (blok komunis), dan dunia ketiga (negara sedang membangun, negara selatan).

Perihal pascakolonialiti dalam teks ini dapat diperjelas melalui watak Presiden Ogonshoto. Presiden itu hanya seorang anak haram hasil percantuman benih daripada penjajah Barat dengan anak peribumi, berasal daripada Malagana. Percantuman benih luar nikah itu memastikan wujudnya gejala awal unsur pascakolonial, iaitu hibrida. Dalam teori pascakolonial, hibrida yang berupa cantuman antara peribumi dengan penjajah menghasilkan manusia yang *ambivalence*, berbelah bahagi antara hendak mempertahankan nilai peribumi dengan menganut nilai penjajah Barat. Keadaan *ambivalence* atau berbelah bahagi dalam wacana pascakolonial diambil daripada teori Freud yang mengatakan bahawa sikap ini wujud apabila dua naluri yang bertentangan membentuk satu ketetapan yang hampir sama. Homi K. Bhabha menyatakan bahawa objek wacana kolonial ditandai oleh *ambivalence* antara penafian (*derided*) dengan keinginan (*desired*) (Peter Childs dan R.J. Patrick Williams 1997: 124). Bhabha mengambil tulisan Frantz Fanon sebagai asas membentuk konsep *ambivalence*. Sementara Fanon menyimpulkan bahawa keinginan peribumi ialah mendiami tempat tinggal penjajah, Bhabha menambah bahawa penjajah juga dari tempatnya yang tinggi mahu melihat ke bawah bagi mencari identitinya. Penjajah dikatakan terperangkap dalam dua keinginan iaitu antara megalomania dan keinginan untuk menyeksa (Peter Childs dan R.J. Patrick Williams 1997: 125). Inilah yang terlihat pada Presiden apabila dia membawa nilai demokrasi liberal, sistem ekonomi kapitalis dalam pemerintahannya di Ogonshoto tetapi dalam masa yang sama menyatakan bahawa sistem Barat itu tidak cocok diikuti sepenuhnya di negara belahan Timur. Tetapi sebagai manusia yang mahukan kekuasaan, Presiden lalu mengubah peribadinya menjadi manusia Barat yang rakus, dengan menganut nilai negatif yang dihuraikan oleh Nicollo Machiavelli iaitu “matlamat menghalalkan cara”.

Presiden ialah manusia mimikri, iaitu manusia peniru yang sebenarnya pewaris nilai penjajah. Ini jelas kerana dia dikatakan menuntut ilmu di Eropah selepas mengikuti sebuah kapal dagang Eropah yang berlabuh di perairan Ogonshoto semasa kecilnya. Dia membesar dalam keluarga bangsawan dan mendapat pendidikan Barat secara total. Sebagai manusia yang *ambivalence* dan mimikri, presiden memakai topeng putih walaupun kulitnya berwarna (*black skin, white mask*, kata Frantz Fanon). Hasil didikan total Barat, Presiden kembali ke negara asalnya dan membawa nilai kerakusan untuk memperoleh dan mengekalkan kuasa yang berleluasa dalam tamadun Barat. Dia membaca buku Machiavelli, *Discourses on Livy* dan *The Prince*. Dia sebenarnya bukan lagi manusia peribumi tetapi manusia penjajah, ejen kolonial, atau diistilahkan sebagai *comprador*. *Comprador* ialah manusia yang telah diindoktrinasi dalam nilai penjajah Barat lalu dia menjadi penyambung nilai itu di negara bekas tanah jajahan walaupun penjajahan sudah berakhir. Dalam “Minute to Parliament 1853” oleh Lord Macaulay, kerajaan British semasa menjajah India disaran supaya melahirkan satu golongan elit India yang dikatakannya sebagai “*a clas of persons Indian in blood and colour, but English in tastes, opinions, in morals, and in intellect*” bagi menjamin kelangsungan imperialisme British di India. Demikianlah Presiden, walaupun dia berasal dari Malagana, dia telah diasuh oleh Barat dan sudah menjadi Barat dalam erti penganut nilai. Presiden meneruskan kelangsungan nilai penjajah terhadap rakyatnya demi mengekalkan kekuasaannya.

Anwar menghantar idea dekolonisasi melalui pengisahan Presiden Ogonshoto. Maksudnya, penguasa yang berada dalam kepungan mentaliti Barat tidak akan menjadi penguasa yang baik. Mereka akan menjadi zalim terhadap rakyatnya demi kepentingan individu kerana dalam sistem kapitalisme Barat dan pemikiran yang beralur daripada Abad Pencerahan (*Enlightenment*), kedudukan individu adalah lebih penting daripada masyarakat. Oleh itu, maka Presiden Ogonshoto telah ditampilkan sebagai manusia rakus yang mementingkan diri sendiri dan sanggup melakukan sebarang cara demi matlamat kekuasaannya. Namun demikian, Anwar tidak parokial dalam soal ini. Pemikiran yang terkandung dalam *Naratif Ogonshoto* bersifat sejagat dan tidak terkepong dalam jaringan waktu. Teks ini bercakap tentang manusia di mana-mana dan pada bila-bila masa kerana permainan politik dalam ketamadunan manusia berlaku sepanjang zaman dalam pola yang hampir sama. Dari sudut ini, Anwar Ridhwan telah menetengahkan sebuah karya yang berwajah Melayu tetapi bersuara untuk khalayak antarabangsa.

Teks ini tidak mementingkan latar waktu dan latar tempat walaupun penjelasan tentang aspek itu diberikan secara imajinatif sepenuhnya. Perincian aspek latar berfungsi sebagai penafian sindrom kamar kosong bagi menguatkan kesan *verisimilitudeny*a. Untuk itu, dinamakannya Kepulauan Ogonshoto (Gora-Gora, Rai-Rapa, dan Futu-Ata) dan dihubungkannya pula dengan Jepun. Penamaan lokasi ini telah menjadikan latar tempatnya sebagai sesuatu yang seolah-olah benar wujud atau objektif tetapi tidaklah begitu penting. Latar itu akhirnya lenyap dan kelenyapannya tidak pula dipersoalkan berbanding dengan kebenaran pemikirannya.

## **PENUTUP**

*Naratif Ogonshoto* berdiri sebagai sebuah teks yang lengkap teradun pelbagai unsur daripada pelbagai sumber, dan teks ini terhasil sebagai karya yang tinggi nilainya ibarat madu yang telah melalui proses penyaringan daripada sumber yang pelbagai. *Naratif Ogonshoto* menawarkan satu penyelesaian yang menarik dalam usaha para seniman menghantar suara radikalnya untuk mengkritik sesuatu golongan yang berkuasa. Karya ini telah menampilkan keupayaan karya seni untuk memberikan teguran yang keras tetapi berkias. Dari segi ini, Anwar telah memanipulasi kaedah kritikan cara Melayu yang banyak ditemukan dalam sastra rakyat dan sastra sejarah dengan cara yang sangat halus tetapi menikam.

## **BIBLIOGRAFI**

- A. Samad Ahmad (Peny.) 2000. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan kelapan.
- Anwar Ridhwan. 2001. *Naratif Ogonsboto*. Kuala Lumpur: Matahari.
- Childs, Peter and R.J. Patrick Williams. 1997. *An Introduction to Post-Colonial Theory*. London: Prentice Hall.
- Foucault, Michel. 1970. *The Order of Things: An Archeology of the Human Sciences*. New York: Pantheon Books.
- Frantz Fanon. 1966. *The Wretched of the Earth*, terj. oleh Constance Farrington, First Evergreen Edition. New York: Grove Press.
- Henry Lewes, George. 1865. *The Principles of Success in Literature*. Kata Pengantar Geoffrey Tillotson 1969. England: Gregg International Publishers Limited.
- Hooker, Virginia Matheson. 1991. *Tubfat Al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Abas. 1995. *Kritikan Karya Sastra Sebagai Karya Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Machiavelli, Niccolo. 1990. *Penguasa: Surat Seorang Negarawan Kepada Pemimpin Republik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Ketiga.
- Noriah Taslim. 2004. Memecah hegemoni modenisme. *Pemikir*, April-Jun. hlm. 33-48.
- Pratt, Mary Louise. 1981. The short story: The long and the short of it. *Poetic*, Vol. 10, 1981: 175-193.
- Yasraf Amir Piliang. 2003. *Hipersemiotika: Tafsir Cultural Studies Atas Matinya Makna*. Yogyakarta: Jalasutra.

